

BAB III: PAS DALAM ERA-ERA AHMAD FUAD HASAN, DR ABBAS ALIAS DAN DR BURHANUDDIN AL-HELMY (1951-1965)

Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan perjalanan PAS dari tahun 1951 ke tahun 1965, di mana perbincangan kita akan bermula dengan peristiwa kelulusan usul untuk menubuhkan "Persatuan Ulama' Se-Malaya" pada 23 Ogos 1951 dan akan berakhir dengan peristiwa penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Dr Burhanuddin al-Helmy pada 28 Januari 1965. Di dalam jangka masa ini, PAS telah mempunyai tiga orang Yang Dipertua Agung, iaitu Ahmad Fuad Hasan, yang memegang jawatan itu dari tarikh pemilihan beliau di dalam Persidangan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ketiga pada 24 November 1951¹ sehingga ke tarikh perletakan jawatan beliau di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama pada 26 September 1953,² Dr Abbas Alias, yang memegang jawatan itu dari tarikh pemilihan beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954³ sehingga ke tarikh pemilihan Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24

¹ Safie Ibrahim (1981). *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*. Pasir Putih: Nuawi Ismail. Hlm. 27-28; Baharuddin Abdul Latif (1994). *Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987)*. Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. Hlm. xxv-xxvi; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 3 April 1952. Hlm. 4.

² Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 17 dan 19.

³ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 13-14. Dr Abbas Alias juga telah dilantik memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS sejurus setelah perletakan Ahmad Fuad Hasan dari jawatan itu di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama pada 26 September 1953 (Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 19).

dan 25 Disember 1956,⁴ dan Dr Burhanuddin al-Helmy, yang memegang jawatan itu dari tarikh pemilihan beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956⁵ sehingga ke tarikh penahanan beliau pada 28 Januari 1965.⁶

Di dalam jangka masa ini juga, perjalanan PAS adalah dipandu oleh Perlembagaan PAS 1951 sehingga ia digantikan oleh Perlembagaan PAS 1954 pada 31 Mei 1955 (secara praktiknya, perlembagaan ini telah digunakan mulai dari 14 Ogos 1954 lagi) dan oleh Perlembagaan PAS 1963 pada 25 Jun 1963. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah melangsungkan sebanyak 2 mesyuarat agung khas⁷--1 dalam era Ahmad Fuad Hasan, iaitu Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama di Madrasat al-Masriyyah, Tanah Liat, Bukit Mertajam, pada 26 September 1953, dan 1 dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy, iaitu Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 15 Oktober 1961--di samping telah turut melangsungkan sebanyak 12 mesyuarat agung tahunan--2 dalam era Ahmad Fuad

⁴ Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956). Bil. 7. Hlm. 1.

⁵ Ibid. Hlm. 1.

⁶ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Negeri dan (Yang Dipertua-Yang Dipertua) PAS Cawangan bertarikh 2 Februari 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Walau bagaimanapun, secara *de jure*nya, Dr Burhanuddin al-Helmy terus juga memegang jawatan Yang Dipertua Agung PAS di antara tarikh penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri beliau pada 28 Januari 1965 ini dan tarikh kematian beliau pada 25 Oktober 1969 (Surat S Kathiravelu kepada Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 14 Mac 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1; Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966. Hlm. 22; dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 31).

⁷ Selaras dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962 yang bersetuju supaya "pindaan (perlembagaan PAS) itu ditangguhkan perbahasannya hingga tiga bulan dari tarikh mesyuarat agung (tahunan ini), (iaitu) kira-kira pada bulan April 1962" (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 18), Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Mac 1962 telah bersetuju untuk melangsungkan satu mesyuarat agung khas di Dewan Masyarakat Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur, pada 22 April 1962 untuk "membahaskan pindaan (perlembagaan) PAS itu" (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Mac 1962, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1962/1963. Hlm. 4-5), tetapi "mesyuarat (agung khas) ini telah tidak dapat dilangsungkan kerana tidak cukup korum" (Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963). Bil. 1 (Lampiran). Hlm. 1).

Hasan,⁸ 3 dalam era Dr Abbas Alias⁹ dan 7 dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy¹⁰--dan telah turut menyertai sebanyak 3 pilihan raya umum, iaitu Pilihan Raya Umum Kali Pertama yang telah dilangsungkan pada 27 Julai 1955 (Dewan Rakyat), Pilihan Raya Umum Kali Ke-2 yang telah dilangsungkan pada 19 Ogos 1959 (Dewan Rakyat) dan Pilihan Raya Umum Kali Ke-3 yang telah dilangsungkan serentak pada 25 April 1964.

PAS Di Peringkat Awal Penubuhannya

Lanjutan dari kejayaannya menganjurkan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya di Bandar Maharani, Muar, Johor, pada 21 dan 22 Februari 1950--perjumpaan yang telah menghasilkan lapan ketetapan, yang terpenting ialah untuk "mengadakan majlis perhubungan mengandungi ketua-ketua jabatan (agama) dan ketua-ketua majlis agama bagi merundingkan perkara-perkara agama yang mengenai orang-orang Islam supaya

⁸ Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan yang telah dilangsungkan oleh PAS dalam era Ahmad Fuad Hasan ialah Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama yang telah dilangsungkan di Dewan Madrasat ad-Da'irat al-Ma'arif al-Wataniah, Kepala Batas, Seberang Perai, pada 3 Januari 1953 dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 yang telah dilangsungkan di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak, pada 26 dan 27 Ogos 1953.

⁹ Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan yang telah dilangsungkan oleh PAS dalam era Dr Abbas Alias ialah Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 yang telah dilangsungkan di Madrasat al-Tahzib al-Diniah, Titi Serong, Parit Buntar, Perak pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 yang telah dilangsungkan di Madrasat al-Ahmadiah, Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan, pada 26, 27 dan 28 Disember 1955 dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 23, 24 dan 25 Disember 1956.

¹⁰ Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan yang telah dilangsungkan oleh PAS dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy ialah Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 24 dan 25 Ogos 1957; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 25, 26 dan 27 Disember 1958; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 26, 27 dan 28 Disember 1959; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 yang telah dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 11, 12 dan 13 Februari 1961; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 yang telah dilangsungkan di Gudang Persatuan Guru-Guru Melayu Kedah, Alor Setar, pada 5 dan 6 Januari 1962; Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 yang telah dilangsungkan di Dewan Kesatuan Syarikat Guru-Guru Melayu, Bandar Melaka, Melaka, pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963; dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 yang telah dilangsungkan di Bangunan Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur, pada 22 dan 23 Ogos 1964.

perjalanan hal ehwal agama dapat disamakan di seluruh Tanah Melayu"¹¹--Majlis Tertinggi UMNO telah, di dalam mesyuaratnya pada 30 Jun 1951, bersetuju pula untuk mengadakan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-2 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 23 Ogos 1951.¹² Di sebalik kewujudan 22 usul yang telah dirancang untuk dibahaskan di dalam Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-2 ini,¹³ ia hanya membahas dan meluluskan dua usul yang telah dikemukakan oleh Ahmad Fuad Hasan, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agama UMNO, iaitu untuk memperbaharui dan meneruskan langkah menyatu dan menyamakan perjalanan hal ehwal agama di seluruh Tanah Melayu serta untuk menubuhkan "Persatuan Ulama' Se-Malaya", juga untuk menubuhkan dua buah jawatankuasa kecil bagi melaksanakan kedua-dua ketetapan itu.¹⁴

Setelah draf perlombagaan yang dirangka oleh salah sebuah jawatankuasa kecil itu dibentang untuk dibahaskan di dalam Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 di Ibu Pejabat UMNO Butterworth, Seberang Perai, pada 24 November 1951,¹⁵ para perwakilan telah akhirnya bersetuju untuk memilih "Persatuan Islam Se-Malaya",¹⁶ dan

¹¹ Peringatan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Pertama pada 21 dan 22 Februari 1950, dlm. Ahmad Fawzi Basri et al. (1991). Bumi Dipijak Milik Orang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 455-461. Tujuh ketetapan lain yang telah turut diluluskan oleh perjumpaan ini meminta supaya diwujudkan Kolej Islam Se-Malaya, dikurangkan cukai haji dan disediakan tempat layanan yang baik terhadap jemaah haji, disatu dan disamakan tarikh permulaan puasa dan tarikh hari raya di seluruh Malaya; diwujudkan satu kerjasama dengan Jamaah Dakwah Islamiah bagi menyiarkan seruan agama seluas-luasnya, diwujudkan jabatan agama Islam di Pulau Pinang dan Melaka, diwujudkan derma pelajaran tinggi agama Islam bagi penuntut-penuntut yang belajar di luar negara dan diwujudkan sekolah agama sebelah petang di setiap tempat yang mempunyai sekolah Melayu.

¹² Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Puteh: Nuawi Ismail. Hlm. 14-15.

¹³ Peringatan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Pertama pada 21 dan 22 Februari 1950, dlm. Ahmad Fawzi Basri et al. (1991). Bumi Dipijak Milik Orang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 461-466.

¹⁴ Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Puteh: Nuawi Ismail. Hlm. 18-19.

¹⁵ Ibid. Hlm. 18-19.

bukannya "Pertubuhan Ulama' Se-Malaya",¹⁷ sebagai nama PAS di samping untuk menegaskan bahawa tujuan utama PAS adalah untuk "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi",¹⁸ dan bukannya sekadar untuk "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam"¹⁹ semata-mata. Walaupun begitu, usaha sesetengah perwakilan untuk

¹⁶ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 1. Safie Ibrahim dan Baharuddin Abdul Latif menyatakan bahawa nama "Persatuan Islam Se-Malaya" ini telah dicadangkan oleh Muhammad/Mohd Ma'sum yang mewakili Jamaah Masjid, Telaga Air/Ayer, Butterworth/Seberang Perai" (Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Puteh: Nuawi Ismail. Hlm. 18-19; dan Baharuddin Abdul Latif (1994). Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987). Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. Hlm. xxiii) manakala Othman Hamzah pula menyatakan bahawa nama ini telah dicadangkan oleh "salah seorang wakil daripada Persatuan Al-Ehya Isy-Syariff, Gunung Semanggol, Perak (Othman Hamzah, Sejarah Ringkas Penubuhan PAS, dlm. Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan (1985). MestiKA Kenangan Sempena Hijrah 1406. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan. Hlm. 12-13), lebih tepat lagi, oleh "saya (sendiri)", tetapi, sewaktu cadangan-cadangan nama PAS diminta dikemukakan secara rasmi, "wakil Jamaah Masjid, Telaga Air, Seberang Perai, telah mengemukakan semula cadangan nama pindaan saya sebelum saya sendiri (sempat berbuat demikian)" (Othman Hamzah, Riwayat Penubuhan PAS Dan Dewan Ulama', dlm. Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat (1987). 36 Tahun PAS: Meniti Liku Perjuangan. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat. Hlm. 4-5).

¹⁷ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 1.

¹⁸ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 3(a). Mengikut Othman Hamzah, kewujudan perkataan siasah (politik) di dalam tujuan pertama PAS, juga di dalam tujuan keempat PAS (bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di dalam negeri ini yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam di dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan peri kemanusiaan), yang dikatakan dibuat di atas inisiatif bekas-bekas ahli HM ini menyebabkan "sifat pertubuhan ini secara automatik (telah bertukar) dari sebuah pertubuhan kebajikan kepada sebuah pertubuhan politik" (Othman Hamzah, Sejarah Ringkas Penubuhan PAS, dlm. Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan (1985). MestiKA Kenangan Sempena Hijrah 1406. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan. Hlm. 12). Hasan Adli Arshad juga telah secara umumnya menyatakan: "UMNO pada mulanya menuahkan sebuah badan ulama' Islam dalam UMNO dan nama yang dicadangkan pun ialah Pertubuhan Ulama' Se-Malaya, tetapi golongan-golongan muda Islam yang berjiwa politik telah mempengaruhi sidang Kongres Ulama' anjuran UMNO di Kepala Batas, Pulau Pinang, (pada) tahun 1951 itu dan menukar nama pertubuhan itu kepada Persatuan Islam Se-Malaya dan (perlembagaan)nya yang (sebelum)nya hanya bercorak keagamaan dan kebajikan ditukar secara spontan menjadi sebuah parti politik Islam" (Surat Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Neil John Funston bertarikh 9 September 1970 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹⁹ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 2(i).

memperuntukkan bahawa Pegawai-Pegawai PAS²⁰--atau ahli-ahli PAS itu sendiri²¹-- hendaklah terdiri daripada individu yang tidak menjadi ahli kepada sebarang parti politik yang lain tidak pula menemui kejayaan sekaligus membolehkan tumpuk kepimpinan parti itu didominasikan oleh individu yang turut menjadi pemimpin kepada UMNO.²²

Berikutnya, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama di Dewan Madrasat ad-Da'irat al-Ma'arif al-Wataniah, Kepala Batas, Seberang Perai, pada 3 Januari 1953 telah meluluskan pula 7 rancangan politik PAS²³ yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja PAS, iaitu memperkenalkan kemerdekaan tulen kepada rakyat, menanamkan semangatnya dan menunjukkan cara-cara mencapainya; memperkenalkan demokrasi sejati kepada umat Islam, menyatakan faedah-faedahnya, menanamkan semangatnya dan menunjukkan cara-cara mencapainya; mengatur sebuah Dewan Pemuda yang akan melaksanakan cita-cita merdeka PAS dan sebuah Dewan Ulama' yang akan bertindak

²⁰ Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Putih: Nuawi Ismail. Hlm. 27; dan Baharuddin Abdul Latif (1994). Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987). Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. Hlm. xxiv-xxv.

²¹ Othman Hamzah, Sejarah Ringkas Penubuhan PAS, dlm. Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan (1985). Mestika Kenangan Sempena Hijrah 1406. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan. Hlm. 12-13; dan Baharuddin Abdul Latif (1994). Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987). Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. Hlm. xxiii-xxiv.

²² Pegawai-Pegawai PAS yang telah dipilih di dalam perjumpaan ini ialah Ahmad Fuad Hasan (Yang Dipertua); Mohd Ghazali Abdullah (Timbalan Yang Dipertua); Husin Che Dol, Faqih Mohd Nor dan Abdul Rahman Jamaluddin (Naib-Naib Yang Dipertua); Ahmad Maliki (Setiausaha Agung); Ahmad Hussain (Bendahari) serta Yahya Junid, Othman Talib, Mohd Nor Mahyuddin, Zabidi Ali, Abdul Wahab Mohd Nor, Ash'lya Abdul Majid, Mohd Majzub Yunus dan Ahmad Badawi (Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja) (Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Putih: Nuawi Ismail. Hlm. 27-28; Baharuddin Abdul Latif (1994). Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987). Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. Hlm. xxv-xxvi; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 3 April 1952. Hlm. 4). Safie Ibrahim walau bagaimanapun telah merujukkan "Ahmad Badawi" sebagai "Ahmad Badur".

²³ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 13, 14, 16 dan 17. Usul ke-5 daripada 19 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama ini pada asalnya mengandungi lapan butiran, tetapi salah satu (butiran ke-6) daripadanya, iaitu "melantik sebuah badan khas dengan diberi kuasa penuh untuk membuat perhubungan dengan semua badan politik di Malaya bagi merancangkan soal-soal kemerdekaan mengikut dasar (Perlombagaan) PAS" telah tidak diluluskan oleh para perwakilan kerana peruntukan tentangnya dikatakan telah wujud di dalam Perlombagaan PAS (Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari

sebagai badan penasihat yang bertanggungjawab ke atas segala perkara keagamaan di dalam PAS; memperkenalkan PAS kepada dunia Islam, khususnya kepada badan-badan kebajikan Islam, serta membuat perhubungan dengan mereka di dalam soal kebajikan; menimbulkan cogan-cogan Islam;²⁴ menegakkan sebuah negara merdeka yang didirikan oleh rakyat, daripada rakyat, kerana rakyat²⁵ dan mencadangkan kemerdekaan Malaya dalam lingkungan "British Commonwealth".²⁶ Turut signifikan adalah keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS ini memilih "merdeka" sebagai cogan kata PAS.²⁷

Selaras dengan cogan katanya, PAS telah, di atas pertimbangan untuk mencapai kemerdekaan negara, menghantar Ahmad Fuad Hasan dan Muhammad Hanif bagi menghadiri Persidangan Kebangsaan anjuran 16 orang-orang terkemuka termasuk 7

1953). Bil. 1; dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 14).

²⁴ Butiran ini telah dicadang untuk digantikan dengan satu butiran lain yang berbunyi "melaksanakan hukuman-hukuman dan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan orang seorang, masyarakat dan negara menuju keredhaan Ilahi" oleh wakil Hilir Perak, tetapi cadangan ini telah dikalahkan apabila ia hanya memperolehi 6 undi berbanding 15 undi membangkang (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 14).

²⁵ Frasa "yang didirikan oleh rakyat, daripada rakyat, kerana rakyat" di dalam butiran ini telah dicadang untuk digantikan dengan satu frasa lain yang berbunyi "yang berdasarkan ketuhanan yang maha esa, demokrasi, keadilan sosial, peri kemanusiaan dan kebangsaan" oleh wakil Hilir Perak, tetapi cadangan ini telah dikalahkan apabila ia hanya memperolehi 9 undi berbanding 15 undi membangkang (Ibid. Hlm. 14).

²⁶ Keseluruhan butiran ini telah dicadang untuk dibuang terus oleh wakil Hilir Perak, tetapi cadangan ini telah dikalahkan apabila ia hanya memperolehi 4 undi berbanding 22 undi membangkang (Ibid. Hlm. 14).

²⁷ Ibid. Hlm. 15 dan 17. Selain memperkenalkan cogan kata PAS, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama ini turut memilih "merah putih dengan pangkal sebelah atasnya mengandungi satu bulatan hijau bertulis 'Allah Muhammad'" sebagai bendera PAS. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama ini juga telah, disebabkan ketidaaan pencalonan lain, menerima senarai keanggotaan Jawatankuasa Kerja PAS bagi sesi 1953 yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja PAS yang sedia ada menyebabkan terlantiknya Ahmad Fuad Hasan sebagai Yang Dipertua; Mansor J P sebagai Timbalan Yang Dipertua; Husin Che Dol, Mohd Noor Mahyuddin dan Abdul Rahman Jamaluddin sebagai Naib-Naib Yang Dipertua bagi kawasan-kawasan utara, tengah dan selatannya; Ahmad Hussain sebagai Bendahari Agungnya; Ahmad Maliki, Ahmad Badawi, Ahmad Long, Muhammad Hanif, Yahya Junid, Zabidi Ali, Zabidi Aman dan Abdul Halim sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerjanya (Ibid. Hlm. 15).

Menteri Besar mulai 6 Mei 1953,²⁸ persidangan yang telah--selain melantik Ahmad Fuad Hasan sebagai seorang ahli jawatankuasanya²⁹--memutuskan ketidaksetujuannya ke atas tuntutan supaya Pilihan Raya Dewan Undangan Persekutuan diadakan pada tahun 1954.³⁰ Sementara ia telah pun menyediakan lima garis dasar perlombagaan Malaya merdeka--satu daripadanya menegaskan bahawa Malaya merdeka hendaklah menjadikan agama Islam agama rasminya--untuk dibawa ke dalam Persidangan Kebangsaan yang seterusnya,³¹ PAS juga telah turut menghantar Muhammad Hanif dan Ahmad Awang bagi menghadiri Perhimpunan Kebangsaan anjuran UMNO-MCA pada 23 Ogos 1953,³²

²⁸ Penyata Tahunan PAS 1953. Hlm. 18-19. Penghantaran Ahmad Fuad Hasan dan Muhammad Hanif bagi menghadiri Persidangan Kebangsaan (National Conference) ini telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 6 April 1953 yang berbuat demikian setelah ia "memandang keadaan kedudukan politik Malaya sekarang, lebih-lebih oleh cita-cita bagi mencapai sebuah negara yang merdeka, serta memandang bagaimana mustahaknya semua orang yang mempunyai pengaruh politik dan badan-badan politik yang mewakili seluruh rakyat jelata dengan tidak mengira puak atau golongan bersatu dan berunding sama dalam satu barisan bagi mencapai cita-cita rakyat seluruhnya".

²⁹ Ibid. Hlm. 19. Perlantikan ini telah dibuat di dalam mesyuarat pertama Persidangan Kebangsaan pada 6 Mei 1953 yang turut bersetuju untuk "mengadakan jalan-jalan bagi menarik badan-badan politik yang belum bergabung dengan persidangan ini".

³⁰Ibid. Hlm. 19. Sementara mesyuarat kedua Persidangan Kebangsaan pada 28 Mei 1953 menyandarkan ketidaksetujuannya ini, dan seterusnya menetapkan bahawa "(Pilihan Raya Dewan Undangan Persekutuan) itu dijalankan pada tahun 1956", kepada faktor-faktor yang berbunyi "bahawa yang demikian itu tidak mungkin dijalankan kerana hingga hari ini persediaan-persediaan (ke arah itu) belum dibuat" dan "bahawa semua negeri dalam Tanah Melayu belum lagi menjalankan Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Negeri dan demikian juga Pilihan Raya Majlis Mesyuarat Bandaran pun belum meratai lagi dijalankan di seluruh Tanah Melayu", Jawatankuasa Khas Perhimpunan Kebangsaan (National Convention) pula menyatakan bahawa "*the people are fit for elections (and) this is proved beyond doubt by the turn out of the large percentage of the electorate who went to the polls in elections held to date*" (Tan Tong Hye (1979). The Prince and I. Singapore: Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte Ltd. Hlm. 34).

³¹ Penyata Tahunan PAS 1953. Hlm. 18 dan 20; dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 3. Empat garis dasar lain yang telah turut diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 26 Mei 1953 ini ialah bahawa "perlombagaan ini hendaklah dinamakan 'Perlombagaan Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu' dan hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan perkataan 'The Constitution of the Federation of Malay Peninsula'", bahawa "bahasa rasmi bagi Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu itu hendaklah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua bagi sementara (waktu)", bahawa "negara Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu hendaklah negara bersekutu (federal) yang berdasarkan demokrasi, dengan mempunyai dewan perwakilan rakyat sebagai majlis yang tertinggi sekali di dalam perlombagaannya, dan menjalankan pentadbirannya dengan cara berkementerian" dan bahawa "kerakyatan negara Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu itu hendaklah sebagaimana kerakyatan negara Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) yang ada pada hari ini".

³² Penyata Tahunan PAS 1953. Hlm. 19-20. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 26 Julai 1953 walau bagaimanapun telah sebelumnya memutuskan bahawa wakil-wakil PAS yang akan menghadiri

perhimpunan yang telah meluluskan satu ketetapan yang menuntut supaya pilihan raya itu diadakan pada tahun 1954³³ di samping telah turut melantik sebuah jawatankuasa khas untuk menimbang dan mencadangkan perubahan-perubahan di dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu³⁴ --ketetapan yang menghadapkan PAS kepada satu dilema.

Tindakan Jawatankuasa Kerja PAS menghantar Ahmad Fuad Hasan dan Muhammad Hanif menghadiri Persidangan Kebangsaan dan tindakan Ahmad Fuad Hasan menerima lantikan sebagai ahli jawatankuasanya³⁵ walau bagaimanapun telah dipertikaikan oleh wakil-wakil Hilar Perak dan Bukit Besar di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2³⁶ di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk,

Perhimpunan Kebangsaan ini ialah Ahmad Fuad Hasan dan Muhammad Hanif, dan bukannya Muhammad Hanif dan Ahmad Awang.

³³ Mengikut Tan Tong Hye: "We decided on 1954 as a target-date (for Federal Elections) because, by 31 January of that year, the life of the existing Federal Legislative Council would end and with it the life of the new Council would begin. The moment was therefore opportune to seek the election of new members on democratic lines" (Tan Tong Hye (1979). The Prince and I. Singapore: Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte Ltd. Hlm. 31).

³⁴ Siaran Jawatankuasa Khas Perhimpunan Kebangsaan bertarikh 23 Ogos 1953 bertajuk "Penyata Berkennaan Cadangan-Cadangan Pilihan-Pilihan Raya Bagi Dewan Mesyuarat Undangan Persekutuan dan Bagi Perhubungan Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Yang Telah Disediakan Oleh Jawatankuasa Khas Perhimpunan Kebangsaan". Hlm. 1; dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 3. Jawatankuasa khas ini dianggotai oleh Tengku Abdul Rahman Putra (UMNO), Dr Ismail Abdul Rahman (UMNO), Mohd Yassin Abdul Rahman (UMNO), Mohd Daud Salleh (PMK), Ahmad Abdul Rahim (PEMAS), H S Lee (MCA), Leong Yew Koh (MCA), S M Yong (MCA), Tan Siew Sin (MCA) dan Ong Yoke Lin (MCA) dengan T H Tan dan Abdul Aziz Ishak dilantik sebagai setiausaha dan penolong setiausaha. Salah seorang wakil PAS, iaitu Muhammad Hanif, yang telah turut dilantik menganggotainya walau bagaimanapun "tidak dapat menerima kerana telah diikat oleh keputusan Mesyuarat (Jawatankuasa Kerja PAS pada 26 Julai 1953 yang menyatakan bahawa wakil-wakil PAS "tidak boleh menerima sebarang lantikan")".

³⁵ Menariknya, Ahmad Fuad Hasan sendiri telah sebelumnya cuba memberikan jaminan kepada ahli-ahli PAS bahawa "hadirnya PAS di dalam persidangan tersebut bukanlah bererti PAS mengikat diri di dalamnya" dan "(hadirnya PAS di dalam persidangan tersebut juga) bukanlah bererti bahawa PAS akan menerima dengan bulat-bulat apa-apa sahaja yang akan dibawa ke dalam persidangan itu kelak, (tetapi) PAS akan bersedia menyertai di dalam badan tersebut selagi PAS berpendapat bahawa segala tindakan yang diambil itu akan berkesan bagi mencapai kemerdekaan Malaya dan berjaya bagi menegakkan sebuah negara demokrasi" (Surat Yang Dipertua Agung PAS, Ahmad Fuad Hasan, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja PAS dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 20 April 1953 bertajuk "Meja Bulat Pada 27 April (1953) Di Town Hall, Kuala Lumpur". Hlm. 1).

³⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 3. Ahmad Fuad Hasan walau bagaimanapun telah menggunakan Undang-Undang Nombor 3(d) Perlembagaan PAS 1951 yang menyatakan bahawa salah satu tujuan PAS ialah untuk "bekerjasama dengan

Hilir Perak, Perak, pada 26 dan 27 Ogos 1953³⁷ menyebabkan para perwakilan meluluskan usul wakil Hilir Perak yang meminta supaya sebelum Jawatankuasa Kerja PAS melaksanakan sesuatu perkara yang besar, khususnya perkara yang berkait dengan politik rakyat/negara, ia hendaklah terlebih dahulu dibincangkan di dalam sebuah mesyuarat agung khas.³⁸ Di sebalik kemelut ini, Ahmad Fuad Hasan tetap dipilih sebagai Yang Dipertua Agung PAS³⁹ di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 yang turut meluluskan enam usul bagi meminda Perlembagaan PAS, dua darinya menyatakan bahawa sebutan ringkas Persatuan Islam Se-Malaya ialah PAS⁴⁰ dan bahawa satu lagi

pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di dalam negeri ini yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam di dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan perikemanusiaan" untuk menjustifikasi tindakan Jawatankuasa Kerja PAS dan tindakan beliau itu.

³⁷ Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir PAS pada 8 Julai 1953 telah asalnya memutuskan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 akan dilangsungkan pada 30 dan 31 Ogos 1953, tetapi tarikh ini telah, di atas permintaan PAS Hilir Perak yang akan menjadi tuan rumah kepadanya, dipinda kepada 26 dan 27 Ogos 1953 kerana "hari-hari ini bertepatan dengan sekolah di dalam cuti Aidil Adha" (Surat Setiausaha Agung PAS, Ahmad Awang, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja PAS, Setiausaha Setiausaha PAS Cawangan dan "wakil-wakil PAS di tempat yang belum tertubuh cawangan PAS" bertarikh 13 Julai 1953 bertajuk "Kongres Pemuda Islam Se-Malaya Dan Mesyuarat Agung PAS (Kali) Ke-2". Hlm. 1). Sehari sebelum berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 ini, iaitu pada 25 Ogos 1953, Dewan Pemuda PAS telah selamat ditubuhkan di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak, ini (Cenderamata Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 dan Kongres Pemuda Islam Se-Malaya di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak, pada 25, 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 2).

³⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 3. Wakil Hilir Perak telah menggunakan Undang-Undang Nombor 10(3) Perlembagaan PAS 1951 yang menyatakan bahawa "Mesyuarat Agung Khas (PAS) boleh diadakan dengan perintah Yang Dipertua ataupun dengan permintaan daripada empat orang ahli jawatankuasa kerja ataupun dengan permintaan dengan bersurat daripada sekurang-kurangnya satu per tiga daripada bilangan setiausaha-setiausaha dan wakil-wakil cawangan" untuk menjustifikasi pengemukaan usul ini.

³⁹ Ibid. Hlm. 8. Sementara Ahmad Fuad Hasan memenangi jawatan beliau tanpa bertanding, kesemua Ahli Jawatankuasa Agung PAS bagi sesi 1953/1954 yang lain, kecuali Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS yang diisi secara automatik oleh Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat, telah terpaksa dipilih melalui pertandingan, di mana mereka yang menang ialah Dr Abbas Alias (Timbalan Yang Dipertua Agung), Mohd Asri Muda (Setiausaha Kewangan), Ahmad Hussain (Bendahari Agung), Zabidi Ali, Ahmad Long, Mohd Nor Mahyuddin, Mansor J P, Ahmad Maliki, Muhammad Hanif, Ahmad Badawi dan Othman Taat (Ahli-Ahli Jawatankuasa Agung) (Ibid. Hlm. 8-10).

⁴⁰ Ibid. Hlm. 5. Usul membabitkan pindaan kepada Undang-Undang Nombor 1 Perlembagaan PAS 1951 ini telah dikemukakan oleh wakil Hilir Perak dan diluluskan dengan sebulat suara.

tujuan PAS ialah "(untuk) berikhtiar melaksanakan hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan orang seorang dan masyarakat menuju keredhaan Ilahi".⁴¹

Selaras dengan usul wakil Hilir Perak yang telah diluluskan dengan sebulat suara oleh para perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 itu, Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS pada 11 September 1953 telah bersetuju untuk melangsungkan satu mesyuarat agung khas di Madrasat al-Masriyyah, Tanah Liat, Bukit Mertajam, pada 26 September 1953 bagi menentukan pendirian PAS untuk sama ada meneruskan penyertaannya di dalam Persidangan Kebangsaan atau sebaliknya beralih menyertai Perhimpunan Kebangsaan.⁴² Setelah penyata-penyata dari Persidangan Kebangsaan dan Perhimpunan Kebangsaan dibentang dan dibahaskan, Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama ini telah, dengan suara terbanyak, meluluskan usul wakil Pasir Mas yang mempersetujui "PAS menyokong dan bekerjasama dengan Perhimpunan Kebangsaan anjuran UMNO-MCA tetapi tidak terikat jika sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sesuai dengan PAS" dan yang tidak mempersetujui "PAS menyokong Persidangan Kebangsaan anjuran 16 orang-orang terkemuka termasuk 7 Menteri Besar"⁴³

⁴¹ Ibid. Hlm. 4 dan 5. Usul membabitkan pindaan kepada Undang-Undang Nombor 3 Perlembagaan PAS 1951 ini telah dikemukakan oleh wakil Hilir Perak dan diluluskan setelah ia memperolehi 11 undi menyokong berbanding 8 undi membangkang.

⁴² Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 16-17. Perjalanan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama ini telah diceritakan dengan secara agak terperinci, tetapi dengan hanya berdasarkan kepada memori, oleh Amaluddin Darus di dalam sebuah buku beliau (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 47-54).

⁴³ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 16-17. Mengikut Amaluddin Darus selaku tokoh yang mengemukakan usul ini, hujjah yang telah beliau gunakan untuk menarik sokongan para perwakilan-- yang hasil daripada tinjauan beliau pada malam sebelumnya dikatakan akan menyokong pendirian Ahmad Fuad Hasan untuk membawa PAS meneruskan penyertaannya di dalam Persidangan Kebangsaan--ke atasnya adalah bahawa "kemerdekaan adalah sesuatu yang harus dicapai sekarang juga, jika dapat," dan bahawa "apa yang diperjuangkan oleh (Perhimpunan Kebangsaan) adalah mempercepatkan kemerdekaan" (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 49-50).

yang sekaligus mendorong Ahmad Fuad Hasan mengisytiharkan, di dalam ucapan penggulungan beliau, perletakan beliau dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS.⁴⁴

Ekoran perletakan jawatan Ahmad Fuad Hasan ini, Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS pada 26 September 1953 telah memutuskan untuk menghantar tiga wakilnya, iaitu Mansor J P, Ahmad Hussain dan Ahmad Maliki, bagi memujuk beliau menarik balik perletakan jawatan beliau itu tetapi usaha pemujukan ini telah menemui kegagalan menyebabkan jawatan Yang Dipertua Agung PAS tidak terisi sehinggalah Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Abbas Alias, dilantik memangku jawatan itu sekembalinya beliau dari melaksanakan tugas di Arab Saudi.⁴⁵ Sementara perletakan jawatan Ahmad Fuad Hasan tidak diikuti oleh perletakan para pemimpin PAS yang lain,⁴⁶ ia telah sekurang-kurangnya menyebabkan PAS terpaksa memindahkan lokasi ibu pejabatnya dari Tanah Liat, Bukit Mertajam, ke Kepala Batas mulai dari 19 Oktober 1953.⁴⁷ Penyertaan PAS di dalam Perhimpunan Kebangsaan pula

⁴⁴ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 17-19. Mengikut Penyata Tahunan PAS 1953/1954 ini, Ahmad Fuad Hasan telah, di dalam ucapan penggulungan beliau itu, menyatakan: "Apa yang saya katakan dan apa yang saya telah bawa persatuan ini di masa-masa yang lampau adalah sebagai pelan dan pendapat saya yang saya berasa wajib bagi menyelamatkan persatuan ini. Saya hanya dapat menyerahkan segenap tenaga dan ikhtiar usaha saya bagi menjalankan persatuan ini tatkala saya pandang dasar kerja itu sesuai dengan pendapat dan pelan saya, maka jika berlawanan tentu mustahil seseorang itu dapat menjalankannya. Mustahil bagi saya dapat menjalankan bahtera persatuan ini jika pelan-pelannya itu berlawanan dengan pelan saya". Tulis Amaluddin Darus pula: "Haji Ahmad Fuad (Hasan) bangun menyatakan perasaan dukacita (beliau) yang amat sangat. Beliau menyatakan (bahawa) beliau adalah drebar yang mempunyai lesen, kerana itu keputusan dari drebar-drebar yang tidak berlesen tidaklah dapat diterima oleh (beliau)" (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 52-53).

⁴⁵ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 17 dan 19. Sewaktu Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama ini dilangsungkan, Dr Abbas Alias berada di Arab Saudi kerana beliau telah ditugaskan untuk menjaga kesihatan jemaah haji dari Malaya.

⁴⁶ Ibid. Hlm. 19. Walaupun begitu, seorang Ahli Jawatankuasa Agung PAS, iaitu Penolong Setiausaha Agungnya, Mohd Zain Yusof, telah meletakkan jawatan beliau sebagai mengikuti perletakan jawatan Ahmad Fuad Hasan, manakala seorang lagi Ahli Jawatankuasa Agung PAS, iaitu Abdul Raof Nur, pula telah meletakkan jawatan beliau kerana keuzuran. Sementara kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Mohd Zain Yusof dibiarkan tidak terisi, kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Abdul Raof Nur pula telah diisi oleh (Tan Sri Prof. Dr?) Ahmad Ibrahim, "seorang peguam di Singapura".

⁴⁷ Ibid. Hlm. 18 dan 19. Keputusan untuk memindahkan lokasi Ibu Pejabat PAS ini telah dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir PAS pada 8 Oktober 1953.

berakhir pada 11 Oktober 1953 apabila bantahan dua wakilnya, Muhammad Hanif dan Mohd Asri Muda, ke atas cadangan jawatankuasa perhimpunan itu untuk memperluaskan hak-hak mengundi kepada penduduk-penduduk yang belum diakui taraf kerakyatan mereka mengikut dasar *jus soli*⁴⁸ telah ditolak oleh mesyuarat perhimpunan itu.⁴⁹

Permulaan Pembentukan Identiti Yang Tersendiri

Sekiranya hala tuju perjuangan PAS agak belum begitu jelas di peringkat awal penubuhannya, kekaburuan ini perlahan-lahan mula menghilang di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 di Madrasat al-Tahzib al-Diniah, Titi Serong, Parit Buntar, Perak, pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954, mesyuarat agung tahunan yang pertama kalinya menyaksikan ucapan dasarnya dibacakan oleh Setiausaha Agung PAS, Ahmad Awang, sebagai mewakili Jemaah Pemangku Yang Dipertua Agung PAS⁵⁰ yang telah dilantik untuk memangku jawatan itu ekoran kepergian sekali lagi Dr Abbas Alias ke Arab Saudi bagi melaksanakan tugasannya.⁵¹ Selain meluluskan usul yang meminta

⁴⁸ Mengikut Tan Tong Hye, Jawatankuasa Khas Perhimpunan Kebangsaan telah, setelah menjelaskan bahawa "every democratic government recognises the principle of *jus soli*, which confers citizenship rights on those born in the country", mencadangkan bahawa "at least for purposes of elections, this principle should be observed" kerana "it was highly undesirable to alienate a large portion of the population and make them feel they had no right to participate directly in the administration of the country of their birth"--perasaan yang dikatakan memungkinkan mereka menjadi "*a source of great danger to the country in time of national crisis*" (Tan Tong Hye (1979). The Prince and I. Singapore: Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte Ltd. Hlm. 35).

⁴⁹ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 19-20. Bantahan PAS, di dalam mesyuarat kedua Perhimpunan Kebangsaan pada 11 Oktober 1953 itu, terhadap cadangan perluasan hak-hak mengundi yang disifatkan sebagai "suatu dasar yang merugikan perjuangan kita di Tanah Melayu ini" dan cadangan supaya jumlah wakil-wakil lombong dan getah di dalam "Dewan Mesyuarat" dikurangkan, juga supaya wakil padi diwujudkan dan wakil hidup-hidupan dan tanam-tanaman selain daripada getah dan padi ditambahkan, hanya disokong oleh 2 wakilnya dan oleh 2 wakil PEMAS berbanding bangkangan kesemua (28) wakil UMNO dan MCA. Walau bagaimanapun, Penyata Tahunan PAS 1953/1954 ini turut menyebutkan bahawa "(sebab) kita tidak lagi mengirim wakil-wakil kita ke dalamnya (sesudah mesyuarat kedua Perhimpunan Kebangsaan pada 11 Oktober 1953 itu) ialah (kerana) jemputan mesyuarat itu selalu lewat tibanya dan kadang-kadang agendanya tiba sesudah tarikh mesyuarat, maka tentulah tak sempat dibawa ke dalam mesyuarat kita terlebih dahulu".

⁵⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 5.

PAS menarik diri dengan secara rasminya dari menyertai Perhimpunan Kebangsaan, tetapi pada masa yang sama masih lagi menyatakan kesediaannya untuk "menyokong mana-mana pertubuhan untuk kemerdekaan Malaya",⁵² Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini juga telah meluluskan satu usul lain yang menetapkan bahawa PAS akan mengambil bahagian di dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Persekutuan yang bakal dilangsungkan dengan meminta supaya ahli-ahli PAS mendermakan RM5 setiap seorang bagi memenuhi keperluan perbelanjaannya dan supaya PAS mendapatkan 2 orang simpatisan dari setiap 100 buah rumah bagi memenuhi keperluan tenaga pekerjanya.⁵³

Lebih signifikan kepada penentuan hala tuju perjuangan PAS ini ialah keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini untuk mengesahkan sebuah perlembagaan parti yang baru yang telah, selain meletakkan kelima-lima butiran tujuan PAS sebelum ini ke dalam satu fasal baru yang bertajuk "Usaha-Usaha PAS",⁵⁴ di antara lainnya mengisikan fasal "Tujuan PAS" dengan dua butiran baru, iaitu "menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam" dan "memperjuangkan cita-cita Islam di dalam masyarakat dan urusan pemerintahan

⁵¹ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 22. Jemaah Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, yang telah sebelumnya dilantik sendiri oleh Dr Abbas Alias, ini adalah dianggotai oleh Mansor J P (Ahli Jawatankuasa Agung PAS), Ahmad Hussain (Bendahari Agung PAS) dan Ahmad Awang (Setiausaha Agung PAS).

⁵² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 10-11. Usul yang memperolehi 33 undi menyokong dan 6 undi berkecuali ini merupakan salah satu (usul ke-5) daripada 15 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini.

⁵³ Ibid. Hlm. 9-10. Usul yang memperolehi 21 undi menyokong dan 2 undi membangkang ini merupakan salah satu (usul pertama) daripada 15 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini. Melalui usul ini juga, PAS telah, selain "meminta kepada seluruh parti yang mengambil bahagian dalam pilihan raya supaya ada saling mengerti antara satu sama lain (bagi mengelakkan perselisihan faham)", mendesak supaya hak pengundian di dalam pilihan raya itu hanya diberikan kepada orang-orang Melayu sahaja. PAS juga telah, melalui satu usul lain (usul ke-8), mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bagi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Ibid. Hlm. 11).

⁵⁴ Ibid. Hlm. 6. Lihat juga Perlembagaan PAS 1954. Fasal 3(1), (2), (3), (4) dan (5).

negara";⁵⁵ dan mewujudkan satu fasal khusus bertajuk "Hukum dan Kekuasaan PAS" yang memperuntukkan bahawa hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitab Allah dan Sunnah Rasul serta Ijma' Ulama' yang terang dan nyata.⁵⁶ Walaupun begitu, cadangan wakil Pasir Mas supaya kedua-dua butiran tujuan baru PAS disatukan menjadi "menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan mencapai kemerdekaan dan mewujudkan negara Islam di Malaya" telah ditolak oleh para perwakilan apabila ia hanya memperolehi 8 undi menyokong sahaja berbanding 29 undi membangkang.⁵⁷

Paling signifikan kepada penentuan hala tuju perjuangan PAS ini ialah keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 untuk meluluskan cadangan wakil Pasir Mas yang meminta diwujudkan satu ceraian yang memperuntukkan bahawa Pegawai-Pegawai Agung PAS⁵⁸ hendaklah terdiri daripada orang-orang yang tidak menjadi pegawai atau ahli jawatankuasa di dalam mana-mana parti politik yang lain,⁵⁹ sekaligus membebaskan

⁵⁵ Ibid. Hlm. 6. Lihat juga Perlembagaan PAS 1954. Fasal 2(1) dan (2).

⁵⁶ Ibid. Hlm. 6. Lihat juga Perlembagaan PAS 1954. Fasal 4(1)(a). Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini juga telah, selain mengubah cogan kata PAS menjadi "*Allahuakbar*", memperuntukkan kewujudan pingat PAS yang berbentuk "bulat sebesar wang syiling dua puluh sen, sebelah atas(nya) berwarna merah dan sebelah bawah(nya) berwarna putih, (dengan) di atas warna merah bertulis kalimah 'Allah Muhammad' dan di atas warna putih bertulis kalimah 'PAS' dan (kalimah) '1951'" (Ibid. Hlm. 8. Lihat juga Perlembagaan PAS 1954. Fasal 40(1), (2) dan (3) dan Fasal 41(1)).

⁵⁷ Ibid. Hlm. 6. Neil John Funston telah kemudiannya menjadikan penolakan cadangan ini sebagai satu bukti, yang adalah sebenarnya tidak begitu tepat, bahawa PAS mengasaskan perjuangan penubuhan negara Islamnya kepada prinsip "*gradualism*" (Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 149).

⁵⁸ Pegawai-Pegawai Agung PAS adalah terdiri daripada seorang Yang Dipertua Agung, seorang Timbalan Yang Dipertua Agung, seorang Naib Yang Dipertua Agung, tiga orang ketua dari Dewan-Dewan, seorang Setiausaha Agung dan seorang Bendahari Agung (Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(1)(a), (b), (c), (d), (e) dan (f)).

⁵⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6-7. Lihat juga Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(2). Cadangan wakil Pasir Mas ini telah, di atas cadangan wakil Machang, diundi secara sulit dan akhirnya diluluskan setelah ia memperolehi 18 undi menyokong berbanding 14 undi membangkang. Berpandukan peruntukan baru ini, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini telah memilih Dr Abbas Alias (sebagai Yang Dipertua Agung), Ahmad Awang (sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung), Othman Abdullah (sebagai Naib Yang Dipertua Agung) dan Ahmad Hussain (sebagai Bendahari Agung) untuk menjadi Pegawai-Pegawai Agung PAS bagi sesi 1954/1955 (Ibid. Hlm. 13 dan 14).

kepimpinan PAS dari pengaruh UMNO yang selama ini dibawa oleh sebahagian daripada pemimpin-pemimpin PAS yang turut menjadi pemimpin kepada UMNO, tetapi ia walau bagaimanapun tidak berjaya membebaskan sepenuhnya kepimpinan PAS ini apabila cubaan wakil Pasir Mas untuk mengemukakan cadangan yang meminta diwujudkan satu ceraian yang memperuntukkan syarat yang sama ke atas keanggotaan 12 Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS⁶⁰ telah ditolak kerana kelewatan beliau berbuat demikian.⁶¹ Turut signifikan adalah hakikat bahawa Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini telah diakhiri dengan bacaan ikrar oleh para perwakilan dalam mana mereka telah, dengan menyebut nama Allah, membuat pengakuan untuk berjuang bagi menegakkan cita-cita Islam di negara ini dengan berpandukan perintah-perintah-Nya.⁶²

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 yang menetapkan bahawa PAS akan mengambil bahagian di dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Persekutuan yang bakal dilangsungkan, Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah, di dalam mesyuaratnya pada 23 Januari 1955, membentuk satu jawatankuasa pilihan raya yang dianggotai oleh Dr Abbas Alias (Pengerusi), Abdul Hamid Sharif (Setiausaha), Ahmad Awang, Abdullah Akin, Zabidi Ali, Othman al-Yunusi, Abdul Wahab Mohd Nor, Hasan Adli Arshad dan Mansor J P (Ahli-Ahli) untuk menguruskan penyertaan PAS di dalam pilihan raya yang telah ditetap untuk dilangsungkan pada 27

⁶⁰ Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1954/1955 yang telah dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini adalah terdiri daripada Mohd Nor Mahyuddin, Zabidi Ali, Abdullah Akin, Ahmad Ali, Mansor J P, Hasan Adli Arshad, Ahmad Long dan Mohd Daud Salleh (*Ibid.* Hlm. 13 dan 14).

⁶¹ *Ibid.* Hlm. 7. Kedua-dua cadangan ini telah dikemukakan oleh Amaluddin Darus (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 71).

⁶² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 14. Sebelumnya, satu lagi ikrar telah turut dibacakan oleh para perwakilan "sebagai *mubai'ah* kepada Yang Dipertua Agung PAS".

Julai 1955 itu.⁶³ Selaras dengan kedudukan PAS yang pendaftarannya sebagai sebuah parti politik hanya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya pada 31 Mei 1955,⁶⁴ ia, dengan menggunakan simbol "tangan terbuka" yang kelima-lima jarinya dikatakan melambangkan kelima-lima Rukun Islam, pada akhirnya hanya mampu meletakkan calon-calonnya di 11, iaitu 1 di Pulau Pinang, 3 di Perak, 2 di Selangor, 1 di Pahang, 1 di Kedah dan 3 di Kelantan,⁶⁵ daripada 52 kerusi yang dipertandingkan berbanding 52 calon yang telah diletakkan oleh Perikatan dan 30 calon yang telah diletakkan oleh PN.⁶⁶

Di sebalik janji PAS untuk menyesuaikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dengan hasrat rakyat; memastikan kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan, Negeri, Jajahan, Selat dan Bandaran dipilih oleh rakyat; mengakui kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai raja-raja berperlembagaan; menghapuskan dasar pintu terbuka, iaitu menahan kemasukan orang-orang asing ke negara ini; menjamin kebebasan beragama dan hak asasi manusia; memastikan pengamalan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara; memastikan setiap rakyat hanya memiliki satu taraf kerakyatan sahaja; memerdekaan Malaya dengan secepat mungkin; dan memastikan terlaksananya peraturan-peraturan Islam di dalam masyarakat dan di dalam urusan pemerintahan negara;⁶⁷ hanya seorang,

⁶³ Penyata Tahunan PAS 1954/1955. Hlm. 21.

⁶⁴ Surat Penangku Setiausaha Agung PAS, Muhammad Hashim, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Daerah dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 9 Jun 1955 bertajuk "Sijil Pendaftaran Persatuan Islam Se-Malaya". Hlm. 2. Walaupun pendaftaran PAS sebagai sebuah parti politik hanya diluluskan pada 31 Mei 1955, Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1955 telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 dan 10 April 1955 lagi (Siaran Pejabat Agung PAS bertarikh 30 April 1955 bertajuk "Manifesto Persatuan Islam Se-Malaya". Hlm. 1).

⁶⁵ Penyata Tahunan PAS 1954/1955. Hlm. 21-23; dan Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Hlm. 18 dan 68-76.

⁶⁶ Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Hlm. 18. Selain Perikatan--yang diwakili oleh 35 calon UMNO, 15 calon MCA dan 2 calon MIC--, PN dan PAS; NAP, LP, PML dan PPP telah menandingi 9, 4, 3 dan 2 kerusi masing-masingnya manakala calon-calon Bebas pula telah turut menandingi 18 kerusi.

iaitu Ahmad Hussain di Krian, Perak, daripada 11 calonnya telah mencapai kemenangan,⁶⁸ manakala 5 calonnya yang mengalami kekalahan telah turut kehilangan wang pertaruhan.⁶⁹ Ekoran kekalahan mereka ini, PAS pun hanya meletakkan 20, iaitu 3 di Kelantan, 6 di Pahang, 5 di Perlis, 2 di Selangor dan 4 di Perak, calon sahaja di dalam Pilihan Raya Dewan-Dewan Undangan Negeri 1955 di mana hanya seorang daripada mereka, iaitu Mohd Kamal Ahmad di Krian Barat, Perak, telah mencapai kemenangan.⁷⁰

Kekalahan PAS di dalam pilihan raya umum ini, yang dikatakan disebabkan oleh masalah kekurangan kewangan dan ahli serta masalah kelemahan jentera penerangan dan cawangan,⁷¹ tidaklah menggugat keazaman para pemimpinnya untuk memperkuatkan

⁶⁷ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1955 (tidak bertajuk). Hlm. 1, Kesembilan-sembilan janji PAS ini merupakan butiran garis-garis perjuangan PAS di bidang siasah (politik). Selain janji-janji ini, manifesto ini juga turut membutirkkan garis-garis perjuangan PAS di bidang-bidang iktisad (ekonomi), ketenteraan, pelajaran dan pendidikan serta kebajikan.

⁶⁸ Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Hlm. 69. Ahmad Hussain, yang memperolehi 8,685 undi, telah mengalahkan calon Perikatan, Sulaiman Ahmad, yang memperolehi 8,235 undi, dengan majoriti 450 undi. Mengikut Nabir Haji Abdullah, selain kerana PAS memperolehi simpati daripada pengajar dan pengelola Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol, satu faktor utama yang turut menyumbang kepada kemenangan Ahmad Hussain adalah kerana Sulaiman Ahmad, yang merupakan bekas murid kepada Ahmad Hussain, telah dianggap sebagai menderhaka kepada bekas guru beliau itu (Nabir Haji Abdullah (1976). Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1949. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 229). Satu kajian sarjana muda juga telah pernah dibuat khusus bagi membincangkan faktor kemenangan Ahmad Hussain di Krian, Perak, ini (Abdul Jamil Abdul Halim (1985). Faktor Kemenangan PAS Di Krian Di Dalam Pilihan Raya Umum 1955. Universiti Malaya).

⁶⁹ Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Hlm. 68-76. Lima calon PAS yang telah kehilangan wang pertaruhan mereka ini ialah Abdul Wahab Mohd Nor di Dindings, Mohamed Yassin Mohd Salleh di Semantan, Mohd Salleh Shafie di Kedah Selatan, Mohd Noor Yusoff di Kelantan Selatan dan Mohd Asri Muda di Kelantan Timor manakala lima calon PAS lain yang mengalami kekalahan tanpa turut kehilangan wang pertaruhan mereka ialah Zabidi Ali di Wellesley South, Hasan Adli Arshad di Teluk Anson, Othman Abdullah di Kuala Selangor, Zulkiflee Muhammad di Selangor Tengah dan Mokhtar Ahmed di Pasir Mas.

⁷⁰ Penyata Tahunan PAS 1954/1955. Hlm. 22.

⁷¹ Ibid. Hlm. 23. Kemenangan Perikatan di dalam kedua-dua pilihan raya ini pula, mengikut William K Braun, "can be attributed to the emotion, particularly among the Malays who make up 85% of the voters, that the party has been able to encourage in favor of 'freedom'", khususnya "because of prestige it has gained from the role it has played in forcing Britain to grant constitutional changes leading to greater degrees of popular participation in government, particularly at the federal level" (William K Braun (1956). The Introduction of Representative Institutions into Malaya. University of Cincinnati. Hlm. 71 dan 76). Pandangan ini telah disokong oleh satu penerbitan rasmi UMNO yang menyatakan: "Gema kemerdekaan telah membangkitkan pengundi-pengundi Melayu untuk menyokong parti politik

lagi kedudukannya, khususnya dengan membuat perancangan jangka panjang untuk meneguhkan kedudukan kewangan, memperkemaskan kedudukan cawangan-cawangan dan meramaikan bilangan ahli-ahlinya, juga dengan melantik seorang ketua penerangan yang tetap untuk memberikan penerangan mengenai dasar-dasar perjuangannya, bagi menghadapi pilihan raya umum yang seterusnya.⁷² Satu langkah yang penting di dalam usaha pengukuhan kedudukan PAS ini telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 di Madrasat al-Ahmadiyah, Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan, pada 26, 27 dan 28 Disember 1955⁷³ apakala para perwakilan telah meluluskan usul wakil Kota Bharu⁷⁴ yang meminta supaya Perlumbagaan PAS dipinda bagi mensyaratkan agar setiap ahli PAS tidak lagi dibenarkan untuk menjadi ahli kepada sebarang parti politik

(Perikatan) yang merintis jalan ke arahnya (di dalam Pilihan Raya Umum 1955)" (Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia (1971). Persidangan Agung UMNO Kali Ke-22: UMNO Di Persimpangan Jalan. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia. Hlm. 23).

⁷² Ketua Penerangan PAS yang tetap ini, iaitu Othman Abdullah, telah dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 dan 23 Ogos 1955, tetapi perlantikan beliau ini hanya berkuatkuasa pada bulan November 1955 (Penyata Tahunan PAS 1954/1955. Hlm. 20). Beliau telah kemudiannya digantikan oleh Amaluddin Darus yang dilantik untuk menjawat jawatan ini pada 25 Januari 1959 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Januari 1959. Hlm. 2).

⁷³ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini mencatatkan rekod sebagai sesatunya Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang telah dirasmikan oleh seorang mufti kerajaan negeri apakala ia telah dirasmikan oleh Mufti Kerajaan Kelantan, Ahmad Maher Ismail, yang telah, di dalam ucapan perasmian beliau itu, menegaskan: "Sebenarnya, dengan menilik kepada keadaan percaturan hidup dan masyarakat bangsa kita pada masa ini, tiadalah salah agaknya jika seseorang menganggap bahawa telah sampailah masanya sebagaimana yang disabdakan oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. (bahawa) "seseorang yang menganut agamanya adalah menganuti agamanya dengan keadaan yang seperti seseorang yang memegang bara api". Hal ini ialah timbulnya dari kepercayaan setengah-setengah mereka yang di dalam masyarakat kita yang tidak mengetahui dengan halus dan cermat akan selok-belok serta tohor dalam pengajian agama (mereka) sehingga mana dengan sebab kebodoohan (mereka) sendiri mereka mengatakan agama Islam itu suatu aturan yang beku dan kaku ataupun penghalang kemajuan dan tamadun serta tidak sayugia dicampuri dengan dasar-dasar politik atau pentadbiran negeri. Maka saya percaya sambil mempunyai harapan yang penuh mudah-mudahan dasar-dasar parti tuan-tuanlah kelak akan dapat membetulkan kesilapan-kesilapan dan kepercayaan tersebut serta menzhahirkan natijahnya yang sebenar" (Teks ucapan Mufti Kerajaan Kelantan, Ahmad Maher Ismail, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

⁷⁴ Ada kemungkinan usul ini juga turut dikemukakan oleh Amaluddin Darus kerana beliau ada menyatakan bahawa "saya telah mewakili PAS Kota Bharu di dalam Mesyuarat Agung (Tahunan PAS Kali Ke-4) ini" kerana "di awal tahun 1955 saya (telah) diperintah bertukar kembali (dari Pasir Mas) ke Kota Bharu (oleh jabatan saya)" (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 74 dan 79).

yang lain,⁷⁵ sekaligus menghapuskan terus sisa-sisa perkaitan di antara PAS dan UMNO yang masih tertinggal setelah ia berjaya dihakiskan oleh wakil Pasir Mas sebelum ini.⁷⁶

Seiring dengan gelombang untuk memerdekakan Malaya, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini juga turut tidak ketinggalan dari meluluskan satu usul khas yang dirumuskan daripada kandungan ucapan dasar Dr Abbas Alias⁷⁷ yang menyebut bahawa PAS hendaklah menuntut agar negara ini dimerdekakan tidak lewat dari tahun 1959;⁷⁸ bahawa kebangsaan bagi Malaya merdeka hendaklah kebangsaan Melayu dengan bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan kebangsaan yang tunggal; bahawa PAS hendaklah mengingatkan rombongan yang akan merundingkan soal kemerdekaan negara⁷⁹ agar tidak mencuaikan hak dan kedaulatan Melayu dalam sebarang lapangan;

⁷⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 10. Usul ke-7 daripada 18 usul yang telah diluluskan--melalui undian yang dibuat secara terbuka setelah cadangan undian secara sulit hanya memperolehi 13 undi menyokong berbanding "(undi) terbanyak" yang diperolehi oleh cadangan undian secara terbuka--oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini memperolehi 33 undi menyokong berbanding 14 undi membangkang.

⁷⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6-7. Lihat juga Perlumbagaan PAS 1954. Fasal 17(2). Berpandukan peruntukan baru ini, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini telah memilih Mohd Asri Muda, Yassin Mohd Salleh, Abdullah Akin, Zabidi Ali, Mohd Kamal Ahmad, Abdul Hamid Shariff, Abu Samah Ali dan Hasan Adli Arshad untuk menjadi Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--juga telah turut memilih semula Dr Abbas Alias (sebagai Yang Dipertua Agung), Ahmad Awang (sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung), Othman Abdullah (sebagai Naib Yang Dipertua Agung) dan Ahmad Hussain (sebagai Bendahari Agung) untuk menjadi Pegawai-Pegawai Agung PAS--bagi sesi 1955/1956 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 15-16).

⁷⁷ Ucapan dasar Dr Abbas Alias di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini juga telah dibacakan oleh Ahmad Awang, yang kini merupakan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, kerana Dr Abbas Alias telah sekali lagi ditugaskan untuk menjaga kesihatan jemaah haji dari Malaya di Arab Saudi (*Ibid*. Hlm. 3).

⁷⁸ Tidaklah diketahui apakah faktor sebenar yang mendorong PAS menetapkan tahun 1959 sebagai tarikh akhir kemerdekaan negara, tetapi William K Braun pernah menyatakan bahawa "true to his campaign promises, (*Tengku Abdul Rahman (Putra)*, at his first press conference after the (1955 general) election, promised to work for independence by 1959" (William K Braun (1956). The Introduction of Representative Institutions into Malaya. University of Cincinnati. Hlm. 75-76). Amat Johari Moain juga turut menyatakan bahawa salah satu daripada lapan "perkara penting" yang dikemukakan oleh Manifesto Perikatan di dalam Pilihan Raya Umum 1955 ini ialah "kemerdekaan dalam masa empat tahun" (Amat Johari Moain (1969). Sejarah Nasionalisma MAPHILINDO. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu. Hlm. 235).

⁷⁹ Rombongan yang dianggotai oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Dr Ismail Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein, H S Lee, Datuk Panglima Bukit Gantang, Seth Mohd Sa'id, Abdul Aziz Abdul Majid

bahawa ajaran Islam hendaklah dijadikan panduan di dalam pentadbiran dan perjalanan negeri dalam usaha menuju terbentuknya pemerintahan yang berdasar kepada al-Qur'an dan al-Hadith serta Ijma' Ulama' yang terang dan nyata; dan bahawa PAS hendaklah menyokong sebarang langkah untuk membatalkan jawatan Penasihat British.⁸⁰

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini juga telah meluluskan tiga usul politik

dan Nik Ahmad Kamil Nik Mahmood, dengan Abdul Kadir Shamsuddin dan Tan Tong Hye sebagai setiausaha bersamanya (Tan Tong Hye (1979). The Prince and I. Singapore: Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte Ltd. Hlm. 107), telah, pada 18 Januari 1956, memulakan perundingannya dengan pihak British dan telah, pada 8 Februari 1956, akhirnya berjaya mendesak pihak British menandatangani satu perjanjian untuk memerdekaan Malaya pada tarikh 31 Ogos 1957 (Tunku Abdul Rahman Putra (1984). Malaysia: The Road to Independence. Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn Bhd. Hlm. 150-151) (Tan Tong Hye walau bagaimanapun menyatakan bahawa "*the Independence talks opened in Lancaster House in London on an unusually fine winter morning on 8 January 1956*" (Tan Tong Hye (1979). The Prince and I. Singapore: Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte Ltd. Hlm. 109)). Sekembalinya rombongan ini ke Malaya, Tunku Abdul Rahman Putra telah, di dalam ucapan beliau di Padang Merdeka, Melaka, pada 20 Februari 1956, mengisyitiharkan: "*I declare that full independence for the Federation of Malaya within the Commonwealth in accordance with the agreement concluded in London will be effected on 31 August 1957*" (Tunku Abdul Rahman Putra (1984). Malaysia: The Road to Independence. Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn Bhd. Hlm. 137).

⁸⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 6-7. Usul khas yang memperolehi sokongan sebulat suara daripada para perwakilan ini telah dikemukakan oleh Mohd Asri Muda, yang merupakan Pengurus Jawatankuasa Sambutan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini, dengan tambahan istilah-istilah "yang tunggal" dan "serta ijma' ulama' yang terang dan nyata" oleh wakil Bagan Tiang. Intipati kepada usul khas ini walau bagaimanapun bukanlah datang daripada Mohd Asri Muda semata-mata kerana ia sebenarnya hanyalah merupakan satu kesimpulan daripada perbincangan yang telah dibuat oleh para perwakilan ke atas "sari ucapan Yang Dipertua Agung PAS" sebelumnya. Dr Abbas Alias sendiri telah, di dalam ucapan dasar beliau yang dibacakan oleh Ahmad Awang itu, memperkatakan mengenai hasrat PAS untuk "mengembalikan kedaulatan Melayu" sebelum mengemukakan tuntutan-tuntutan agar "kemerdekaan penuh mestilah diberikan selewat-lewatnya pada tahun 1959", agar "kebangsaan yang dipakai di negeri ini (hendak)lah Melayu, dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasminya", agar "rombongan kemerdekaan yang akan ke London tidak lama lagi bagi merundingkan hal kemerdekaan itu (hendak)lah beringat-ingat dan berhati-hati jangan mencuaikan kedaulatan Melayu dalam sebarang lapangan" dan agar "jawatan Penasihat British itu (di)batalkan" di samping turut-setelah menegaskan bahawa "dalam mengembalikan kedaulatan Melayu itu kedaulatan agama Islam mestilah dikembalikan juga"-- mengemukakan tuntutan agar "agama Islam dijadikan agama rasmi bagi Tanah Melayu ini" (Teks ucapan dasar Dr Abbas Alias di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 3-4).

yang menyentuh soal kerakyatan⁸¹ dan satu usul lain yang berupa permintaan agar diringankan peraturan-peraturan bagi mengadakan perhimpunan-perhimpunan politik.⁸²

Detik Kemenangan 1956-1959

Kejayaan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 membebaskan sepenuhnya PAS dari pengaruh UMNO ini diikuti pula oleh tindakan Jawatankuasa Kerja Agung PAS, melalui mesyuaratnya pada 13 dan 14 Januari 1956, menubuhkan tiga buah jawatankuasa, iaitu jawatankuasa kewangan, jawatankuasa penerangan dan jawatankuasa politik.⁸³ Terpenting daripada ketiga-tiga buah jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Politik PAS, yang dianggotai oleh Dr Abbas Alias (Pengerusi), Abdul Hamid Sharif (Setiausaha), Ahmad Hussain, Zulkiflee Muhammad, Othman Abdullah dan Musi Ma Jinu (Ahli-Ahli),⁸⁴ yang telah memainkan peranan yang proaktif di dalam mencerna dan menjelaskan dasar-dasar politik PAS, khususnya melalui tindakannya menyerahkan,

⁸¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 13-14. Ketiga-tiga usul politik (usul ke-13, usul ke-14 dan usul ke-15) yang dicadangkan oleh wakil Gunung Semanggol dan diluluskan dengan sebulat suara oleh para perwakilan ini adalah melibatkan desakan PAS agar Kerajaan Persekutuan mengetatkan syarat penerimaan kerakyatan terhadap pemohon-pemohon bukan Melayu, melonggarkan penerimaan kerakyatan terhadap orang-orang Melayu yang berasal dari Kepulauan Melayu serta mengharamkan mereka yang tidak mempunyai kerakyatan dari mengambil bahagian di dalam urusan politik dan pelajaran negara.

⁸² Ibid. Hlm 14. Usul ini (usul ke-18) telah turut dicadangkan oleh wakil Gunung Semanggol, tetapi dengan pindaan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS, dan telah turut diluluskan dengan sebulat suara oleh para perwakilan. Di antara usul-usul lain yang telah turut diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 ini ialah usul yang "mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya tanah-tanah hak milik orang Melayu tidak dibenarkan jual kepada bangsa yang bukan Melayu" (usul ke-4), usul yang "mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya menambahkan lagi bilangan biasiswa (scholarship) kepada orang-orang Melayu" (usul ke-6), usul yang "mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya menggunakan dengan sepenuhnya akan bahasa Melayu dalam surat-surat siaran notis, lesen, papan kenyataan dan sebarang surat kerajaan" (usul ke-10) dan usul yang "menuntut Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya memberi bantuan kewangan dengan secepat mungkin kepada Persatuan Pelajar Melayu Indonesia (Jogjakarta) untuk mendirikan dua buah asrama (hostel) di Jogjakarta untuk (kegunaan) pelajar lelaki dan perempuan" (usul ke-12) (Ibid. Hlm 9 dan 11).

⁸³ Penyata Tahunan PAS 1955/1956. Hlm. 2-3.

⁸⁴ Ibid. Hlm. 2-3; dan Penyata (Jawatankuasa) Politik PAS 1956. Hlm. 1.

pada 22 April 1956, satu memorandum 18 perkara--yang kandungannya dipersetujui oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS melalui telegram⁸⁵--yang membangkang keras tuntutan orang-orang bukan Melayu yang mahu kerakyatan negara ini ditentukan melalui dasar *jus soli* (sesiapa yang diperanakkan di negara ini akan diberikan kerakyatan automatik) kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Penasihat-Penasihat British, Raja-Raja Melayu, Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Persekutuan/Negeri.⁸⁶

Selain daripada penyerahan memorandum mengenai dasar *jus soli* ini, satu lagi aktiviti utama Jawatankuasa Politik PAS yang turut mendatangkan implikasi yang agak besar kepada hala tuju perjuangan PAS di masa hadapan ialah tindakannya menyerahkan, pada 14 Julai 1956, satu memorandum 14 perkara--yang kandungannya kali ini telah dibincang di dalam, dan dipersetujui oleh, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Jun dan 1 Julai 1956--kepada Suruhanjaya Reid yang telah ditugaskan untuk menggubal perlombagaan Malaya merdeka.⁸⁷ Memorandum ini telah menegaskan bahawa, disebabkan negara ini telah dibuktikan oleh sejarah dan diakui oleh undang-undang sebagai sebuah negara Melayu yang dimiliki oleh bangsa Melayu,⁸⁸ maka

⁸⁵ Faktor-faktor yang menyebabkan kelulusan ke atas memorandum yang telah dirangka oleh Mesyuarat Jawatankuasa Politik PAS pada 14 April 1956 ini hanya dibuat melalui telegram sahaja ialah kerana penyerahannya dikatakan perlu disegerakan untuk "membangkang tuntutan orang-orang Cina dan India yang sedang hangat hari ini", selain untuk "memberi semangat kepada orang-orang kita yang membangkang atas perkara ini", dan kerana "memikirkan ada perkara yang lebih penting, (iaitu yang) berkenaan (dengan) suruhan jaya bebas (constitutional commission), yang mesti kita putuskan (di) dalam Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung dalam sedikit masa lagi" (Surat Setiausaha Jawatankuasa Politik PAS, Abdul Hamid Sharif, kepada (Ahli-Ahli) Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS bertarikh 15 April 1956 bertajuk "Jus Soli". Hlm. 1).

⁸⁶ Penyata (Jawatankuasa) Politik PAS 1956. Hlm. 2; dan Memorandum PAS kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Penasihat-Penasihat British, Raja-Raja Melayu, Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Persekutuan serta Negeri bertarikh 22 April 1956 bertajuk "Maklumat Jus Soli". Hlm. 1.

⁸⁷ Penyata Tahunan PAS 1955/1956. Hlm. 3; dan Penyata (Jawatankuasa) Politik PAS 1956. Hlm. 2.

⁸⁸ Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid bertajuk "Memorandum PAS Kepada Suruhanjaya Bebas" (tidak bertarikh). Perkara 2(A). Di dalam memorandum yang diserahkan olehnya kepada Suruhanjaya Reid pada 12 September 1956, Perikatan turut menyatakan: "*We recognize the fact that the Malays are the original sons of the soil and that they have a special position arising from this fact, and also by virtue of the treaties made between the British Government and the various sovereign*

suruhanjaya itu hendaklah menetapkan bahawa bangsa Melayu mempunyai kedaulatan mutlak di dalamnya,⁸⁹ bahawa kebangsaan negara ini mestilah kebangsaan Melayu⁹⁰ dan bahawa kebudayaan negara ini mestilah diasaskan kepada kebudayaan Melayu dengan agama Islam diletakkan sebagai agama rasminya⁹¹ dan bahawa, selain menolak dasar *jus soli*,⁹² seseorang "dagang" mestilah tinggal di negara ini tidak kurang daripada 15 tahun dengan tiada putus-putusnya sebelum dibolehkan memohon kerakyatan negara ini.⁹³

Selaras dengan peranan proaktif yang mula diambil oleh PAS di dalam persoalan politik negara, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Oktober 1956 untuk memindahkan lokasi Ibu Pejabat PAS dari Kepala Batas ke Kampung Baru, Kuala Lumpur, mulai 1 Disember 1956⁹⁴ pula telah secara efektifnya membawa PAS lebih hampir ke dalam arus perdana politik negara, apatah lagi apabila ia diikuti pula oleh pengendalian buat pertama kalinya Mesyuarat Agung Tahunan PAS di ibu negara pada tahun itu. Menjadikan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 di Kelab Sultan

Malay states". Tidak seperti Memorandum PAS, Memorandum Perikatan ini walau bagaimanapun sekadar menyatakan: "*The constitution should, therefore, provide that the Yang di-Pertuan Besar should have the special responsibility of safeguarding the special position of the Malays. In pursuance of this, the constitution should give him powers to reserve for Malays a reasonable proportion of lands, posts in the public service, permits to engage in business or trade where such permits are restricted and controlled by law, government scholarships and such similar privileges accorded by the government; but in pursuance of his further responsibility of safeguarding the legitimate interests of the other communities, the constitution should also provide that any exercise of such powers should not in any way infringe the legitimate interests of the other communities or adversely affect or diminish the rights and opportunities at present enjoyed by them*" (Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Reid bertarikh 12 September 1956 bertajuk "Memorandum to the Reid Constitutional Commission", dlm. Ahmad Fawzi Basri et al. (1991). Bumi Dipijak Milik Orang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 436-452).

⁸⁹ Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid bertajuk "Memorandum PAS Kepada Suruhanjaya Bebas" (tidak bertarikh). Perkara 2(B).

⁹⁰ Ibid. Perkara 10(C).

⁹¹ Ibid. Perkara 5.

⁹² Ibid. Perkara 10(B).

⁹³ Ibid. Perkara 10(A).

⁹⁴ Penyata Tahunan PAS 1955/1956. Hlm. 4.

Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 lebih signifikan adalah pengambil-alihan, tanpa mendatangkan perpecahan, dua jawatan tertinggi di dalam PAS oleh Dr Burhanuddin al-Helmy⁹⁵ dan Zulkiflee Muhammad⁹⁶ yang telah dipilih untuk

⁹⁵ Paling *instrumental* di dalam merealisasikan kemunculan Dr Burhanuddin al-Helmy sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini--kemunculan yang dikatakan dibuat "kerana mengenangkan kesulitan-kesulitan yang perlu diatasi oleh PAS dan perjuangan Islam dan Muslimin negeri ini" (Surat Dr Burhanuddin al-Helmy kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 7 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 2) serta "untuk (kepentingan) bangsa, nusa dan agama" (Surat Dr Burhanuddin al-Helmy kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 13 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--ialah Hasan Adli Arshad--yang secara terbuka menyatakan bahawa "kalau Dr ini betul-betul mahu masuk PAS alamatlah kita akan jadi parti berkuasa" (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Johor, Said Abdul Hadi, bertarikh 22 November 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--, Abdul Wahab Mohd Nor dan Said Abdul Hadi. Sementara Abdul Wahab Mohd Nor merupakan tokoh yang mula-mula sekali menjemput Dr Burhanuddin al-Helmy memimpin PAS "sewaktu Kongres PR (dilangsungkan) di Ipoh pada 10 November 1956" (Ibid. Hlm. 1), Hasan Adli Arshad, yang kelihatan merasa bimbang dengan kewujudan khabar angin yang menyatakan bahawa "(Ahmad) Boestamam dan Ishak Mohammad telah berkeras menahan (Dr Burhanuddin al-Helmy) supaya jangan (men)campur(i) PAS"--khabar angin yang walau bagaimanapun dinafikan kemudiannya oleh Ahmad Boestamam (Ahmad Boestamam (1972). Dr Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora. Hlm. 65)--, pula telah, selain mengutuskan sendiri sepucuk surat jemputan kepada Dr Burhanuddin al-Helmy, meminta Said Abdul Hadi menemui Dr Burhanuddin al-Helmy bagi merundingkan penyertaan beliau di dalam PAS (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Johor, Said Abdul Hadi, bertarikh 22 November 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Sementara Said Abdul Hadi berjaya meyakinkan Dr Burhanuddin al-Helmy untuk secara umumnya "menerima permintaan kita" (Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Johor, Said Abdul Hadi, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Perak, Abdul Wahab Mohd Nor, bertarikh 28 November 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1), faktor kepercayaan Dr Burhanuddin al-Helmy, tetapi juga rakan-rakan beliau yang "*bright* dan *intellect*", terhadap Hasan Adli Arshad--khususnya yang berhubung dengan permintaan-permintaan beliau agar "kedudukan (beliau) menghadap perubahan baru itu (dapat ditentukan dahulu)", bahawa beliau akan dibantu oleh seorang "setiausaha yang cekap dan *competent*" dan bahawa "Ibu Pejabat (PAS) hendaklah ada pegawai-pegawai tingginya berdekatkan sekurang-kurangnya separuh bilangan jumlah(nya) untuk memudahkan Pegawai Harian Tertinggi menjalankan syura" (Surat Dr Burhanuddin al-Helmy kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 28 November 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--lah yang telah mendorong Dr Burhanuddin al-Helmy untuk menurunkan tandatangan beliau ke atas borang keahlian PAS, juga untuk memberikan butiran-butiran peribadi beliau kepada Hasan Adli Arshad bagi membolehkan borang keahlian PAS beliau ini dilengkapkan (Surat Dr Burhanuddin al-Helmy kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Hasan Adli Arshad juga turut bertanggungjawab memaklumkan penyertaan Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam PAS ini kepada Pejabat Agung PAS bagi membolehkan nama beliau "dimasukkan dalam daftar calon (Yang Dipertua Agung PAS)" (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Pemangku Setiausaha Agung PAS, Muhammad Hashim, bertarikh 18 Disember 1956 bertajuk "Dr Burhanuddin Sudah Menandatangani Form Masuk PAS". Hlm. 1).

⁹⁶ Zulkiflee Muhammad dilapor menyatakan bahawa beliau pernah menyertai UMNO kerana keberanian UMNO menyuarakan tuntutan kemerdekaan untuk negara ini, tetapi bahawa beliau "lebih suka tinggal dalam sebuah parti kebangsaan Melayu (yang mahu) menjalankan hukum-hukum Islam (PAS)" setelah UMNO bergabung dengan MCA (Mokhtar Petah (1966). Zulkiflee Muhammad Dalam Kenangan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. Hlm. 68). Tidaklah dapat dipastikan dengan tepat tarikh penyertaan beliau di dalam PAS walaupun beliau jelas berbuat demikian lebih awal daripada Dr Burhanuddin al-Helmy memandangkan beliau telah mewakili PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1955 (Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Hlm. 72) dan memandangkan beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Politik PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 dan 14 Januari 1956 (Penyata Tahunan PAS

menjawat jawatan Yang Dipertua Agung dan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS setelah mereka masing-masingnya mengalahkan Zulkiflee Muhammad,⁹⁷ Abu Samah Ali, Mohd Asri Muda dan Abdul Wahab Mohd Nor⁹⁸ sementara kedua-dua pemegang jawatan itu mulai dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3, Dr Abbas Alias dan Ahmad Awang, turut dipilih sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS.⁹⁹

Ucapan penggulungan Dr Burhanuddin al-Helmy¹⁰⁰ telah digunakan oleh beliau bagi menjelaskan pegangan-pegangan politik beliau,¹⁰¹ khususnya bahawa PAS adalah

1955/1956. Hlm. 2-3; dan Penyata (Jawatankuasa) Politik PAS 1956. Hlm. 1). Walaupun begitu, untuk berlaku lebih adil kepada Dr Burhanuddin al-Helmy, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Johor Bharu pada 23 April 1954 telah sebenarnya memutuskan untuk melantik beliau sebagai "anggota kita yang kehormat"--keputusan yang dikatakan dibuat untuk "mengenang khidmat yang telah tuan berikan kepada perjuangan Islam melalui syarahan-syarahan dan tulisan-tulisan yang penuh dengan semangat Islam, khasnya buku yang tuan karang bernama 'Islam Dan Politik' itu" selain untuk "merapatkan lagi perhubungan tuan dengan kami ahli-ahli PAS di sini dan seluruh cawangan di Johor dan Singapura" (Surat Yang Dipertua PAS Johor Bharu, Ariffin Alias, kepada Dr Burhanuddin al-Helmy bertarikh 30 April 1954 bertajuk "Dilantik Menjadi Anggota Yang Kehormat". Hlm. 1).

⁹⁷ Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956). Bil. 7. Hlm. 1. Di dalam pertandingan bagi merebut jawatan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy memperolehi 84 undi manakala Zulkiflee Muhammad memperolehi 12 undi.

⁹⁸ Ibid. Hlm. 1. Di dalam pertandingan bagi merebut jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad memperolehi 67 undi manakala Abu Samah Ali, Mohd Asri Muda dan Abdul Wahab Mohd Nor memperolehi 12, 12 dan 4 undi masing-masingnya.

⁹⁹ Ibid. Hlm. 1 dan 2. Turut dipilih menganggotai Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1956/1957 ini ialah Abu Samah Ali (sebagai Naib Yang Dipertua Agung), Mohd Yunus Taib (sebagai Bendahari Agung), Ahmad Hussain, Abdullah Akin, Abdul Hamid Shariff, Mohd Asri Muda, Baharuddin Abdul Latif dan Zabidi Ali (Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung).

¹⁰⁰ Teks ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris telah pernah diterbitkan oleh Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS Pusat, di dalam bukunya (Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS Pusat (1999). Siri Sejarah Perjuangan Ummah: PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan (Esei Dan Dokumen). Kuala Lumpur: Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS). Walaupun keaslian teks ucapan penggulungan ini telah secara umumnya dikekalkan (melainkan pada frasa "Parti Kebangsaan Melayu diharamkan, tetapi masih ada UMNO" (Teks ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 2) yang telah digantikan dengan frasa "*MNP is banned, but there is still the PMIP*" (Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS Pusat (1999). Siri Sejarah Perjuangan Ummah: PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan (Esei Dan Dokumen). Kuala Lumpur: Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS. Hlm. 76)), terjemahan ini telah membuang terus bahagian-bahagian tertentu daripada ucapan penggulungan ini, terpenting daripadanya ialah bahagian akhirnya dalam mana Dr Burhanuddin al-Helmy telah, setelah menghuraikan dengan agak terperinci "keistimewaan Islamisme" berbanding dengan ideologi-ideologi lain, meluahkan hasrat beliau untuk "(mengjirangkan angkatan-angkatan nasionalisme dan sosialisme hingga sampai ke pelabuhan (masing-masing)" dan untuk

sebuah parti Islam dan parti nasionalis¹⁰² yang akan bekerjasama dengan golongan-golongan nasionalis dan sosialis lainnya¹⁰³ bagi memerdeka dan mendaulatkan negara ini "kerana adalah mustahil cita-cita keIslamam akan tercapai kalau kedaulatan dan kemerdekaan tanah air tidak tercapai dulu"¹⁰⁴ dan bahawa rakyat Malaya perlulah

"(me)layar(kan) Islamisme terus menuju *baldatun tayyibatun warabbun ghafur*" (Teks ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 (tidak bertajuk), Hlm. 16).

¹⁰¹ Selain menjelaskan pegangan-pegangan politik beliau, Dr Burhanuddin al-Helmy juga telah menjelaskan persoalan "mengapakah pula parti yang terajunya (beliau) kendalikan itu harus PAS, tidak PR dan parti-parti yang lain" (*Ibid.* Hlm. 2-5)--penjelasan yang kelihatan gagal diambil kira oleh Nancy L Snider yang menulis: "*Whether Burhanuddin was acting under MCP orders in taking over leadership of the PMIP (rather than joining and working with his old friend Boestamam in establishing the PR); or whether he felt that two charismatic leaders were one too many for that, or any other, political party and was driven by personal ambition to seek leadership of the PMIP; or whether his strong pan-Islam, pro-Indonesian, proclivities were repelled by PR's already evident tendencies to seek closer ties with the Chinese-dominated LP, are moot questions*" (Nancy L Snider (1972). Communalism and the Breakdown of Malayan Parliamentary Democracy. University of California, Berkeley. Hlm. 114-115).

¹⁰² Teks ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 2. Ujar Dr Burhanuddin al-Helmy: "(Pak lebai) juga mahu merdeka, ertiya dia juga seorang nasionalis". Tambah beliau: "Tahun 1957 Tanah Melayu akan merdeka. Coraknya dan bentuknya tidak kita tahu. Akan penuh dan sempurnakah kemerdekaan itu? (Selagi) belum penuh dan (selagi) kedaulatan itu belum sempurna, perjuangan kita sebagai nasionalis belum selesai. Dan selagi penjajahan masih belum berakhir hayatnya, juga perjuangan kita sebagai nasionalis belum berakhir, belum selesai". Tegas beliau lagi: "Kita mendulukan perjuangan menegakkan satu negara merdeka yang nasional, yang berdaulat, agar dapat kita mencorakkan negara itu sesuai dengan cita-cita terakhir kita dengan bebas dan merdeka pula. Inilah tugas pokok PAS sebagai parti nasionalis dan sebagai parti Islam". Walau bagaimanapun, mengikut Dr Burhanuddin al-Helmy, nasionalisme PAS adalah "lebih luhur" (berbanding nasionalisme UMNO) kerana ia "didasarkan atas keimanan agama" dan kerana ia "hanyalah digunakan sebagai satu alat untuk menegakkan kemerdekaan masyarakat (sahaja)".

¹⁰³ *Ibid.* Hlm. 4-10. Tegas Dr Burhanuddin al-Helmy: "Ketiga-tiga tenaga itu (nasionalisme, keagamaan dan sosialisme) harus bekerjasama, harus bergerak bahu-membahu, bantu-membantu, kerana kekuatan satu tenaga sahaja dari ketiga(-tiga) tenaga itu takkan dapat mencapai cita-cita yang sama, dasar yang sama, dari ketiga-tiga tenaga itu, (iaitu) kemerdekaan dan kedaulatan tanah airnya". Tumpuan khusus telah diberikan oleh beliau ke atas kerjasama di antara PAS dan UMNO kerana "sebagai nasionalis, kita sanggup bekerjasama dengan apa sahaja parti, asal sahaja tujuan dan dasar parti itu tidak bertentangan dengan nasionalisme kita, nasionalisme anti-kolonial", apatah lagi kerana "banyaklah titik-titik pertemuan di antara perjuangan kita dengan perjuangan rakyat yang berdiri di belakang UMNO". Walaupun begitu, beliau jelas tidak menyenangi corak pimpinan UMNO yang dikatakan "masih bercorak feudal" menyebabkan ia "tidak percaya kepada kekuatan rakyat, tetapi kepada kebijaksanaan(nya) beralah dan menyerah kepada penjajah (untuk memerdekaan tanah air ini)".

¹⁰⁴ *Ibid.* Hlm. 5 dan 13. Tegas Dr Burhanuddin al-Helmy: "PAS mempunyai keyakinan terhadap kekuatan ideologinya sendiri, terhadap kesucian dan kemuliaan keIslamannya, untuk mengatasi sebarang ideologi yang lain. PAS mempunyai keyakinan kepada kekuatan keimanan rakyatnya untuk menghadapi persaingan dan perlumbaan ideologi yang lain. Kami berkeyakinan bahawa dalam persaingan dan perlumbaan yang aman damai antara ideologi-ideologi di dalam masyarakat kita (selepas merdeka), maka ideologi kitalah yang akan dapat menakluki ideologi-ideologi yang lain".

disatukan dengan rakyat Indonesia.¹⁰⁵ Selaras dengan kedudukan negara yang sedang berada di ambang kemerdekaan, kebanyakan usul yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 ini telah menyatakan sikap PAS terhadap kemerdekaan negara, terpenting daripadanya adalah bahawa tarikh kemerdekaan itu hendaklah tidak dianjakkan dari 31 Ogos 1957,¹⁰⁶ bahawa kemerdekaan itu hendaklah kemerdekaan yang penuh berdaulat di dalam erti kata yang sebenar-benarnya¹⁰⁷ dan bahawa perlumbagaan Malaya merdeka yang disusun oleh Suruhanjaya Reid--yang dikatakan tidak memenuhi hasrat bangsa Melayu sebagai rakyat yang mempunyai hak mutlak ke atas negara ini--hendaklah disifatkan sahnya sebagai perlumbagaan yang bertaraf sementara sahaja.¹⁰⁸

Ketidakpengiktirafan PAS ke atas perlumbagaan Malaya merdeka yang disusun oleh Suruhanjaya Reid ini telah membawanya menyertai Kongres Kebangsaan Melayu Kali Ke-2 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 4, 5, 6 dan 7 Mei 1957 dalam

¹⁰⁵ Ibid. Hlm. 10-12. Tegas Dr Burhanuddin al-Helmy: "Kalau rakyat Malaya menghendaki satu bentuk perhubungan yang istimewa, satu bentuk persaudaraan yang istimewa dan satu pertalian persahabatan, dengan rakyat Indonesia, maka ini tidaklah sedikit pun bertentangan dengan hukum-hukum sejarah kedua bangsa kita, sebab bangsa Melayu dan bangsa Indonesia adalah lahir dari rumpun yang sama. Bahkan sebaliknya adalah dengan dan atas kehendak dan tuntutan sejarah maka kita harus bersatu dengan Indonesia".

¹⁰⁶ Peringatan bertajuk "Keputusan Dan Ketetapan Yang Diambil Dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-5 Yang Diadakan Di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur, Pada 23, 24 Dan 25 Disember 1956" (tidak bertarikh). Hlm. 2. Usul ini merupakan salah satu (usul ke-12) daripada 44 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 ini.

¹⁰⁷ Ibid. Hlm. 2. Usul ini merupakan salah satu (usul ke-11) daripada 44 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 ini.

¹⁰⁸ Ibid. Hlm. 1. Usul ini merupakan salah satu (usul ke-4) daripada 44 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 ini. Selain menuntut jemaah kabinet Kerajaan Perikatan meletakkan jawatan sebaik sahaja kemerdekaan Malaya telah diisytiharkan bagi membolehkan "pilihan raya seratus peratus di dalam masa tidak lewat dari enam bulan selepas tarikh kemerdekaan tersebut" dilangsungkan (usul ke-3), Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 ini juga telah menegaskan semula dua pendirian politiknya sebelum ini dengan mendesak PAS supaya "janganlah mencampuri untutan bagi mengubah rupa bangsa Melayu dan taraf kerakyatan Tanah Melayu yang asli dan nenentang sekeras-kerasnya menerima kerakyatan yang berdasarkan *jus soli* diamalkan di Malaya" (usul ke-2), juga dengan mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya "memperketatkan lagi undang-undang bagi menyekat kemasukan bangsa dagang ke Tanah Melayu dan melonggarkan temasukan orang Melayu dari Kepulauan Melayu" (usul ke-8) (Ibid. Hlm. 1-2).

mana wakil-wakilnya¹⁰⁹ telah memainkan peranan penting dalam merangka lima dasar utama perlembagaan Malaya merdeka yang disusun oleh kongres ini,¹¹⁰ iaitu bahawa Malaya merdeka akan dikenali dengan nama Persekutuan Negeri-Negeri Melayu;¹¹¹ bahawa ia akan mempunyai satu kebangsaan yang tunggal, iaitu Melayu,¹¹² bahawa ia akan mempunyai satu bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal, iaitu bahasa Melayu,¹¹³ bahawa ia akan mempunyai satu agama rasmi, iaitu agama Islam;¹¹⁴ dan bahawa ia akan memelihara wujudnya keistimewaan baka keturunan Melayu sebagai tuan punya tanah air ini.¹¹⁵ Wakil-wakil PAS juga telah diminta menyiapkan sebuah kertas kerja berkenaan dengan perasmian agama Islam dalam mana mereka menegaskan bahawa perlembagaan itu hendaklah memperuntukkan tujuh perkara, terpenting daripadanya ialah bahawa "al-Qur'an dan Sunnah Rasul hendaklah menjadi pegangan dan pedoman kepada hidup umat Islam dalam Persekutuan Negeri-Negeri Melayu".¹¹⁶

¹⁰⁹ Mewakili PAS di dalam kongres ini ialah Dr Burhanuddin al-Helmy, Othman Abdullah dan Mohd Asri Muda (Peringatan Kongres Kebangsaan Melayu Kali Ke-2 pada 4, 5, 6 dan 7 Mei 1957. Lampiran F. Hlm. 1). Selain PAS, yang dilaporkan mempunyai 16,000 ahli, 5 daripada 22 pertubuhan lain yang telah menghadiri kongres ini dilaporkan turut mempunyai lebih daripada 10,000 ahli, iaitu KRMK (450,000 ahli), LAIN (50,000 ahli), PN (42,000 ahli), KMSB (40,000 ahli) dan PEMAS (32,000 ahli) (Peringatan Kongres Kebangsaan Melayu Kali Ke-2 pada 4, 5, 6 dan 7 Mei 1957. Hlm. 1-2).

¹¹⁰ Dr Burhanuddin al-Helmy dan Othman Abdullah juga telah--selain Onn Jaafar, Ahmad Abdul Rahim, Mohd Yunus Hamidi, Yahya Sheikh Ahmad, Hassan Noor, Mohd Dahlan Mas'od dan Hashim Mahmud--dilantik menganggotai jawatankuasa kerja yang ditugaskan untuk menyampaikan keputusan-keputusan kongres kepada pihak-pihak yang berkenaan serta untuk menyiapkan rang perlembagaan bagi Persekutuan Negeri-Negeri Melayu menurut dasar-dasar yang telah diputuskan oleh kongres ini (Ibid. Hlm. 21).

¹¹¹ Ibid. Hlm. 6 dan 20. Usul ini telah dikemukakan oleh wakil PAS (Dr Burhanuddin al-Helmy).

¹¹² Ibid. Hlm. 6 dan 20. Usul ini telah dikemukakan oleh wakil PN (tidak dinyatakan namanya).

¹¹³ Ibid. Hlm. 9 dan 20. Identiti penyedia kertas kerja mengenai usul ini telah tidak dinyatakan.

¹¹⁴ Ibid. Hlm. 9, 10 dan 20. Usul ini telah dikemukakan oleh wakil PN (tidak dinyatakan namanya).

¹¹⁵ Ibid. Hlm. 6 dan 20. Usul ini telah dikemukakan oleh wakil PAS (Mohd Asri Muda).

¹¹⁶ Ibid. Hlm. 8-9. Kongres ini juga telah meluluskan cadangan wakil PAS, tetapi dengan pindaan oleh wakil PMS dan dengan tambahan oleh wakil Panitia Kongres, agar ia membuat enam ketetapan, satu daripadanya adalah bahawa "persetujuan dan ketetapan yang telah diambil dalam kongres ini berkenaan dengan perlembagaan bagi Persekutuan Negeri-Negeri Melayu yang merdeka dan berdaulat itu akan terus-menerus diperjuangkan dengan sepenuhnya oleh warga kongres ini dengan apa jua jalan yang halal dan damai hingga berhasil" (Ibid. Hlm. 20-21).

S putusan-keputusan Kongres Kebangsaan Melayu Kali Ke-2 ini ditolak oleh pihak-pihak yang berkenaan, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 24 dan 25 Ogos 1957 telah--selain memperkemaskan struktur pentadbiran PAS¹¹⁷ dengan meminda perlembagaannya bagi memperuntukkan bahawa Pegawai-Pegawai Agung dan ahli-ahli biasa Jawatankuasa Kerja Agung PAS kini hanya perlu dipilih di dalam mesyuarat agung tahunan pada tiap-tiap dua tahun sekali¹¹⁸--meletakkan asas kepada corak perjuangan PAS dalam era kemerdekaan melalui ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy yang di antara lainnya menegaskan bahawa "belumlah dihitungkan telah merdeka dengan sepenuhnya melainkan setelah berjalan hukum-hukum Islam pada orang seorang, masyarakat dan negara"¹¹⁹ dan bahawa "selagi umat Islam ini belum berperlembagaan dan menghukum bagaimana yang diturunkan Tuhan adalah mereka masih dipandang *fasiq* atau zalim".¹²⁰

¹¹⁷ Turut menyumbang kepada pengemasan struktur pentadbiran PAS adalah penubuhan Dewan Ulama' dan Dewan Muslimat PAS di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak, pada 13 dan 14 Disember 1957 (Penyata Tahunan PAS 1957/1958. Hlm. 1; Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1957/1958. Hlm. 1; dan Laporan Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat 1957/1958. Hlm. 1) yang disusuli oleh persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Mac 1958 untuk mendesak cawangan-cawangan PAS supaya mendirikan Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS serta mendesak negeri-negeri yang belum mendirikan Dewan Ulama' PAS supaya berbuat demikian (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Mac 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 2).

¹¹⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 15. Selari dengan kelulusan usul pertama daripada 17 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 ini, ia juga telah turut meluluskan cadangan, yang dikemukakan oleh Setiausaha Agung PAS, untuk mengekalkan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1956/1957 sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1957/1958.

¹¹⁹ Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 10. Tambah Dr Burhanuddin al-Helmy: "Pengakuan (Islam sebagai agama rasmi negeri ini) tidak terpakai pada sisi hukum Islam kalau sekadar hanya dituliskan sahaja Islam sebagai agama rasmi tetapi bahanalah boleh dipakai pengakuan agama Islam itu jadi agama rasmi ialah apakala aturan-aturan dan hukum-hukum serta undang-undang asasi yang didirikan oleh kerajaan itu dibina di atas undang-undang Islam dan dari Islamlah keluar undang-undang itu dan daripada Islamlah diambil sesuatu hukum dan pengambilan hukum jua dikembalikan kepada Islam, hakim yang menyuruh dengan hukum Islam dan melarang pun dengan hukum Islam. Maka bagaimanakah sahnya Islam jadi agama rasmi, padahal pada tulisan sahaja, sedang undang-undang (masih lagi) rekaan manusia, pengambilan hukum dari undang-undang rekaan itu mengembalikan hukum kepada undang-undang itu dan keputusan pun diletakkan atas undang-undang itu?" (Ibid. Hlm. 11).

Asas ini diperkuuhkan lagi oleh kandungan ikrar yang dibacakan oleh kesemua perwakilan untuk terus berjuang bagi mengisi kemerdekaan negara ini dengan hasrat kebangsaan Melayu yang penuh hingga terdirilah sebuah negara Islam di negara ini.¹²¹

Berbekalkan ketetapan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 25, 26 dan 27 Disember 1958¹²² bahawa sesiapa yang tidak menegakkan negara Islam adalah termasuk di dalam golongan orang-orang yang *fasiq*, *zalim* atau *kafir*,¹²³ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Februari 1959 telah menyerahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Raya PAS Pusat satu usul bahawa ia "bersetuju menetapkan PAS menandingi tidak kurang daripada 2/3 kerusi (di) dalam Pilihan Raya Dewan Rakyat 1959 bagi membolehkan (ia) meminda Perlembagaan (Persekutuan) Tanah Melayu".¹²⁴ Di sebalik janji PAS untuk meminda perlembagaan negara bagi memastikan terlaksananya hukum-hukum Allah dan

¹²⁰ Ibid. Hlm. 11. Tambah Dr Burhanuddin al-Helmy; "Pada pendirian PAS, tiap-tiap hukum yang tidak sesuai dengan Qur'an dan Sunnah adalah batal dan tidak sah, maka termasuklah perlembagaan negara yang tidak sesuai dengan Qur'an dan Sunnah adalah batal juga pada pandangan dan pendirian Islam".

¹²¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957, Hlm. 21-22. Kandungan ikrar yang dicadangkan oleh Mohd Asri Muda ini adalah selari dengan kandungan ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy sebelumnya yang menegaskan bahawa "saya dan PAS adalah berisi, bersifat, berbau 'kebangsaan Melayu' dengan 'cita-cita Islam'" (Teks ucapan Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957, Hlm. 9).

¹²² Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 ini juga telah memilih Dr Burhanuddin al-Helmy, Zulkifle Muhammad, Hasan Adli Arshad dan Mohd Yunus Taib sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung dan Bendahari Agung PAS--di samping telah turut memilih Ahmad Hussain, Abu Samah Ali, Abdul Wahab Mohd Nor, Muhammad Hanif, Tengku Abdul Hamid Sultan Abdullah, Abdullah Akin, Hassan Nor dan Abdul Jalil Safuan sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1958/1960 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 pada 25, 26 dan 27 Disember 1958, Hlm. 10).

¹²³ Ibid. Hlm. 13-14. Usul yang dikemukakan oleh Dewan Ulama' PAS Pusat--yang pada asalnya merupakan kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan--ini merupakan salah satu (usul ke-12) daripada 22 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 ini.

¹²⁴ Penyata Tahunan PAS 1958/1959, Hlm. 19. Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Mei 1958 dan pada 30 Julai 1958 pula telah dari awal-awal lagi memutus untuk menjadikan "bulan bintang" sebagai simbol yang akan digunakan oleh calon-calon PAS di dalam pilihan raya ini (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Mei 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa

kembalinya kedaulatan Melayu di negara ini,¹²⁵ kekalahan 158 daripada 200 calonnya, di sebalik kemenangan 13 dan 28 calonnya di Dewan-Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Kelantan masing-masingnya,¹²⁶ di dalam Pilihan Raya Dewan-Dewan Undangan Negeri yang telah dilangsungkan sebelumnya,¹²⁷ menyebabkan¹²⁸ ia hanya menandingi

(Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 3; dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Julai 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 4).

¹²⁵ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2. Janji PAS ini merupakan salah satu daripada 12 butiran garis-garis perjuangan PAS di bidang politik. Tiga lagi butiran penting garis-garis perjuangan PAS di bidang politik adalah "mengembalikan kedaulatan hak-hak Melayu dan memberi keutamaan kepada orang-orang Melayu di dalam bidang-bidang pemerintahan dan pentadbiran", "mewujudkan satu kebangsaan Melayu dan memberikan kewarganegaraan Melayu kepada bukan Melayu dengan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang jelas yang tidak bercanggah dengan kepentingan-kepentingan bangsa Melayu" dan "memastikan jawatan-jawatan Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri dan Ketua Turus Angkatan Tentera dipegang oleh orang Melayu". Peningkatan unsur perjuangan kebangsaan Melayu di dalam manifesto PAS--dokumen yang disifatkan oleh Neil John Funston sebagai "*the most comprehensive statement the party made on Malay nationalism*" (Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 143)--ini terhasil ekoran keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Disember 1958 mempersetujui cadangan Zulkiflee Muhammad, yang telah sebelumnya "menerangkan beberapa perkara mengenai kebangsaan Melayu di Persekutuan (Tanah Melayu) ini", "supaya dibentuk satu jawatankuasa kecil untuk memikirkan perkara (kebangsaan Melayu) ini supaya dapat dimasukkan ke dalam manifesto PAS", juga cadangan Amaluddin Darus "supaya PAS bertegas memperjuangkan kebangsaan Melayu dan PAS hendaklah memberi faham kepada segala cawangan dan ranting(nya) akan perjuangan kebangsaan (Melayu) kita itu" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Disember 1958. Hlm. 3).

¹²⁶ Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 9. Selain kemenangan 41 calonnya di Dewan-Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Kelantan ini, seorang calonnya di Dewan Undangan Negeri Perak turut mencapai kemenangan. Mengikut satu penerbitan rasmi UMNO, kegagalan UMNO (dan Perikatan) mempertahankan kemenangannya di Terengganu dan Kelantan di dalam Pilihan Raya Umum 1959 ini adalah kerana "pengundi-pengundi Melayu (di sana) berpendapat UMNO tidak berdaya mempertahankan hak-hak politik orang-orang Melayu" (Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia (1971). Persidangan Agung UMNO Kali Ke-22: UMNO Di Persimpangan Jalan. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia. Hlm. 23). Hans H Indorf pula menyatakan: "*At the time of the first federal election in 1955, most parties were still in their embryonic stage of evolution, lacking the proliferation for in-depth voter appeal. By 1959, however, most parties had established an efficient structure, had determined their geographic area of greatest strength and had tested the popularity of platform planks in local elections*" (Hans H Indorf (1969). Party System Adaptation to Political Development in Malaysia During the First Decade of Independence, 1957-1967. New York University. Hlm. 179).

¹²⁷ Ibid. Hlm. 5, 9 dan 32-50.

¹²⁸ Hakikat betapa pengurangan jumlah calon Dewan Rakyat PAS adalah diakibatkan oleh kekalahan kebanyakan daripada calon-calon Dewan-Dewan Undangan Negerinya jelas disokong oleh kandungan siaran ini: "Bagi PAS, Pilihan Raya Negeri ini sangatlah penting dimenangi sebab sekiranya kerusikerasi di kawasan-kawasan Pilihan Raya Negeri itu dimenangi, besarlah harapan kita untuk memenangi Pilihan Raya Federal di kawasan-kawasan itu; sebaliknya, jika PAS tidak menang di tingkatan negeri, amatlah beratnya bagi PAS untuk memenangi Pilihan Raya Federal di kawasan-kawasan itu, sebab rakyat yang sudah mengundi kepada orang lain itu amatlah sukar menukar pendiriannya di dalam masa

58--dan memenangi 13, iaitu 9 di Kelantan dan 4 di Terengganu--daripada 104 kerusi di dalam Pilihan Raya Dewan Rakyat yang telah dilangsungkan pada 19 Ogos 1959.¹²⁹

Kedudukan PAS Di Terengganu

Kemenangan tipisnya di Terengganu¹³⁰ jelas menyukarkan PAS untuk menunjukkan satu model pemerintahan Islam yang baik di negeri itu, apatah lagi apabila urusan pembentukan Kerajaan Terengganu itu sendiri telah memecah-belahkan Badan Perhubungan PAS Terengganu tatkala mesyuaratnya pada 24 Jun 1959 dicemari oleh pertelagahan berkenaan dengan pentafsiran kandungan manifesto pilihan rayanya yang menyatakan bahawa PAS akan mengisikan jawatan-jawatan kerajaan dengan "bumiputera".¹³¹ Di sebalik keputusan awal mesyuarat itu untuk menerima pendapat

yang singkat seperti perantaraan Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Federal itu" (Siaran Pejabat Agung PAS bertajuk "Pilihan Raya Dan PAS" (tidak bertarikh). Hlm. 1).

¹²⁹ Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 5, 9 dan 51-57. Strategi PAS di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-2 ini, iaitu untuk meletakkan tujuh tokoh terkemukanya yang bukan merupakan anak negeri Kelantan dan Terengganu menandingi kerusi-kerusi Dewan Rakyat di negeri-negeri itu bagi membolehkan PAS bersuara dengan lebih berkesan di dalam dewan itu, menepati matlamatnya apabila kesemua tokoh ini, iaitu Othman Abdullah di Tanah Merah, Zulkiflee Muhammad di Bachok, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani di Pasir Mas Hulu, Ahmad Abdullah di Kota Bharu Hilir, Dr Burhanuddin al-Helmy di Besut, Hasan Adli Arshad di Kuala Terengganu Utara dan Khadijah Mohd Sidek di Dungun, telah memenangi kerusi-kerusi yang diperuntukkan kepada mereka di dalam pilihan raya umum ini (Ibid. Hlm. 52-53 dan 57). Walau bagaimanapun, hanya dua daripada mereka, iaitu Ahmad Abdullah di Kelantan Hilir dan Zulkiflee Muhammad di Bachok, dikekalkan untuk menandingi--dan memenangi--kerusi-kerusi Dewan Rakyat di sana di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-3 (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 149). Sementara Dr Burhanuddin al-Helmy kehilangan kelayakan untuk menandingi mana-mana kerusi sekalipun, Hasan Adli Arshad telah dikalahkan oleh Othman Abdullah yang kini bertanding di bawah tiket Perikatan di Hilir Perak manakala Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani dan Khadijah Mohd Sidek pula telah masing-masingnya dikalahkan oleh dua lagi calon Perikatan, iaitu Hussein Mohd Noordin dan Dr Ismail Abdul Rahman, di Parit dan di Johor Timur (Ibid. Hlm. 157, 158 dan 173).

¹³⁰ Daripada sejumlah 24 kerusi yang dipertandingkan untuk Dewan Undangan Negeri Terengganu, PAS hanya memenangi 13 kerusi berbanding 7 dan 4 kerusi yang dimenangi oleh Perikatan dan PN masing-masingnya (Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 9).

¹³¹ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 24 Jun 1959 (ringkasan), dlm. Penyata PAS Terengganu: Pilihan Raya Dan Membentuk Kerajaan Terengganu. Hlm. 4. Mesyuarat ini telah turut dihadiri oleh Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy; Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad; dan Naib Yang Dipertua Agung PAS, Othman Abdullah.

yang mentafsirkan "bumiputera" sebagai orang Melayu yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu¹³² dan untuk melantik Ahmad Azam Napiah, yang berasal dari Perak, sebagai Menteri Besar Terengganu yang baru,¹³³ ia telah turut memutus untuk mempersempit dua nama tokohnya bagi dipertimbangkan sebagai Menteri Besar Terengganu oleh Sultan Terengganu,¹³⁴ dengan ketetapan bahawa tokohnya yang tidak terpilih itu akan dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu.¹³⁵ Ternyata kemudiannya Mohd Daud Abdul Samad telah dipilih untuk mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Terengganu oleh Sultan Terengganu pada 29 Jun 1959.¹³⁶

Ahmad Azam Napiah, yang meyakini bahawa beliau akan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Terengganu,¹³⁷ malangnya mendapati keyakinan beliau itu mula tergugat, mulanya apabila pengisian jawatan yang telah dilulus untuk diwujudkan oleh sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 4 Julai 1959 itu ditangguhkan lantaran

¹³² Ibid. Hlm. 4. Pendapat yang mentafsirkan "bumiputera" sebagai orang Melayu yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu memperolehi 23 undi manakala pendapat yang mentafsirkan "bumiputera" sebagai orang Melayu yang dilahirkan di Terengganu hanya memperolehi 3 undi.

¹³³ Ibid. Hlm. 4. Pengundian secara sulit untuk memilih bakal Menteri Besar Terengganu yang dibuat oleh mesyuarat ini menunjukkan bahawa Ahmad Azam Napiah memperolehi 19 undi berbanding 3 dan 2 undi yang diperolehi oleh Mohd Daud Abdul Samad dan Abu Bakar Mohd Saleh masing-masingnya.

¹³⁴ Ibid. Hlm. 4. Mengikut ringkasan minit mesyuarat ini: "Cadangan (yang dikemukakan oleh Su Mahmud Dato' Amar) ini pada mulanya mendapat tentangan hebat, tetapi pada akhirnya diterima setelah (Ahmad Azam Napiah) sendiri bersetuju dengan cadangan ini".

¹³⁵ Ibid. Hlm. 4. Kedua-dua tokoh yang telah diputus untuk dippersempit kepada Sultan Terengganu bagi dipertimbangkan sebagai Menteri Besar Terengganu ini ialah dua tokoh yang memperolehi jumlah undi yang tertinggi di dalam pemilihan itu, iaitu Ahmad Azam Napiah dan Mohd Daud Abdul Samad.

¹³⁶ Penyata PAS Terengganu: Pilihan Raya Dan Membentuk Kerajaan Terengganu. Hlm. 5. Selain daripada Mohd Daud Abdul Samad dari Setiu yang mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Terengganu, turut mengangkat sumpah sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu pada 29 Jun 1959 ini ialah Ahmad Azam Napiah dari Jeram, Abu Bakar Salleh dari Sura, Ismail Yusoff dari Ulu Terengganu Tengah, Omar Abdul Rahman dari Ulu Terengganu Barat, Omar Shukri Embong dari Ulu Dungun dan Mohd Senari Yunus dari Kampong Raja. Menyertai mereka ialah Mohd Taib Sabri dari Marang yang telah mengangkat sumpah sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu.

¹³⁷ Keyakinan Ahmad Azam Napiah ini adalah didasarkan kepada kandungan titah Sultan Terengganu yang menyatakan bahawa beliau akan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Terengganu, juga kepada kandungan ikrar Mohd Daud Abdul Samad, di dalam ucapan sulung beliau selaku Menteri

kesibukan kempen Pilihan Raya Dewan Rakyat¹³⁸ dan kemudiannya apabila kempen pilihan raya itu pula menimbulkan ketidakpuasan hati para pemimpin PAS Kuala Terengganu, Kemaman dan Dungun ke atas beliau di atas isu pemilihan calon-calon PAS di Dungun,¹³⁹ Terengganu Tengah¹⁴⁰ dan Kemaman.¹⁴¹ Tindakan para pemimpin ketiga-tiga cawangan PAS berkenaan memboikot Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 5 Ogos 1959,¹⁴² yang diikuti oleh penerimaan mesyuarat badan itu pada 16 Oktober 1959¹⁴³--juga pengiktirafan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS

Besar Terengganu pada 29 Jun 1959, bahawa beliau akan mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar di dalam kabinet kerajaan negeri pimpinan beliau (*Ibid.* Hlm. 5).

¹³⁸ *Ibid.* Hlm. 5. Kempen pilihan raya bagi Dewan Rakyat ini berlangsung di antara 15 Julai 1959 dan 19 Ogos 1959 (*Report on the Parliamentary and State Elections 1959*. Hlm. 4 dan 6).

¹³⁹ Penyata PAS Terengganu: Pilihan Raya Dan Membentuk Kerajaan Terengganu. Hlm. 6. Di Dungun, ketidakpuasan hati para pemimpin cawangan itu telah timbul di atas pemilihan Khadijah Mohd Sidek--dan bukannya Ngah Muhammad seperti mana yang mereka kehendaki--sebagai calon Dewan Rakyat PAS di situ. Mengikut Ahmad Azam Napiyah, Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 5 Julai 1959 sekadar memutuskan supaya "semua nama (bakal calon) yang dikemukakan oleh cawangan dihantar kepada Pejabat Agung (untuk dibuat pemilihan)". Nama Ngah Muhammad walau bagaimanapun telah tidak turut dikemukakan kerana surat pencalonan dari PAS Dungun--yang turut dikatakan "tidak menghantar wakilnya (menghadiri mesyuarat ini) kerana terlambat menerima surat jemputan"--dikatakan terlewat tiba sehari dari tarikh berlangsungnya Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu.

¹⁴⁰ *Ibid.* Hlm. 11-12. Di Terengganu Tengah, ketidakpuasan hati para pemimpin cawangan itu telah timbul di atas pemilihan Harun Pilus--dan bukannya Su Mahmud Dato' Amar seperti mana yang mereka kehendaki--sebagai calon Dewan Rakyat PAS di situ. Mengikut Ahmad Azam Napiyah, Harun Pilus telah dipilih sebagai calon di Terengganu Tengah berdasarkan kejayaan beliau memperolehi undi tertinggi di dalam pemilihan yang telah dibuat di peringkat cawangan berbanding tokoh-tokoh lain, termasuklah Su Mahmud Dato' Amar sendiri yang dikatakan hanya memperolehi 3 undi sahaja.

¹⁴¹ *Ibid.* Hlm. 12. Di Kemaman, ketidakpuasan hati para pemimpin PAS cawangan itu telah timbul di atas kegagalan Tengku Shahadan Majid mengemukakan pencalonan beliau di dalam jangka waktu yang ditetapkan menyebabkan beliau tidak dapat menyertai pilihan raya itu. Mengikut Ahmad Azam Napiyah, kegagalan ini adalah disebabkan Tengku Shahadan Majid tergendala selama dua jam di Dungun apabila beliau telah--di atas desakan Ngah Muhammad yang mahukan hak pencalonan itu diberikan kepada diri beliau sendiri--menyerahkan pencalonan itu kepada Ngah Muhammad yang walau bagaimanapun gagal mendapatkan kesanggupan Menteri Besar Terengganu untuk "mengikhtiaran perletakan jawatan beliau sebagai guru agama di pejabat agama dengan serta-merta" menyebabkan Tengku Shahadan Majid terpaksa mengambil-alih semula pencalonan itu daripada beliau.

¹⁴² *Ibid.* Hlm. 7. Ekoran pemboikotan ketiga-tiga cawangan PAS ini, mesyuarat yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua Agung, Dr Burhanuddin al-Helmy, dan Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, ini telah ditangguhkan dengan Ahmad Azam Napiyah diminta untuk mengemukakan laporan mengenai perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Ogos 1959. Setelah membincangkan perkara ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada hari berkenaan telah menubuhkan sebuah suruhanjaya, yang dianggotai oleh Zulkiflee Muhammad dan Mohd Asri Muda, untuk menyelesaikan pertelahan yang sedang berlaku di dalam PAS Terengganu ini.

pada 25 Oktober 1959¹⁴⁴--ke atas cadangan mereka agar PAS Terengganu ditadbirkan oleh sebuah jawatankuasa darurat,¹⁴⁵ telah memanaskan hati Ahmad Azam Napiah yang memberikan amaran bahawa sekiranya Jawatankuasa Kerja Agung PAS tidak bertindak secara tegas, krisis ini mungkin "(meng)akibat(kan) kejatuhan Kerajaan Terengganu".¹⁴⁶

Pemberian semula jawatan pesuruhjaya kepada Ahmad Azam Napiah pada 7 Mei 1960¹⁴⁷ terus gagal menenangkan keadaan apabila Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 20 Mei 1960 menyaksikan Mohd Taib Sabri mengkritik kepimpinan PAS Terengganu yang didakwa "tidak membuat apa-apa pun untuk faedah rakyat... kerana... sibuk berlawan di antara satu sama lain untuk merebut jawatan-jawatan yang lebih tinggi",¹⁴⁸ juga menyaksikan Ahmad Azam Napiah diketepikan dari menganggotai

¹⁴³ Ibid. Hlm. 8. Mesyuarat ini telah dipanggil oleh suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Ogos 1959. Dua mesyuarat awal yang telah dipanggil oleh suruhanjaya ini, iaitu pada 8 September 1959 dan pada 9 Oktober 1959, telah tidak dapat dilangsungkan kerana ketidakhadiran wakil daripada ketiga-tiga cawangan PAS ini (pada 8 September 1959) dan kerana ketidakhadiran wakil daripada PAS Dungun (pada 9 Oktober 1959).

¹⁴⁴ Ibid. Hlm. 9. Selain mengiktiraf pembentukan jawatankuasa darurat ini, mesyuarat ini juga telah turut menamakan Khadijah Mohd Sidek dan Hasan Adli Arshad sebagai "pemandu"nya.

¹⁴⁵ Ibid. Hlm. 8. Mesyuarat ini juga telah turut memutuskan bahawa jawatankuasa darurat ini akan dianggotai oleh Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (sebagai Pengurus), Da Abdul Jalil Awang (sebagai Timbalan Pengurus), Engku Bijaya Sura (sebagai Bendahari), Syed Abdullah Alwi (sebagai Setiausaha), Ngah Muhammad, Omar Shukri Embong, Mohd Taib Sabri, Syed Noh dan Wan Azizah (sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa). Tulis Ahmad Azam Napiah: "Boleh dikatakan hampir semua (ahli) jawatankuasa ini adalah (terdiri) dari(pada) kalangan (pemimpin) tiga cawangan tersebut".

¹⁴⁶ Ibid. Hlm. 13. Tulis Ahmad Azam Napiah: "Sebenarnya, bagi menamatkan krisis ini tiadalah begitu sulit...asal sahaja di pihak pimpinan tiada ragu-ragu (untuk) kembali kepada perlembagaan parti dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya. Sebaliknya, kalau dibiarkan sebagaimana yang ada sekarang dengan mengharapkan (ia) padam dengan sendirinya, haruslah krisis itu akan berpanjangan, sebab bagi pihak yang menimbulkan krisis amat tipislah harapan kita kalau dia sendiri hendak menamatkan, apa lagi pula kalau mereka (boleh jadi) telah mendapat galakan dari mana-mana pihak, maka tiadalah syak lagi krisis ini akan berpanjangan yang akibatnya membawa kepada kejatuhan Kerajaan PAS Terengganu yang pada masa itu tiadalah dapat disesalkan oleh sesiapa lagi".

¹⁴⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mei 1960. Hlm. 3. Pemberian semula jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu "bagi tahun 1960" kepada Ahmad Azam Napiah ini telah dibuat "dengan tidak bersyarat" oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mei 1960 ini "berdasarkan keputusan Mesyuarat (Badan) Perhubungan PAS Terengganu pada 30 Januari 1960".

¹⁴⁸ Laporan Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 20 Julai 1960 bertajuk "Laporan Mengenai Saudara Ahmad Azam Dan Komplotnya Hendak

suruhanjaya penyusun semula Kerajaan Terengganu yang dibentuk olehnya.¹⁴⁹ Tindakan, pada 20 Mei 1960, Ahmad Azam Napiah mempertikaikan pembentukan suruhanjaya itu dan desakan beliau supaya Jawatankuasa Kerja Agung PAS menyusun semula Kerajaan Terengganu atau mengisi jawatan Timbalan Menteri Besar Terengganu di dalam tempoh dua minggu¹⁵⁰ yang diikuti oleh tindakan PAS Dungun memecat Mohd Taib Sabri dari PAS pada 29 Mei 1960¹⁵¹ menyebabkan Zulkiflee Muhammad telah, pada 13 Jun 1960, memperkejarkan Othman Abdullah, Mohd Asri Muda, Ahmad Abdullah dan Amaluddin Darus ke Terengganu, dengan amanat bahawa "sebarang cadangan yang di luar daripada cita-cita PAS, kerajaan campuran umpamanya, maka berertilah kita yang lemah".¹⁵²

Berdasarkan laporan Othman Abdullah bahawa ternyata ada perbalahan yang serius di Terengganu, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1960 telah bersetuju untuk mengirim Abu Bakar Hamzah¹⁵³ ke Terengganu sebagai perutusan perdamaian untuk "mengembalikan muhibbah", "membuang yang keruh dan

Menggulingkan Kerajaan Terengganu". Hlm. 1. Mengikut laporan ini: "Ucapan (Mohd Taib Sabri ini) telah menyebabkan suasana (mesyuarat) itu menjadi heboh dan oleh wartawan-wartawan disiarnya kecaman itu dalam surat-surat khabar".

¹⁴⁹ Ibid. Hlm. 1. Kegagalan Ahmad Azam Napiah dilantik menjadi pengurus atau ahli kepada suruhanjaya ini menyebabkan Pejabat Agung PAS menyimpulkan bahawa "Saudara Ahmad Azam terbukti telah hilang kepercayaannya di sisi ahli-ahli PAS Terengganu" (Ibid. Hlm. 4).

¹⁵⁰ Ibid. Hlm. 1. Mengikut laporan ini, Ahmad Azam Napiah menyatakan bahawa "perlantikan itu hendaklah berdasarkan kepercayaan yang diberikan oleh cawangan-cawangan dengan syarat hendaklah Menteri Besar sekarang ini dapat menyesuaikan sikapnya dan berikrar tunduk kepada parti".

¹⁵¹ Ibid. Hlm. 1. Mengikut laporan ini, tindakan PAS Dungun ini telah disokong oleh PAS Hulu Terengganu dan PAS Kuala Terengganu Utara.

¹⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Jun 1960. Hlm. 3. Zulkiflee Muhammad pada masa itu merupakan Pemangku Yang Dipertua Agung PAS--jawatan yang disandang oleh beliau ekoran lawatan Dr Burhanuddin al-Helmy ke England (Ibid. Hlm. 1 dan 3; dan Siaran Khas Setiausaha (Jabatan) Penerangan PAS Pusat, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 20 Ogos 1960 bertajuk "Hal Kisah Undi Tidak Percaya Kepada Kerajaan PAS Di Terengganu". Hlm. 6).

¹⁵³ Sewaktu mesyuarat ini dilangsungkan, Abu Bakar Hamzah merupakan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat merangkap Setiausaha Jabatan Penerangan PAS Pusat (Laporan Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 20 Julai 1960 bertajuk "Laporan Mengenai Saudara Ahmad Azam Dan Komplotnya Hendak Menggulingkan Kerajaan Terengganu". Hlm. 3).

mengembalikan yang jernih", "mewujudkan perdamaian yang bersih" dan "memperkemaskan PAS Terengganu".¹⁵⁴ Berdasarkan laporan Abu Bakar Hamzah bahawa 12 Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS--melainkan Ahmad Azam Napiah yang "tidak akan bertolak-ansur dan akan bertindak keluar sekiranya jawatan Timbalan Menteri Besar itu tidak dilantik dalam tempoh seminggu"--telah berjaya beliau ikat untuk "membela dan mempertahankan keutuhan Kerajaan PAS di Terengganu" pula,¹⁵⁵ Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Jun 1960 telah memutus untuk menyifatkan pemecatan Mohd Taib Sabri sebagai tidak sah, untuk mengutuskan Ahmad Abdullah ke Terengganu bagi membantu urusan pentadbiran kerajaannya dan untuk mendaruratkan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang berada di Pantai Timur bagi menghadapi perkembangan politik di Terengganu.¹⁵⁶

Sementara itu, setelah gesaan awal Ahmad Azam Napiah tidak dihiraukan, beliau telah, pada 27 Jun 1960, mengirimkan sepucuk surat yang memberikan pilihan kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk menyusun semula Kerajaan Terengganu, memecat Mohd Taib Sabri dari PAS atau mengisi jawatan Timbalan Menteri Besar Terengganu sebelum 15 Julai 1960¹⁵⁷ atau menerima akibat "perpisahan kita dalam parti".¹⁵⁸ Berhadapan dengan pilihan yang menyukarkan ini, Mesyuarat Jawatankuasa

¹⁵⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1960. Hlm. 4.

¹⁵⁵ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Jun 1960. Hlm. 4.

¹⁵⁶ Ibid. Hlm. 4 dan 5.

¹⁵⁷ Tarikh asal yang telah ditetapkan oleh Ahmad Azam Napiah di dalam surat beliau ini ialah 10 Julai 1960, tetapi tarikh ini telah, ekoran janji beliau kepada Abu Bakar Hamzah untuk "tidak membuat sesuatu sepeninggalan (Abu Bakar Hamzah)", kemudiannya dipinda oleh beliau kepada 15 Julai 1960 (Laporan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat merangkap Setiausaha Jabatan Penerangan PAS Pusat, Abu Bakar Hamzah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 16 Ogos 1960 bertajuk "Laporan Atas Usaha Mencari Persefahaman Di Kalangan PAS Terengganu". Hlm. 2).

¹⁵⁸ Surat Ahmad Azam Napiah kepada Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, bertarikh 27 Jun 1960 bertajuk "Inilah Sikap Dan Keputusan Muktamad Saya". Hlm. 1. Untuk mengatasi kesan pemecatan Mohd Taib Sabri dari PAS ini, Ahmad Azam Napiah dilaporkan telah pun "menjalankan

Kerja Agung PAS "yang didaruratkan" pada 9 Julai 1960 telah memutuskan untuk berkompromi dengan beliau dengan bersetuju mengisi jawatan Timbalan Menteri Besar Terengganu dengan syarat bahawa perlantikan itu akan dibuat di dalam tempoh tiga bulan dan dengan tidak ditetapkan siapa yang akan dilantik ke jawatan itu,¹⁵⁹ tetapi kompromi ini telah ditolak oleh beliau.¹⁶⁰ Setelah beliau tetap bertegas dengan kata dua beliau walaupun setelah diberikan peluang untuk menariknya,¹⁶¹ Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960 pun memutuskan untuk tidak memecat beliau¹⁶² tetapi juga untuk tidak menerima kata dua beliau menyebabkan kemahuan beliau untuk keluar parti berlaku dengan sendiri mulai dari 15 Julai 1960.¹⁶³

usaha-usaha ke arah mewujudkan kerajaan campuran dengan PN"--usaha-usaha yang kemudiannya menyebabkan Ahmad Azam Napiah dituduh cuba "menggulingkan Kerajaan PAS sekarang dan menegakkan kerajaan campuran (dengan pihak lawan)" (Laporan Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 20 Julai 1960 bertajuk "Laporan Mengenai Saudara Ahmad Azam Dan Komplotnya Hendak Menggulingkan Kerajaan Terengganu". Hlm. 4).

¹⁵⁹ Surat rombongan khas Pejabat Agung PAS (Abu Bakar Hamzah, Wan Mustapha Ali dan Mohd Asri Muda) kepada Ahmad Azam Napiah bertarikh 12 Julai 1960 (tidak bertajuk). Hlm. 1; dan Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960. Hlm. 1.

¹⁶⁰ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960. Hlm. 1. Penolakan kompromi ini telah disampaikan oleh Ahmad Azam Napiah kepada rombongan khas Pejabat Agung PAS di dalam pertemuan mereka pada 13 Julai 1960 (Laporan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat merangkap Setiausaha Jabatan Penerangan PAS Pusat, Abu Bakar Hamzah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 16 Ogos 1960 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹⁶¹ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960. Hlm. 2. Peluang ini telah diberikan kepada Ahmad Azam Napiah apabila mesyuarat ini telah bersetuju supaya "(Dr Burhanuddin al-Helmy) menelefon kepada Ahmad Azam (Napiah) dengan meminta agar dia memikir sebaik-baiknya tentang kata duanya itu kali yang terakhir ini", tetapi, setelah bercakap dengan beliau selama lima minit, Dr Burhanuddin al-Helmy kemudiannya melaporkan kepada mesyuarat ini bahawa "segala hujjah saya tidak diterimanya lagi".

¹⁶² Ibid. Hlm. 3. Persetujuan untuk tidak memecat Ahmad Azam Napiah ini diambil setelah Dr Burhanuddin al-Helmy menggunakan undi pemutus beliau untuk menyokong mereka yang tidak mahu beliau dipecat tatkala usul untuk memecat beliau memperolehi jumlah undi yang "seimbang".

¹⁶³ Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960 ini telah disampaikan oleh Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Ahmad Azam Napiah pada 16 Julai 1960 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Ahmad Azam Napiah bertarikh 16 Julai 1960 bertajuk "Inilah Sikap Dan Keputusan Muktamad Saya". Hlm. 1).

Terkeluarnya Ahmad Azam Napiah dari PAS yang sekaligus menyebabkan PAS kehilangan majoritinya di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu¹⁶⁴ telah memaksa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960 memutuskan untuk membentuk sebuah jawatankuasa kecil bagi merancang kemasukan Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PN ke dalam PAS atau merancang pembentukan kerajaan campuran PAS-PN untuk menyelamatkan kedudukannya di Terengganu¹⁶⁵. Usaha ini dipergiatkan lagi apabila Ahmad Azam Napiah, walaupun membuat undian berkecuali sekaligus menggagalkan satu usul undi tidak percaya terhadap Kerajaan PAS Terengganu di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 6 Ogos 1960¹⁶⁶, telah membangkang sekaligus menggagalkan dua usul pihak kerajaan keesokannya¹⁶⁷ menyebabkan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja

¹⁶⁴ Terkeluarnya Ahmad Azam Napiah dari PAS menyebabkan undi PAS di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu, setelah ditolak undi Speaker, menurun menjadi 11 berbanding 11 yang dipunyai oleh pihak pembangkang (tidak termasuk Ahmad Azam Napiah yang kini menjadi ahli bebas).

¹⁶⁵ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960. Hlm. 3. Jawatankuasa kecil ini adalah terdiri daripada Dr Burhanuddin al-Helmy, Zulkiflee Muhammad, Wan Mustapha Ali, Hasan Adli Arshad dan Abdullah Zawawi Hamzah. Kesediaan Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk merancang pembentukan kerajaan campuran di antara PAS dan PN ini kelihatan agak mengganjilkan juga kerana, tatkala Ahmad Azam Napiah cuba melakukan perkara yang sama sebelumnya, beliau telah dituduh cuba "menggulingkan Kerajaan PAS sekarang dan menegakkan kerajaan campuran (dengan pihak lawan)" (Laporan Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 20 Julai 1960 bertajuk "Laporan Mengenai Saudara Ahmad Azam Dan Komplotnya Hendak Menggulingkan Kerajaan Terengganu". Hlm. 4).

¹⁶⁶ Penyata Rasmi Mesyuarat Dewan (Undangan) Negeri (Terengganu) Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua (1960), 6 dan 7 Ogos 1960. Hlm. 8-45. Sewaktu mengemukakan usul ini, Mohamed Abdul Rahman dari PN menyatakan: "Adapun sebabnya betapa saya membawa cadangan ini ialah oleh kerana saya dapat kerajaan yang ada pada hari ini tidak dapat menunaikan tugasnya sebagai sebuah kerajaan yang memerintah....Saya tidak hendak membawa ke dewan ini segala-gala janji yang telah dibuat oleh parti kerajaan yang memerintah pada hari ini terhadap rakyat, maka memadailah dengan akuan-akuan yang diberi oleh YB Tuan Speaker sendiri menurut siaran di dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 23 Mei 1960 berbunyi begini: Hampir setahun lamanya kita telah berkuasa memegang amanah rakyat yang mengundi kita, tetapi apakah satu janji yang telah kita tunaikan...". Tindakan Ahmad Azam Napiah memberikan undi berkecuali ke atas usul ini menyebabkan undi mereka yang menyokong dan undi mereka yang membangkangnya menjadi seimbang, iaitu 11, sekaligus membolehkan Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Mohd Taib Sabri, menggunakan undi pemutus beliau untuk menyebelahi mereka yang membangkang usul ini.

¹⁶⁷ Ibid. Hlm. 46-59. Dua usul pihak kerajaan yang kelulusannya telah digagalkan oleh Ahmad Azam Napiah ini ialah Rang Undang-Undang Tambahan Perbelanjaan Yang Kelima (1960) Tahun 1960 dan Rang Undang-Undang (Imbuhan) Speaker (Pindaan) Tahun 1960. Perkembangan ini amat membimbangkan Menteri Besar Terengganu, Mohd Daud Abdul Samad, yang meramalkan kemungkinan kerajaan beliau akan tumbang sekiranya Ahmad Azam Napiah terus menyebelahi pihak

Agung PAS pada 18 dan 19 Ogos 1960 memutuskan untuk memberi mandat kepada Menteri Besar Terengganu mengambil langkah membentuk kerajaan campuran dengan PN¹⁶⁸--langkah¹⁶⁹ yang kemudiannya terhenti oleh penyertaan Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PN, iaitu Ismail Abas, ke dalam PAS pada 8 Oktober 1960¹⁷⁰.

Di sebalik penerimaan semula keahlian Ahmad Azam Napiah pada 8 Disember 1960,¹⁷¹ PAS Terengganu dihadapkan pula dengan ketidakpuasan hati ahli-ahlinya ke atas Menteri Besarnya,¹⁷² juga dengan berita mengenai keluarnya Mohd Taib Sabri dari

pembangkang di dalam pengundian ke atas Rang Undang-Undang Belanjawan 1961 pada akhir tahun 1960 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 dan 19 Ogos 1960. Hlm. 1).

¹⁶⁸ Ibid. Hlm. 4. Keputusan ini telah diambil setelah Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 dan 19 Ogos 1960 ini mendengar laporan Menteri Besar Terengganu, Mohd Daud Abdul Samad, bahawa "kompromi dengan Ahmad Azam (Napiah) tidak tampak jalannya lagi" dan bahawa "menarik Ahli Dewan Undangan Negeri dari PN (untuk menyertai PAS) telah saya usahakan, (tetapi) tidak berhasil", juga setelah ia mendengar keterangan Zulkiflee Muhammad bahawa beliau tidak dapat memberi jaminan bahawa PAS akan mampu memenangi satu pilihan raya baru sekiranya ia dilangsungkan di Terengganu (Ibid. Hlm. 2 dan 3). Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 September 1960 pula telah, selain melantik Mohd Daud Abdul Samad menjadi Pemangku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu "hingga terbentuknya kerajaan campuran", menetapkan tiga syarat ke atas pembentukan kerajaan campuran ini, iaitu "menghapuskan jawatan Timbalan Menteri Besar", "mengadakan *cabinet system*" dan "memperuntukkan tiga kerusi EXCO kepada PN" (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 September 1960. Hlm. 4).

¹⁶⁹ Sebenarnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 September 1960 telah pun dimaklumkan oleh Abu Bakar Hamzah bahawa PN "bersedia bekerjasama dalam hal membentuk kerajaan campuran", bahawa "Mohd Daud Abdul Samad telah mempersebahkan kepada Sultan (Terengganu) tentang (hasrat beliau untuk) membentuk kerajaan campuran dengan PN" dan bahawa "menurut Sultan (Terengganu), tarikh mempersebahkan kerajaan (campuran) tersebut ia(jah) sebelum 24 September atau selepas 8 Oktober 1960" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 September 1960. Hlm. 2).

¹⁷⁰ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 Oktober 1960. Hlm. 2; Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Terengganu pada 20 Oktober 1960. Hlm. 3; dan Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 dan 25 Oktober 1960. Hlm. 7.

¹⁷¹ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 Disember 1960. Hlm. 1. Penerimaan semula keahlian Ahmad Azam Napiah ini diikuti pula oleh perlantikan Mohd Daud Abdul Samad sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu "bagi tahun 1961" pada 3 Januari 1961 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Januari 1961. Hlm. 2).

¹⁷² Ketidakpuasan hati ahli-ahlil PAS Terengganu ke atas Menteri Besarnya, Mohd Daud Abdul Samad, ini jelas tergambar di dalam kandungan sepucuk surat yang dikirimkan oleh "Ahli-Ahli PAS Dari Beberapa Buah Cawangan Di Terengganu" dalam mana para penulis surat ini telah, setelah memaklumkan kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bahawa "berita-berita angin tersebar meluas di Terengganu bahawa aduan-aduan telah disampaikan kepada Sultan Terengganu bahawa Menteri Besar kononnya telah rosak akalnya (sakit otak)" di mana "sejak (d)ia di Hospital Kuala Terengganu sentiasa bercakap tidak tentu hala tidak seperti orang siuman", bahawa beliau

PAS,¹⁷³ menyebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Jun 1961 memutuskan bahawa "masalah Terengganu itu hendaklah diatasi oleh (Zulkiflee Muhammad) yang diberi kuasa untuk memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung di Pantai Timur jika keadaan memerlukan".¹⁷⁴ Pendedahan Tengku Abdul Rahman Putra mengenai pengaduan Sultan Terengganu kepada beliau mengenai kelemahan Kerajaan Terengganu pula telah mengakibatkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961 memberikan cuti rehat selama dua bulan kepada Menteri Besar Terengganu,¹⁷⁵ tetapi belum pun sempat beliau bercuti, tiga Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS dilaporkan, pada 21 Oktober 1961, keluar dari parti itu¹⁷⁶

kononnya telah tidak masuk ke pejabat beliau sejak awal April 1961 di mana "lebih daripada 500 buah fail berlonggok di atas mejanya dan beratus-ratus surat bertanda sulit terbuka-buka langsung di dalam lacinya" dan bahawa "kononnya di dalam bulan Jun 1961 ini sekurang-kurangnya tiga kali Sultan Terengganu telah memanggilnya menghadap tetapi dia sengaja mlarikan diri sedang Sultan Terengganu sangat memerlukan kehadirannya", meminta Jawatankuasa Kerja Agung PAS menghantar seorang wakil khas ke Terengganu bagi menyiasat kesahihan berita-berita angin berkenaan (Surat "Ahli-Ahli PAS Dari Beberapa Buah Cawangan Di Terengganu" kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 18 Jun 1961 bertajuk "Laporan Sulit". Hlm. 1).

¹⁷³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Jun 1961. Hlm. 2. Berita mengenai keluarnya Mohd Taib Sabri dari PAS yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan pada 19 Jun 1961 walau bagaimanapun telah dinafikan oleh Mohd Taib Sabri sendiri di dalam akhbar-akhbar tempatan pada keesokan harinya. Di sebalik penafian ini, Zulkiflee Muhammad menyatakan: "Hakikat peristiwa itu tetap ada, dan sudah ada tanda-tanda bahawa (Mohd) Taib Sabri sudah pernah menulis surat menyatakan niatnya hendak berhenti, dan sepucuk surat telah ditulisnya dalam bulan April 1961 lagi".

¹⁷⁴ Ibid. Hlm. 4. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Jun 1961 pula telah--setelah mendengar keterangan Zulkiflee Muhammad mengenai "kelemahan kedudukan Kerajaan PAS Terengganu", "kelemahan pertubuhan PAS (Terengganu)", "keadaan keperibadian Menteri Besar Terengganu" dan "keadaan Speakernya"--memutuskan supaya "(Zulkiflee Muhammad) pergi dan bertanggak di Terengganu untuk membantu Menteri Besar Terengganu bagi melancarkan urusan Kerajaan Terengganu itu sehingga dapat diatasi kekusutan dan kerumitan yang memuncak sekarang ini di negeri tersebut" dan supaya "(Zulkiflee Muhammad) menumpukan tenaga dan usaha (beliau) hanya di Kelantan dan di Terengganu sahaja untuk (tempoh) selama enam bulan" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Jun 1961. Hlm. 2-3).

¹⁷⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961. Hlm. 5-6. Keputusan ini dibuat setelah mesyuarat ini dimaklumkan oleh Zulkiflee Muhammad bahawa, berdasarkan kepada penyiasatan yang telah dibuat oleh beliau, "memanglah sesetengah dari(pada) apa yang tersebut di dalam akhbar (yang melaporkan pendedahan Tengku Abdul Rahman Putra ini) ada juga benar" dan bahawa Menteri Besar Terengganu sedang mengalami "keuzuran badan... sehingga beliau sendiri secara berterus-terang dan dengan perasaan yang ikhlas telah menyatakan keinginannya untuk mendapat cuti selama dua bulan untuk berubat".

¹⁷⁶ "Terengganu: Babak baru (6 dari Negara dan PAS rasmi jadi ahli UMNO)", dlm. Berita Harian, 21 Oktober 1961; dan Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1961. Hlm. 1. Ketiga-tiga Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS yang telah dilaporkan bertindak keluar dari parti itu ialah Wan Said Mohd Noor, Abdul Kadir Mohamad dan Mohd Taib

menyebabkan lulusnya satu usul undi tidak percaya terhadap Kerajaan PAS Terengganu di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 30 Oktober 1961¹⁷⁷ dan memaksa beliau menyerahkan mandat kerajaan beliau kepada Sultan Terengganu.¹⁷⁸

Kedudukan PAS Di Kelantan

Tidak seperti di Terengganu, urusan pembentukan kerajaan negeri di Kelantan berjalan lancar dengan Ishak Lotfi Omar dari Kota Bharu Selatan dan Mohamad Nasir dari Machang Utara telah, bersama-sama tujuh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan yang lainnya, mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar dan Timbalan Kepada Menteri Besar Kelantan masing-masingnya pada 9 Julai 1959.¹⁷⁹ Di sebalik kelancaran ini,

Sabri. Ekoran tersiarnya berita berkenaan, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1961 ini telah bersetuju "memperkejarkan Mohd Asri (Muda) bersama-sama dengan Raja Mohd Hanifah (Abdul Ghani) ke Terengganu... untuk mengawasi keteguhan kedudukan Kerajaan PAS Terengganu".

¹⁷⁷ Penyata Rasmi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Terengganu, 30 Oktober 1961, dlm. Ismail Ibrahim (TT). Kejatuhan Kerajaan PAS Di Terengganu 30 Oktober 1961: Satu Analisa. Universiti Malaya. Hlm. 55. Mengikut Ismail Ibrahim, usul undi tidak percaya terhadap Kerajaan PAS Terengganu yang dikemukakan oleh Wan Daud Wan Ahmad dari PN dan disokong oleh Engku Mohsein Abdul Kadir dari Perikatan ini telah diluluskan apabila ia memperolehi 13 undi menyokong (7 wakil Perikatan, 3 wakil PN, 2 bekas wakil PAS, iaitu Wan Said Mohd Noor dan Abdul Kadir Mohamad, dan 1 wakil PAS, iaitu Ahmad Azam Napiah) berbanding 7 undi membangkang (wakil-wakil PAS). Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS, iaitu Hussin Jusoh dan Muhammad Ismail, telah mengundi berkecuali manakala seorang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS, iaitu Omar Abdul Rahman, telah tidak dibenarkan membuat pengundian (dihalau keluar dari dewan) oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Mohd Taib Sabri.

¹⁷⁸ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 1 November 1961. Hlm. 8. Penyerahan mandat ini diputuskan untuk dibuat setelah mesyuarat khas ini dimaklumkan bahawa permohonan Mohd Daud Abdul Samad supaya Sultan Terengganu membubarkan Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membolehkan satu pilihan raya baru dilangsungkan sebaik sahaja usul undi tidak percaya terhadap kerajaan beliau diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu--keputusan yang telah dibuat oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 dan 26 Oktober 1961 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 dan 26 Oktober 1961. Hlm. 6)--telah ditolak oleh Sultan Terengganu. Jawatankuasa Kerja Agung PAS juga telah, di dalam satu lagi mesyuarat khasnya pada 30 Oktober 1961, memecat Ahmad Azam Napiah--yang telah mengundi menyokong usul itu--juga Hussin Jusoh dan Muhammad Ismail--yang telah mengundi berkecuali--dari PAS (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Oktober 1961. Hlm. 7).

¹⁷⁹ Kelantan Government Gazette, 17 September 1959, No. 307. Tujuh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan yang turut mengangkat sumpah pada 9 Julai 1959 ini ialah Tengku Mohd Sultan Mohd Ke-IV dari Pasir Puteh Utara, Abdullah Yusof dari Tok Uban, Wan Sulaiman Ibrahim dari Pasir Puteh

ketidakpuasan hati beberapa orang Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan ke atas kelemahan beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan menyebabkan mesyuarat badan itu pada 10 Januari 1960 meluluskan satu usul yang menghendaki supaya undi percaya atau tidak percaya dilakukan ke atas setiap orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pada tiap-tiap awal tahun mulai dari tahun 1960--usul yang walau bagaimanapun telah dibekukan oleh pesuruhjayanya, Mohd Asri Muda, bagi mengelakkan timbulnya sebarang krisis kepimpinan sehingga timbulnya satu tuntutan baru dari PAS Pasir Mas supaya Mohd Noor Yusoff, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, dilucutkan dari jawatan beliau sebagai Pengurus Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan kerana dikatakan telah "tidak (men)taat(i) (keputusan) parti".¹⁸⁰

Krisis kepimpinan di dalam PAS Kelantan berjaya dielakkan apabila Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah, di dalam mesyuaratnya pada 22 Mei 1960, -- selain memutuskan bahawa ia akan mengambil tindakan yang tegas terhadap sesiapa sahaja yang gagal mematuhi arahan Badan Perhubungan PAS Kelantan--milarang Badan Perhubungan PAS Kelantan dari melaksanakan usul pengundian kepercayaan ini,¹⁸¹ tetapi ketenangan ini tergugat pula apabila Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961 menjadikan isu rombakan keseluruhan Kerajaan Kelantan sebagai

Tengah, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dari Meranti, Mohd Noor Yusoff dari Machang Selatan, Abdul Rahman Daud dari Rantau Panjang dan Mohd Daud Abdul Jamil dari Tanah Merah Timor. Menyertai mereka ialah Mohd Asri Muda dari Kota Bharu Tengah yang telah mengangkat sumpah sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan.

¹⁸⁰ Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertajuk "Bil. (1) dalam PAS/KN/23/60: Cadangan Mengadakan Undi Percaya Kepada Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 1.

¹⁸¹ Surat Setiausaha Agung PAS, Hashim Abdullah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 26 Mei 1960 bertajuk "Menyampaikan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung Mengenai (Kertas Kerja) Bil. (1) Dalam PAS/KN/23/60". Hlm. 1. Tiga alasan yang telah digunakan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk milarang Badan Perhubungan PAS Kelantan dari melaksanakan usul pengundian kepercayaan ini ialah "menarik atau menolak adalah (merupakan) suatu sikap yang tidak bijaksana", "adat mengundi semacam itu adalah menunjukkan

agenda utamanya.¹⁸² Campur tangan Penasihat PAS Kelantan, Zulkiflee Muhammad, walau bagaimanapun telah mengubah agenda ini menjadi sekadar membincangkan kedudukan tiap-tiap seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan sahaja¹⁸³ manakala cadangan Amaluddin Darus pula menyebabkan perbahasan ke atas usul yang meminta agar dua daripada mereka, iaitu Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dan Mohd Daud Abdul Jamil, diberhentikan dari jawatan mereka ditangguhkan.¹⁸⁴ Mesyuarat ini telah sebaliknya menyetujui usul untuk menukar salah seorang daripada mereka dengan Mohd Asri Muda sebagai langkah untuk memperkuatkan Kerajaan Kelantan.¹⁸⁵

Paling menghangatkan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961 ini ialah perbahasan mengenai kedudukan Ishak Lotfi Omar sebagai Menteri Besar Kelantan tatkala kesemua 14 ahli yang bersuara di dalam mesyuarat ini telah

kelemahan pemerintahan kita" dan "(ketiadaannya akan) memperbolehkan rancangan negara berjalan lancar dan dapat pula membuat rancangan baru untuk kemajuan dan kemakmuran negara dan rakyat".

¹⁸² Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961. Hlm. 1.

¹⁸³ Ibid. Hlm. 1.

¹⁸⁴ Ibid. Hlm. 3. Sementara nasihat Zulkiflee Muhammad telah diterima dengan sebulat suara, cadangan Amaluddin Darus, yang disokong oleh Ahmad Yatim, pula telah dibangkang oleh Nik Abdullah Arshad yang mendapat sokongan Shafie Ahmad, tetapi, setelah diundi, cadangan Amaluddin Darus ini telah turut diluluskan apabila ia memperolehi 8 undi menyokong berbanding 3 undi membangkang.

¹⁸⁵ Ibid. Hlm. 2. Cadangan supaya Mohd Asri Muda meletakkan jawatan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk membolehkan beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan yang dikemukakan oleh Amaluddin Darus diluluskan apabila ia memperolehi 9 undi menyokong berbanding 3 undi membangkang. Cadangan Amaluddin Darus supaya jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan diberikan kepada Ishak Lotfi Omar sekiranya beliau diberhentikan dari memegang jawatan Menteri Besar Kelantan dan kepada Wan Sulaiman Ibrahim sekiranya Ishak Lotfi Omar dikenalkan sebagai Menteri Besar Kelantan pula turut diluluskan apabila ia memperolehi 7 undi menyokong berbanding 6 undi membangkang. Di sebalik keputusan ini, jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan telah, mulai 10 Oktober 1961, diberikan kepada seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan yang lain, iaitu Abdullah Yusoff, yang walau bagaimanapun terpaksa dipujuk untuk menerimanya, ekoran penolakan Wan Sulaiman Ibrahim ke atasnya (Surat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, Wan Sulaiman Ibrahim, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 13 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1; Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, Abdullah Yusoff, bertarikh 13 September 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1; Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 3 Oktober 1961. Hlm. 1-2; dan Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 21

memperkatakan mengenai berbagai-bagai kelemahan yang dikatakan dimiliki oleh beliau di dalam mengendalikan Kerajaan Kelantan dengan tujuh daripada mereka menegaskan kehendak mereka agar beliau digantikan dengan tokoh lain yang lebih berkemampuan.¹⁸⁶ Tatkala perbahasan menjadi semakin hangat, Zulkiflee Muhammad, yang telah diminta untuk memberikan pendapat beliau mengenai perkara ini, --setelah menyatakan keserba-salah beliau kerana, setelah melihat kebulatan pendapat ahli-ahli mesyuarat tentang kelemahan Ishak Lotfi Omar ini, dikatakan telah dapat menjangkakan kedudukan undi yang akan diberikan sekiranya ia diundi¹⁸⁷--pun menasihatkan supaya pengundian mengenainya tidak dibuat dan sebaliknya diserah kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk diputuskan olehnya.¹⁸⁸ Berpandukan nasihat ini, mesyuarat ini telah akhirnya bersetuju untuk mengemukakan satu laporan berhubung dengan butiran perbahasan mengenai kedudukan Ishak Lotfi Omar ini kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS.¹⁸⁹

Okttober 1961 bertajuk "Masalah Pengganti Encik Abdullah Haji Yusoff Sebagai Ahli EXCO". Hlm. 1).

¹⁸⁶ Ketujuh-tujuh ahli mesyuarat yang menegaskan kehendak mereka agar Ishak Lotfi Omar digantikan dengan tokoh lain yang lebih berkemampuan ini ialah Amaluddin Darus, Nik Abdullah Arshad, Wan Ismail Wan Ahmad, Yusoff Abdullah, Ishak Mustapha, Yusoff Abdul Latiff dan Omar Mohammad. Paling lantang menyuarakan tuntutan agar jawatan Ishak Lotfi Omar ini digantikan ialah Amaluddin Darus dan Nik Abdullah Arshad. Mengikut Amaluddin Darus: "Beliau tidak dapat melaksanakan kerja (beliau) dengan baik...Beliau tidak memberikan laporan (mengenai perjalanan Kerajaan Kelantan) sepertimana yang dikehendaki oleh (Badan) Perhubungan (PAS Kelantan)...Beliau tidak pernah membuat perhubungan dengan Pejabat Agung...Beliau tidak tahu bahasa Inggeris..." Tegas beliau lagi: "Saya tidak fikir Kerajaan PAS akan dapat berjalan lebih pesat lagi sekiranya Haji Ishak Lotfi (Omar) dikekalkan sebagai Menteri Besar (Kelantan), bahkan akan lebih banyak menimbulkan cemuh dari segala pihak". Tambah Nik Abdullah Arshad pula: "Saya menyokong (saranan) Amaluddin (Darus) supaya Menteri Besar (Kelantan) ditukar, kerana kita mesti kembali kepada pokok kita, iaitu perjuangan kerana Allah. Saya tidak sanggup memujuk rakyat pada masa akan datang sekiranya keadaan tetap seperti ini juga. Saya telah menyiasat perkara ini dan telah saya dapati bahawa kelemahan kerajaan kita ini tidak berpunca kecuali dari pucuk pimpinan, iaitu Menteri Besar sendiri" (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961. Hlm. 4 dan 5).

¹⁸⁷ Ujar Wan Ismail Wan Ahmad pula: "Akhir sekali, bila sampai (masa) nak mengundi, bila mengundi tentulah jatuh berdasar kepada suasana majlis, Ustaz Zulkiflee kata: Oleh kerana kita ni sudah dekat dengan pilihan raya, maka mengikut kaedah pilihan raya, kita jangan membanyakkan musuh. Oleh sebab itu, kata dia, kes ni kita berhenti setakat ni dan serahlah kepada Abang Aji Ishak kekal jadi Menteri Besar sehingga kepada pilihan raya, sudah selesai pilihan raya kita angkat orang lain. Berteriak Dato' Ishak, mugo 'sah jatuh, kalu mengundi 'sah jatuh, kalu tak 'dok Ustaz Zulkiflee 'sah mengundi'" (Wawancara dengan Wan Ismail Wan Ahmad di kediaman beliau pada 15 Jun 2004).

¹⁸⁸ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961. Hlm. 9.

Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan kepadanya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Julai 1961, walaupun mengakui bukti-bukti kelemahan Ishak Lotfi Omar dan menginsafi hasrat badan itu untuk memperbaikinya, pun memutuskan bahawa tidaklah bijaksana beliau ditukarkan dari jawatan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan pada masa itu¹⁹⁰ dan sebaliknya mengarahkan Badan Perhubungan PAS Kelantan meminda Perlembagaan Kelantan bagi membolehkan ia melantik Timbalan Kepada Menteri Besar Kelantan yang ada pada masa itu, iaitu Mohamad Nasir, menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan¹⁹¹ sekaligus membolehkan kelemahan Ishak Lotfi Omar sebagai Menteri Besar Kelantan dapat ditampung dengan kuasa-kuasa yang bakal diberikan kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan kelak.¹⁹² Selain memutus untuk mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan, mesyuarat ini juga turut memutus untuk menyampaikan kesemua butiran kelemahan Ishak Lotfi Omar seperti yang dirungutkan di dalam Mesyuarat Badan

¹⁸⁹ Ibid. Hlm. 9.

¹⁹⁰ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 19 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1.

¹⁹¹ Zulkiflee Muhammad walaupun bagaimanapun telah kemudiannya menegaskan: "Walaupun kita telah meminda Perlembagaan Kelantan ini dalam perkara Timbalan Menteri Besar, tapi itu belumlah dapat memenuhi kehendak-kehendak kita kerana pindaan yang dibuat itu adalah untuk melicinkan perjalanan kerajaan negeri dari segi pentadbiran sahaja...Dengan demikian adalah dicadangkan supaya Perlembagaan Kelantan ini dipinda lagi supaya benar-benar dapat menjamin kedudukan hal ehwal agama Islam dan bangsa Melayu (kerana) perkara ini sekiranya dapat dilaksanakan akan dapat memberikan lagi kesedaran kepada orang-orang Melayu tentang apa yang dapat dibuat oleh PAS dalam membela hak mereka dan (dalam membela) ketinggian agama Islam" (Minit Mesyuarat Lembaga Penasihat Rancangan Dasar PAS Kelantan pada 14, 18, 21 dan 22 Februari serta 28 Mac 1962. Hlm. 5). Walaupun begitu, harapan Zulkiflee Muhammad untuk berbuat demikian melalui pembentukan Malaysia--kerana pembentukan Malaysia "pada tahun 1963" dikatakan memerlukan "negeri-negeri bahagian menandatangani suatu perjanjian baru" sekaligus membolehkan "kita membuat cadangan-cadangan untuk dikemukakan kelak sebagai syarat dari negeri Kelantan" (Ibid. Hlm. 5)--ternyata tidak terpenuh lantaran perjanjian pembentukan Malaysia ini telah kemudiannya diputuskan sebagai tidak memerlukan persetujuan dari negeri-negeri bahagian (The Government of the State of Kelantan v. The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, dlm. The Malayan Law Journal, Vol. XXIX, 1963. Hlm. 355-360).

¹⁹² Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 19 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 2; dan Surat Setiausaha Agung PAS,

Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961 itu kepada beliau dengan mengarahkan beliau memperbaiki perkara-perkara yang dirungutkan itu melalui cara yang tertentu.¹⁹³

Penyampaian butiran-butiran kelemahan Ishak Lotfi Omar—yang dibahagikan kepada kelemahan umum beliau, kegagalan beliau melaksanakan kerja-kerja beliau dan kegagalan beliau untuk berhubung rapat dengan parti beliau—serta pengesyoran untuk perbaikiannya itu telah dibuat oleh Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, di dalam sepucuk surat yang menjelaskan bahawa, sebagai seorang Menteri Besar yang dilantik untuk melaksanakan tugas mengetuai pentadbiran sebuah kerajaan negeri bagi pihak sebuah parti politik, adalah mustahak bagi beliau untuk bekerjasama dengan tiga pihak yang dikatakan menjadi unsur-unsur bagi kelancaran dan kemajuan perlaksanaan tugas beliau, iaitu Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.¹⁹⁴ Mengikut surat itu lagi, penekanan khusus perlulah diberikan kepada perhubungan di antara beliau dan Badan Perhubungan PAS Kelantan, kerana badan itu dikatakan pemerintah sebenar negeri itu dengan tanggungjawab beliau terhadapnya dikatakan tanggungjawab seorang petugas politik sahaja,¹⁹⁵ juga di antara beliau dan Pejabat Agung serta Pegawai-Pegawai Agung PAS yang dikatakan perlu sentiasa dirundingi di dalam perkara-perkara dasar.¹⁹⁶

Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 2.

¹⁹³ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 19 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 3; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 2.

¹⁹⁴ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 19 Julai 1961 bertajuk "Pandangan Jawatankuasa (Kerja) Agung Atas Rungutan-Rungutan Badan Perhubungan PAS Kelantan Terhadap Dato' Haji Ishak Lotfi, Menteri Besar Kelantan". Hlm. 2-3.

¹⁹⁵ Ibid. Hlm. 5-6 dan 7-8.

¹⁹⁶ Ibid. Hlm. 8.

Bagi memperkemaskan lagi perhubungan di antara kerajaan dan parti, khususnya di antara Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dan Badan Perhubungan PAS Kelantan, Pegawai-Pegawai Agung PAS telah, pada 23 Ogos 1961, mengadakan satu persidangan dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan di kediaman Menteri Besar Kelantan.¹⁹⁷ Hasil daripada persidangan ini, empat keputusan telah dipersetujui diambil untuk memenuhi tujuan berkenaan, iaitu bahawa Badan Perhubungan PAS Kelantan hendaklah memberi arahan-arahan yang jelas kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan berkenaan sesuatu masalah yang timbul dengan tidak membuat rungutan di luar saluran parti; bahawa Menteri Besar Kelantan hendaklah mendapatkan persetujuan parti beliau terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan orang ramai; bahawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan hendaklah menghadiri setiap Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan; dan bahawa hendaklah diadakan mesyuarat tetap bulanan di antara Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan dan Ahli-Ahli Dewan Harian PAS Kelantan.¹⁹⁸

Penggarisan bentuk perhubungan yang lebih wajar di antara Kerajaan Kelantan dan Badan Perhubungan PAS Kelantan ini telah membantu membebaskan PAS Kelantan dari sebarang kemelut yang besar sehingga ia--di sebalik kematian seorang Ahli Dewan Undangan Negerinya,¹⁹⁹ juga penyertaan seorang Ahli Dewan Undangan

¹⁹⁷ Minit Persidangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan Dengan Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Kelantan Dan Pegawai-Pegawai Agung PAS pada 23 Ogos 1961. Hlm. 1. Pegawai-Pegawai Agung PAS yang telah menghadiri persidangan ini ialah Timbalan Yang Dipertua Agung, Zulkiflee Muhammad, dan Naib Yang Dipertua Agung PAS, Othman Abdullah. Turut menghadirinya ialah dua Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Amaluddin Darus dan Ahmad Abdullah.

¹⁹⁸ Ibid. Hlm. 1.

¹⁹⁹ Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang meninggal dunia ini ialah Abdul Rahman Daud yang turut merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan. Jawatan beliau sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Rantau Panjang diambil-alih oleh menantu beliau, Ahmad Yatim, yang telah

Negeri²⁰⁰ dan seorang Ahli Dewan Rakyatnya²⁰¹ ke dalam UMNO, pada tahun 1962; di sebalik tindakan Kerajaan Kelantan mencabar kesahihan perjanjian dan akta yang membentuk Malaysia pada tahun 1963;²⁰² dan di sebalik penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ulama'-ulama'²⁰³ dan Ahli-Ahli Dewan Undangan

mengalahkan calon UMNO, Nik Yusoff Nik Loding, dengan majoriti 1,051 undi di dalam pilihanraya kecil yang telah dilangsungkan pada 2 Jun 1962 (Kelantan Government Gazette, 19 April 1962, No. 98; dan Kelantan Government Gazette, 21 June 1962, No. 201) manakala jawatan beliau sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pula diambil-alih oleh Mohd Amin Yaakob, Ahli Dewan Undangan Negeri Bachok Tengah, yang telah dipilih oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 5 Julai 1962 (Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 8 Julai 1962 bertajuk "Masalah Pengganti Almarhum Encik Abdul Rahman Haji Daud Sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Kelantan)". Hlm. 1).

²⁰⁰ Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, yang menyertai UMNO ini ialah Tengku Mohd Sultan Mohd Ke-IV dari Pasir Puteh Utara ("Ahli Dewan Negeri PAS keluar", dlm. Berita Harian, 30 Julai 1962; Surat Setiausaha PAS Kota Bharu, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 30 Julai 1962 bertajuk "Kedudukan Keistimewaan Ahli-Ahli Dewan Negeri". Hlm. 1; dan Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 17 Mac 1964 bertajuk "Calon-Calon Dewan Negeri Dan Calon-Calon Dewan Rakyat". Hlm. 4).

²⁰¹ Ahli Dewan Rakyat PAS yang menyertai UMNO ini ialah Othman Abdullah dari Tanah Merah (Kenyataan akhbar Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairil Khatib, bertarikh 23 Jun 1962 (tidak bertajuk). Hlm. 1) yang merupakan Naib Yang Dipertua Agung PAS yang telah dipilih bagi sesi-sesi 1954/1955 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 13 dan 14), 1955/1956 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 15 dan 16) dan 1959/1962 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 pada 26, 27 dan 28 Disember 1959. Hlm. 7-8). Tindakan beliau ini mendorong Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Jun 1962 memutuskan untuk--selain menyesali tindakan beliau ini--"membentuk sebuah badan pengintip (bagi mengawasi kegiatan para pemimpin UMNO memujuk pemimpin-pemimpin PAS untuk menyertai parti itu)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Jun 1962. Hlm. 7 dan 9).

²⁰² The Government of the State of Kelantan v. The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, dlm. The Malayan Law Journal, Vol. XXIX, 1963. Hlm. 355-360.

²⁰³ Orang yang pertama sekali ditahan, iaitu pada 9 November 1963, di antara ulama'-ulama' PAS Kelantan ini ialah Omar Daud--yang telah kemudiannya dimasukkan ke Hospital Tanjung Rambutan "untuk perhatian dan laporan" setelah beliau dikatakan membunuh, pada 24 November 1963, mata-mata yang menjaga beliau, Ismail Din ("Haji Omar dihantar ke Tanjung Rambutan: Ulama' PAS dituduh terlibat dalam tragedi di subuh hari berikut dengan kematian seorang mata-mata di Balai Polis Brickfield", dlm. Utusan Melayu, 25 November 1963)--yang dikatakan menyebarkan, pada 6 Ogos 1963, fatwa yang mengkafirkhan "orang-orang (Islam) yang bekerjasama dengan orang-orang kafir (dalam memerintah negara)" ("Haji Omar ditahan (Ulama' fatwa kafir ditangkap)", dlm. Berita Harian, 11 November 1963). Penahanan beliau ini telah mendorong Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 November 1963 memutuskan supaya Ahli Dewan Rakyat Pasir Mas Hulu, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, mengemukakan satu usul--yang walau bagaimanapun gagal dikemukakan oleh beliau kemudiannya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 dan 17 Disember 1963. Hlm. 4)--yang berbunyi "bahawa Dewan ini mengutuk Kerajaan Persekutuan yang telah menyalahgunakan kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan seorang ulama' di Kelantan baru-baru ini dan menuntut supaya (beliau) dilepaskan dan (supaya) perbuatan menahan mana-mana ulama' Islam kerana pendapat agamanya itu tidak lagi dilakukan" di dalam

Negerinya,²⁰⁴ juga penahanan biasa ahli-ahlinya,²⁰⁵ pada tahun-tahun 1963 dan 1964-- terus mengekalkan kekuasaannya di Kelantan setelah ia memenangi 21 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negerinya, juga 8 daripada 10 kerusi Dewan Rakyatnya, di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-3 yang telah dilangsungkan pada 25 April 1964²⁰⁶ menyebabkan sebuah kerajaan baru, dengan Mohd Asri Muda dari Kota Bharu Tengah

Dewan Rakyat (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 November 1963. Hlm. 3). Penahanan Omar Daud, juga penahanan, pada 20 November 1963, dua lagi ulama' PAS Kelantan, iaitu Mohd Nor Abdullah dan Daud Othman ("Kerajaan Pusat bertindak menangkap dua lagi ulama' PAS: Perpecahan di kalangan PAS Kelantan dengan Pejabat Agung terbayang", dlm. Utusan Melayu, 22 November 1963), ini telah diikuti oleh pengemukaan "The Election Offences (Amendment) Bill" di dalam Dewan Rakyat oleh Tengku Abdul Rahman Putra bagi memperuntukkan supaya "*the act of directly or indirectly interfering or attempting to interfere with the free exercise of one's right to vote by any person of any electoral right comes within the meaning of the offence of undue influence, and a person shall deem to interfere with the free exercise of a person to his electoral right if he induces or attempts to induce such person to believe that he, or any person in whom he is interested, will become or will be rendered an object of divine displeasure or spiritual censure*" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. V, No. 21, Friday, 13 December 1963. Col. 2226-2228). Di sebalik bangkangan hebat enam orang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Dr Burhanuddin al-Helmy, Wan Mustapha Ali, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Khadijah Mohd Sidek, Hassan Ahmad dan Hussain Rahimi Saman (Ibid. Vol. V, No. 21, Friday, 13 December 1963. Col. 2228-2241, 2251-2256 dan 2269-2272; dan Ibid. Vol. V, No. 22, Saturday, 14 December 1963. Col. 2309-2315, 2322-2333, 2340-2341 dan 2342-2348), rang undang-undang ini akhirnya tetap juga diluluskan (Ibid. Vol. V, No. 22, Saturday, 14 December 1963. Col. 2358).

²⁰⁴ Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS ini, iaitu Saufi Idris, Nik Abdullah Arshad dan Che Hassan Ismail--tetapi juga Abu Bakar Abdul Rahman dan Mohamad Abdul Rahman--telah ditahan pada 24 Februari 1964 kerana dikatakan "menimbulkan huru-hara di kalangan orang ramai" ("5 tokoh PAS (3 Ahli Majlis Negeri) ditangkap", dlm. Berita Harian, 25 Februari 1964). Sewaktu mengulas alasan penahanan mereka ini, Zulkiflee Muhammad telah menyatakan: "Huru-hara yang diada-adakan oleh pendokong-pendokong Perikatan yang pengecut itu sebenarnya tidak ada melainkan di dalam khayal mereka" (Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 26 Februari 1964 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Walaupun ditahan, mereka tetap dipilih untuk mempertahankan--dan tetap berjaya mengekalkan--kerusi-kerusi mereka di dalam Pilihan Raya Umum 1964 (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 77, 78 dan 80).

²⁰⁵ Ahli-ahli PAS ini, paling terkenal di antara mereka ialah Che Ismail Che Abdullah, telah ditahan pada 22 Februari 1964 kerana dikatakan "mempunyai perhubungan dengan kongsi-kongsi gelap atau menjadi ahli gerombolan-gerombolan samseng" ("Polis memberkas 9 dalam serbuan-serbuan atas 'gerombolan-gerombolan'", dlm. Berita Harian, 23 Februari 1964). Sewaktu mengulas alasan penahanan mereka ini, Zulkiflee Muhammad telah menyatakan: "Bertambah aneh apabila kita lihatkan kesibukan Kerajaan Perikatan melakukan penangkapan di bawah Undang-Undang Mencegah Jenayah yang dipusatkannya di Kelantan sedang rakyat semuanya tahu bahawa jenayah dan anasir-anasir jenayah yang patut dicegah adalah bertabur di negeri-negeri yang diperintah oleh Perikatan yang tidak diusik atau dibersihkan hingga hari ini" (Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 26 Februari 1964 (tidak bertajuk). Hlm. 2).

²⁰⁶ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 18 dan 31.

dan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dari Meranti masing-masing dilantik sebagai Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan,²⁰⁷ dibentuk pada 4 Mei 1964.

PAS Dan Isu Penubuhan Malaysia

Tumpuan Jawatankuasa Kerja Agung PAS terhadap usaha untuk mempertahankan dan memperkemaskan kedudukan kerajaan-kerajaannya di Terengganu dan Kelantan ternyata telah agak membantutkan perkembangan PAS di dalam tempoh dua tahun setelah berlalunya Pilihan Raya Umum 1959--keadaan yang dimanifestasikan oleh perjalanan Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 dan Kali Ke-9 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 26, 27 dan 28 Disember 1959²⁰⁸ dan pada 11, 12 dan 13 Februari 1961 yang tidak menghasilkan sebarang impak yang signifikan ke atas hala tuju perjuangan PAS.²⁰⁹ Menyedari kekakuan PAS ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961 telah menugaskan Zulkiflee Muhammad menyediakan sebuah kertas kerja--yang kemudiannya diluluskan olehnya--bagi memberikan nafas baru kepada perjalanan PAS.²¹⁰ Selaras dengan kritikan terhadap

²⁰⁷ Kelantan Government Gazette, 30 July 1964, No. 163.

²⁰⁸ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 ini telah memilih Dr Burhanuddin al-Helmy, Zulkiflee Muhammad, Othman Abdullah dan Mohd Yunus Taib sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung dan Bendahari Agung PAS--di samping telah turut memilih Hasan Adli Arshad, Mohd Taha Kalu, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Baharuddin Abdul Latif, Dr Abbas Alias, Wan Mustapha Ali, Ahmad Azam Napiah dan Amaluddin Darus sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1960/1962 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 pada 26, 27 dan 28 Disember 1959. Hlm. 6-8).

²⁰⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 pada 26, 27 dan 28 Disember 1959. Hlm. 9-17; dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961. Hlm. 9-11. Terpenting daripada usul-usul yang telah diluluskan oleh kedua-dua Mesyuarat Agung Tahunan PAS ini adalah usul ke-11 daripada 11 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 yang "membantah atas tuntutan MCA (untuk) menjadikan bahasa Inggeris (sebagai) bahasa rasmi yang kedua di Persekutuan Tanah Melayu" dan usul ke-5 daripada 12 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 yang "memohon kepada Majlis Mesyuarat Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu bagi menyamakan pentadbiran agama Islam di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dengan mengadakan sebuah Majlis Agama Islam Pusat".

kegagalan PAS menyuarakan sikapnya ke atas beberapa isu penting yang dihadapi oleh negara,²¹¹ ia juga telah memutus untuk melangsungkan satu mesyuarat agung khas pada 21 Oktober 1961²¹² untuk membincangkan isu Melayu Raya (Malaysia) yang diumumkan oleh Tengku Abdul Rahman Putra di Singapura pada 27 Mei 1961.²¹³

²¹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961. Hlm. 7. Pemberian tugas ini telah dibuat pada hari pertama mesyuarat ini di mana Zulkiflee Muhammad telah diperuntukkan masa selama 2 jam 35 minit (dari pukul 6.25 petang hingga ke pukul 9.00 malam) untuk menyediakannya. Kertas kerja bertajuk "Kedudukan (PAS) Dan Penyusunan Semula" yang mempunyai 17 fasal ini telah di antara lainnya menyuarakan keperluan untuk PAS membuat beberapa perubahan di dalam gerak kerjanya, termasuklah untuk menyusun semula perlumbagaannya di mana "penyusunan semula dasar-dasar, tujuan-tujuan, usaha-usaha dan perkara-perkara pokok dalam (perlumbagaan) itu hendaklah dilakukan oleh Timbalan Yang Dipertua Agung (PAS) sendiri sedang soal-soal yang bersangkut dengan pertubuhan seperti keahlian, susunan cawangan, ranting, perhubungan, perjalanan mesyuarat dan sebagainya hendaklah dilakukan oleh sebuah jawatankuasa" (Ibid. Hlm. 7-18; dan Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 26 September 1961 bertajuk "Kedudukan (PAS) Dan Penyusunan Semula". Hlm. 1-5).

²¹¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961. Hlm. 9 dan 10. Paling lantang di antara Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini ialah Amaluddin Darus dan Mohd Asri Muda yang menyentuh mengenai ketidakberanian dan kelambatan PAS menyuarakan sikapnya ke atas isu "percantuman Singapura-Persekutuan Tanah Melayu dan Melayu Raya (Malaysia)".

²¹² Ibid. Hlm. 21-22. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26, 27 dan 28 September 1961 ini juga telah memutuskan bahawa Mesyuarat Agung Khas PAS ini hendaklah dilangsungkan di Kuala Lumpur dengan Badan Perhubungan PAS Selangor dikehendaki menjadi tuan rumahnya manakala Jawatankuasa Kerja Agung PAS dikehendaki menyediakan sebuah kertas kerja mengenai isu Melayu Raya (Malaysia) tersebut.

²¹³ James Wong Kim Min (1993). The Birth of Malaysia: A Reprint of the Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962 (Cobbold Report) and the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 (IGC Report). Kuching: James Wong Kim Min. Hlm. 15. Faktor utama yang mendorong Tengku Abdul Rahman Putra mencadangkan penubuhan Malaysia ini telah dijelaskan oleh beliau sewaktu beliau berucap bagi mengemukakan usul "*that this House agreeing in principle with the concept of Malaysia comprising the eleven States of the Federation, the States of Singapore and Brunei and the territories of North Borneo and Sarawak, endorses the Government's initiative in taking action for its realization, the progress of which will be reported to the House by the Honourable the Prime Minister from time to time*" di dalam Dewan Rakyat (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 16, Monday, 16 October 1961. Col. 1590-1613). Mengikut beliau: "*The way (an independent) Singapore will go then, as I can see it, will be either towards a camp which is hostile to the Federation or one which the Federation is hostile to, and this would be quite unacceptable to both countries and, I think, to the people of Malaya as a whole. Neither of us wants this; both of us want to work together. National security demands it, our mutual economy demands it, and so do the people of both territories...*".

Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, yang dipercepatkan tarikhnya kepada 15 Oktober 1961,²¹⁴ ini menyaksikan Dr Burhanuddin al-Helmy bersifat *nostalgic* di dalam ucapan dasar beliau dengan menjelaskan betapa isu Melayu Raya (Malaysia) ini sebenarnya sudah lama dibahaskan oleh "pejuang-pejuang kebangsaan kita", termasuklah oleh beliau sendiri,²¹⁵ sementara Zulkiflee Muhammad--di dalam kertas kerja yang beliau bentangkan sebagai mewakili Jawatankuasa Kerja Agung PAS-pula bersifat *strategic* dengan memberikan data-data terperinci, khususnya mengenai soal kedudukan kerakyatan di dalam negara yang akan diwujudkan itu ekoran kemasukan 1,384,100 dan 500,000 orang-orang bukan Melayu dari Singapura dan dari Sarawak, Borneo Utara dan Berunai, berbanding kemasukan 227,300 dan 750,000 orang-orang Melayu, masing-masingnya ke dalam negara ini.²¹⁶ Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Oktober 1961,²¹⁷ beliau tidaklah pula mengemukakan sebarang sikap dan pendirian Jawatankuasa Kerja Agung PAS di dalam soal ini dan sebaliknya hanya mengingatkan para perwakilan untuk membuat "satu keputusan yang benar-benar menguntungkan perjuangan kita dan keturunan kita".²¹⁸

²¹⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Oktober 1961. Hlm. 2. Percepatan tarikh ini terpaksa dibuat memandangkan satu usul tentang isu Melayu Raya (Malaysia) dijangka akan dibentangkan oleh Tengku Abdul Rahman Putra di dalam sidang Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961.

²¹⁵ Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961. Hlm. 6. Jelas Dr Burhanuddin al-Helmy: "Saya sendiri dari semenjak tahun 1945 sudah pun memperjuangkan Melayu Raya ini. Sebuah akhbar (yang bernama) Melayu Raya sudah pun dikeluarkan di Singapura pada tahun 1950 dengan saya menjadi ketua pengarangnya. Dan buku (saya yang bertajuk) 'Perjuangan Kita' (yang) dikeluarkan (pada) tahun 1946 dan buku (saya yang bertajuk) 'Falsafah Kebangsaan Melayu' adalah membahaskan masalah Melayu Raya itu dengan panjang".

²¹⁶ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 15 Oktober 1961 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961. Hlm. 8. Tegas Zulkiflee Muhammad: "Perhitungan orang ini sengaja disebutkan sebab (ia) banyak kaitannya dengan kedudukan kerakyatan yang akan menjadi dasar atau menjadi asas pertimbangan politik bagi kita".

²¹⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Oktober 1961. Hlm. 2.

²¹⁸ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 15 Oktober 1961 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961. Hlm. 10.

Seterusnya, para perwakilan telah diberikan peluang untuk membahaskan dua perkara, iaitu soal percantuman di antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu serta soal gabungan di antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sarawak, Berunai dan Borneo Utara untuk membentuk Persekutuan Melayu Raya (Malaysia).²¹⁹ Setelah berbahas dengan panjang lebar, mesyuarat agung khas itu telah bersetuju pada dasarnya kepada percantuman di antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu.²²⁰ Perbahasan mengenai soal pembentukan Persekutuan Melayu Raya (Malaysia) pula dihangatkan oleh cadangan Zulkiflee Muhammad agar nama Singapura ditiadakan daripadanya, tetapi cadangan beliau ini telah ditolak oleh para perwakilan²²¹ yang telah--di atas cadangan wakil Machang dengan pindaan Zulkiflee Muhammad²²²--bersetuju pada dasarnya ke atas pembentukan Persekutuan Melayu Raya (Malaysia) yang bukan sahaja dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Berunai

²¹⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961. Hlm. 10. Pemisahan "soal percantuman di antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu" daripada "soal gabungan di antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sarawak, Berunai dan Borneo Utara untuk membentuk Persekutuan Melayu Raya (Malaysia)" ini mungkin didorong oleh hakikat bahawa "*on the 23 August 1961, broad agreement had (already) been reached in principle between the Prime Ministers of the Federation of Malaya and Singapore for a merger of the two territories*" (James Wong Kim Min (1993). The Birth of Malaysia: A Reprint of the Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962 (Cobbold Report) and the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 (IGC Report). Kuching: James Wong Kim Min. Hlm. 15).

²²⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Oktober 1961. Hlm. 14. Di dalam undian yang dibuat secara sulit ini, 72 perwakilan telah menyatakan ketidaksetujuan mereka kepada percantuman di antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu itu berbanding 45 perwakilan yang telah menyatakan persetujuan mereka kepadanya. Asas kepada penolakan para perwakilan ini adalah tergambar di dalam hujjah Ahmad Abdullah yang menyatakan bahawa kemasukan Singapura itu akan menyebabkan "tenggelamnya orang-orang Melayu" yang dikatakan akan berjumlah 3.2 juta berbanding orang-orang bukan Melayu (yang dikatakan akan berjumlah 4.7 juta), juga di dalam hujjah wakil Minyak Beku yang menyatakan: "Biarlah kita di sini menguatkan kedudukan kita dahulu, tak perlulah kita bergopoh-gopoh membuat percantuman itu. Singapura itu adalah kepunyaan (Persekutuan) Tanah Melayu. Kalau kita sudah kuat, dengan sendiri kelak ia mesti diambil kembali... Bukanlah dengan jalan percantuman kita dapat menolong orang-orang Melayu kita itu. Kita hanya akan dapat membantu mereka apabila keadaan kita orang-orang Melayu di Persekutuan (Tanah Melayu) ini kuat" (Ibid. Hlm. 12-13).

²²¹ Ibid. Hlm. 15. Cadangan Zulkiflee Muhammad ini hanya memperolehi 17 undi menyokong berbanding 42 undi membangkang.

²²² Pindaan yang telah dibuat oleh Zulkiflee Muhammad ini adalah membabitkan penambahan frasa "dengan syarat bahawa dikawal di dalam semua daerah negeri Melayu bahagian itu hak orang-orang Melayu mengikut segi undang-undang" (Ibid. Hlm. 16).

dan Borneo Utara, tetapi juga oleh Republik Indonesia dan gugusan Pulau-Pulau Melayu lain, termasuklah Filipina, "dengan syarat bahawa dikawal di dalam semua daerah negeri Melayu bahagian itu hak orang-orang Melayu mengikut segi undang-undang".²²³

Setelah percubaan awal Dr Burhanuddin al-Helmy untuk memasukkan "Negara Republik Indonesia dan Filipina serta gugusan Pulau-Pulau Melayu yang lain" sebagai anggota Malaysia menemui kegagalan ekoran penolakan usul pindaan yang telah dikemukakan oleh beliau ke atas usul asal kerajaan yang bertujuan untuk mendapatkan mandat Dewan Rakyat terhadap usaha pembentukan Malaysia di dalam sidang Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961,²²⁴ beliau pun mengemukakan satu usul persendirian²²⁵--

²²³ Ibid. Hlm. 16. Cadangan ini diluluskan setelah ia memperolehi 64 undi menyokong berbanding 6 undi membangkang.

²²⁴ Sewaktu berucap bagi membahaskan usul "*that this House, agreeing in principle with the concept of Malaysia comprising the eleven States of the Federation, the States of Singapore and Brunei and the territories of North Borneo and Sarawak, endorses the Government's initiative in taking action for its realization, the progress of which will be reported to the House by the Honourable the Prime Minister from time to time*" yang dikemukakan oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Dr Burhanuddin al-Helmy telah mencadangkan supaya usul itu dipinda menjadi: "Bahawa Majlis ini, dengan bersetuju pada dasarnya dengan cadangan hendak menubuhkan Melayu Raya (yang) mengandungi sebelas negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Berunai dan Borneo Utara dan Sarawak, dan Negara Republik Indonesia dan Filipina serta gugusan Pulau-Pulau Melayu yang lain, menuntut supaya Kerajaan berusaha pada menjalankan langkah-langkah untuk mencapai tujuan ini, dan sebanyak mana telah dijalankan langkah itu akan dimaklumkan kepada Majlis ini oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 16, Monday, 16 October 1961. Col. 1631-1639). Setelah pindaan ini ditolak oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Zulkiflee Muhammad telah, sewaktu berucap bagi membahaskan usul yang sama, menyatakan: "Saya tidak bersetuju dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri... (kerana) ia itu bertentangan dengan kepentingan negeri ini sendiri dan juga bertentangan dengan kepentingan rakyat Melayu yang menjadi tonggak dalam negeri ini" (Ibid. Vol. III, No. 16, Monday, 16 October 1961. Col. 1639-1646). Di sebalik bangkangan hebat mereka--juga lima orang Ahli Dewan Rakyat PAS yang lain, iaitu Mohd Asri Muda, Khadijah Mohd Sidek, Ahmad Abdullah, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani dan Othman Abdullah (Ibid. Vol. III, No. 17, Tuesday, 17 October 1961. Col. 1737-1742, 1745-1751 dan 1755-1761; dan Ibid. Vol. III, No. 18, Wednesday, 18 October 1961. Col. 1826-1832 dan 1838-1851)--usul ini akhirnya tetap juga diluluskan (Ibid. Vol. III, No. 18, Wednesday, 18 October 1961. Col. 1891) sekaligus mendorong Kerajaan Malaya melangsungkan, di London pada 20, 21 dan 22 November 1961, perundingan dengan Kerajaan British mengenainya dalam mana perundingan ini telah menyebabkan "*a Joint Statement by the British and Malayan Governments*"--yang di antara lainnya menyatakan bahawa "*the British and Malayan Governments are convinced that (the proposal to create a 'Federation of Malaysia' which would embrace the Federation of Malaya, Singapore, North Borneo, Sarawak and Brunei) is a desirable aim*"--"*was issued on the 23 November 1961*" (James Wong Kim Min (1993). The Birth of Malaysia: A Reprint of the Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962 (Cobbold Report) and the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 (IGC Report). Kuching: James Wong Kim Min. Hlm. 15).

yang telah kemudiannya dikalahkan²²⁶--bagi mendesak sidang Dewan Rakyat pada 1 Mei 1962 menetapkan bahawa "hendaklah dimasukkan di dalam rancangan Melayu Raya itu daerah-daerah Indonesia dan Filipina".²²⁷ Kegagalan usaha awal PAS ini, yang telah sebelumnya turut mendorong Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962²²⁸ meluluskan satu usul bagi mendesak kerajaan supaya meminda Perlembagaan Persekutuan untuk "menetapkan (bahawa) hak istimewa orang-orang Melayu itu kekal dan terjamin selama-lamanya",²²⁹ seterusnya memaksa PAS menentang

²²⁵ Usul ini mulanya diputus untuk dikemukakan ke dalam sidang Dewan Rakyat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3, 4 dan 5 Disember 1961 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3, 4 dan 5 Disember 1961. Hlm. 5).

²²⁶ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 6, Wednesday, 2 May 1962. Col. 740. Berucap menyokong usul ini ialah tiga orang Ahli Dewan Rakyat PAS yang lain, iaitu Hasan Adli Arshad, Mohd Asri Muda dan Ahmad Abdullah (Ibid. Vol. IV, No. 5, Tuesday, 1 May 1962. Col. 647-654 dan 674-678; dan Ibid. Vol. IV, No. 6, Wednesday, 2 May 1962. Col. 705-711).

²²⁷ Sewaktu berucap bagi mengemukakan usul "bahawa Dewan ini mengambil ketetapan oleh kerana Melayu Raya itu pada dasarnya ialah gugusan Pulau-Pulau Melayu, hendaklah dimasukkan di dalam rancangan Melayu Raya itu daerah-daerah Indonesia dan Filipina dan hendaklah Perdana Menteri membuat rundingan-rundingan awal dengan pihak-pihak negara-negara Indonesia dan Filipina bagi mewujudkan Kesatuan Melayu Raya itu", Dr Burhanuddin al-Helmy menyatakan: "Kerana langkah kerajaan sekarang ini hendak menyatukan semula kepulauan Melayu itu tidak memenuhi kepulauan Melayu sebagaimana dasar yang asalnya, maka kerana itulah saya membawa usul ini..." (Ibid. Vol. IV, No. 5, Tuesday, 1 May 1962. Col. 632-647).

²²⁸ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 ini juga telah memilih Dr Burhanuddin al-Helmy, Zulkiflee Muhammad, Mohd Asri Muda dan Mohd Yunus Taib sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung dan Bendahari Agung PAS--di samping telah turut memilih Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Ahmad Abdullah, Mohd Taha Kalu, Othman Abdullah, Baharuddin Abdul Latif, Muhammad Hanif, Hasan Adli Arshad dan Abu Bakar Hamzah sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1962/1964 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 17-18).

²²⁹ Ibid. Hlm. 19. Usul ini merupakan salah satu (usul pertama) daripada 9 usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 ini. Selanjutnya, Hasan Adli Arshad telah, di atas arahan Jawatankuasa Kerja Agung PAS (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 dan 12 September 1962, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1962/1963. Hlm. 8-9), mengemukakan pula satu usul yang berbunyi "Majlis ini memutuskan bahawa hendaklah dirakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu negeri Persekutuan Tanah Melayu ini ialah dipunyai oleh bangsa Melayu" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 14, Friday, 5 October 1962. Col. 1515-1526). Perbahasan mengenai usul ini, yang menyaksikan hanya Dr Burhanuddin al-Helmy seorang sahaja sempat berucap menyokongnya (Ibid. Vol. IV, No. 14, Friday, 5 October 1962. Col. 1526-1541), walau bagaimanapun telah tidak disambung semula selepas hari berkenaan. Di sebalik penekanan kepada persoalan keMelayuan ini, PAS, melalui Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11-nya, telah turut meluluskan satu usul bagi mendesak kerajaan mencatitkan perkataan "*official*" sebelum perkataan "*religion*" di dalam Perlembagaan Persekutuan (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962, 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 15).

pembentukan Malaysia disebabkan ia akan "membahayakan kedudukan bangsa Melayu"²³⁰ yang "sedikit demi sedikit akan tenggelam di dalam tanah airnya sendiri".²³¹

Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963 telah, setelah memutuskan bahawa "PAS adalah menentang rancangan dan gagasan Malaysia itu secara cergas dan bersungguh-sungguh dengan semangat dan faham bahawa (ia) adalah membahayakan terhadap orang-orang Melayu",²³² bersetuju untuk menentangnya di dalam Dewan Rakyat,²³³ mengirimkan memorandum kepada Kerajaan Indonesia,

²³⁰ Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 23 Ogos 1962 bertajuk "Ulasan Terhadap Melayu Raya". Hlm. 1.

²³¹ Teks ucapan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam perjumpaan umum menentang penubuhan Malaysia anjuran parti-parti pembangkang di Sulaiman Court, Batu Road, Kuala Lumpur, pada 25 April 1963 (tidak bertajuk). Hlm. 2. Dua hari sebelum perjumpaan umum ini dilangsungkan, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah meluluskan satu memorandum--yang dirangka oleh Zulkiflee Muhammad--bagi menjelaskan penentangan PAS terhadap pembentukan Malaysia kepada Setiausaha Rendah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1963. Hlm. 3).

²³² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963. Hlm. 2.

²³³ Ibid. Hlm. 2. Sewaktu berucap bagi membahaskan usul "*that this House, noting the desire of the people of North Borneo, Sarawak and Singapore to be federated in Malaysia with the existing States of the Federation in accordance with the agreement signed in London on 9 July 1963, hereby endorses that agreement*" yang dikemukakan oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Zulkiflee Muhammad telah-sebagai mengikuti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963. Hlm. 2)--mencadangkan supaya usul itu dipinda menjadi: "*that this House, noting that the Government does not have the mandate of the people to form Malaysia whereby the States of North Borneo, Sarawak and Singapore will be federated with the existing States of the Federation in accordance with the agreement signed in London on 9 July 1963, hereby does not endorse that agreement*" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. V, No. 6, Monday, 12 August 1963. Col. 686-699). Setelah pindaan ini ditolak oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, dua orang Ahli Dewan Rakyat PAS yang lain, iaitu Mohd Asri Muda dan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani (Ibid. Vol. V, No. 6, Monday, 12 August 1963. Col. 724-727; dan Ibid. Vol. V, No. 8, Wednesday, 14 August 1963. Col. 885-890), telah berucap bagi menyokong pindaan yang dikemukakan oleh Tan Phock Kin yang menyatakan "*that this House, noting the desire of the people of North Borneo, Sarawak and Singapore to be federated in Malaysia with the existing States of the Federation in accordance with the agreement signed in London on 9 July 1963 is not yet ascertained, hereby defers the endorsement of that agreement*" pula. Di sebalik bangkangan Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS ke atas usul asal Tengku Abdul Rahman Putra ini, ia akhirnya tetap juga diluluskan (Ibid. Vol. V, No. 8, Wednesday, 14 August 1963. Col. 940). Sewaktu berucap bagi membahaskan "The Malaysia Bill" yang dikemukakan oleh Abdul Razak Hussein pula, Dr Burhanuddin al-Helmy telah menegaskan bahawa "Rang Undang-Undang Malaysia yang ada sekarang ini adalah satu helah politik yang halus, yang cerdik, yang telah dibentuk oleh penjajah...untuk menipu bangsa Melayu dan untuk menipu dan menjatuhkan hak ketuanan bangsa Melayu" kerana "di dalam Perlembagaan Malaysia itu terselit bencana-bencana yang akan menenggelamkan bangsa Melayu dan melambatkan perjuangan cita-cita bumiputera bangsa Melayu" (Ibid. Vol. V, No. 9, Thursday, 15 August 1963. Col. 988-1004). Di sebalik bangkangan hebat beliau--juga dua orang Ahli Dewan Rakyat

Kerajaan Filipina, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Raja-Raja Melayu, Negara-Negara Arab dan Negara-Negara Afro-Asia²³⁴ di samping untuk menemui Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri²³⁵ bagi "menyampaikan arahan supaya mereka bersiap sedia untuk bertindak bilamana datang satu-satu petunjuk dan perintah dari Pejabat Agung kelak",²³⁶ termasuklah supaya mereka mengarahkan ahli-ahli PAS untuk tidak menyertai perayaan-perayaan bagi menyambut kelahiran Malaysia.²³⁷ Ia juga telah memutuskan bahawa Kerajaan Kelantan hendaklah menolak sebarang rupa pindaan ke atas perlombagaan negeri itu, juga hendaklah meminta Sultan Kelantan tidak menandatangani sebarang perjanjian, yang akan membolehkan penubuhan Malaysia.²³⁸

PAS yang lain, iaitu Wan Mustapha Ali dan Zulkiflee Muhammad (*Ibid.* Vol. V, No. 11, Saturday, 17 August 1963. Col. 1164-1174; dan *Ibid.* Vol. V, No. 12, Monday, 19 August 1963. Col. 1235-1278)-- ke atas rang undang-undang ini, ia akhirnya tetap juga diluluskan (*Ibid.* Vol. V, No. 13, Tuesday, 20 August 1963. Col. 1486).

²³⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963. Hlm. 2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963 kemudiannya dimaklumkan bahawa mereka yang telah dikirimkan memorandum ini hanyalah Kerajaan Indonesia, Kerajaan Filipina dan Raja-Raja Melayu sahaja (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963. Hlm. 2).

²³⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963. Hlm. 3. Wakil-wakil Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang telah ditetapkan untuk menemui Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri ini ialah Mohd Asri Muda bagi negeri-negeri Kelantan dan Terengganu; Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani bagi negeri-negeri Negeri Sembilan, Melaka dan Johor; Zulkiflee Muhammad bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; Baharuddin Abdul Latiff bagi negeri Perak dan Pejabat Agung PAS sendiri bagi negeri Pahang. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963 kemudiannya dimaklumkan bahawa, berdasarkan kepada pertemuan-pertemuan ini, "sambutan ahli-ahli kita terhadap keputusan sikap kita itu adalah baik" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1963. Hlm. 2).

²³⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963. Hlm. 3. Mengikut minit mesyuarat ini: "PAS hendaklah berusaha mewujudkan satu suasana penentangan yang boleh diterima oleh orang ramai, pun hendaklah (kita) berikhtiar mewujudkan keadaan di mana orang ramai dapat menerima pula fikiran penentangan dari pihak kita itu...Rapat umum, kalau ia akan diadakan, hendaklah berupa sehingga tidak ada parti lain yang dapat mengadakan pula satu rapat umum (yang) lebih besar dari(pada) rapat umum kita itu kerana menyerang balas terhadap kita".

²³⁷ *Ibid.* Hlm. 3. Mengikut minit mesyuarat ini: "Adalah diputuskan juga bahawa rapat-rapat umum di seluruh Kelantan hendaklah dimulakan kira-kira seminggu sebelum Malaysia itu dilahirkan".

²³⁸ *Ibid.* Hlm. 2.

Penentangan PAS ke atas pembentukan Malaysia, yang berakhir dengan penolakan,²³⁹ pada 14 September 1963, Mahkamah Persekutuan ke atas permohonan Kerajaan Kelantan agar ia mengisytiharkan Perjanjian Malaysia 1963 dan Akta Malaysia 1963 sebagai "*null and void or, alternatively, not binding on the State*"²⁴⁰--yang diikuti dengan kelahiran Malaysia pada 16 September 1963--telah menjelaskan prestasi PAS di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-3 yang telah dilangsungkan pada 25 April 1964²⁴¹ apabila para pemimpinnya telah dicap sebagai pengkhianat negara²⁴² kerana didakwa bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia yang telah melancarkan dasar konfrontasi

²³⁹ The Government of the State of Kelantan v. The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, dlm. The Malayan Law Journal, Vol. XXIX, 1963. Hlm. 355-360. Ringkasan penghakiman yang telah diberikan di dalam kes ini adalah: "(1) Parliament in enacting the Malaysia Act so as to amend *inter alia* Article 1(1) and (2) acted within the powers granted to it by Article 159 of the Constitution. The Constitution which formed an integral part of the Federation of Malaya Agreement, 1957, (to which Kelantan was a party) did not require consultation with any State as a condition to be fulfilled; (2) The Malaysia Agreement was signed for the 'Federation of Malaya' by the Prime Minister, Deputy Prime Minister and four members of the Cabinet. This was in compliance with Articles 39 and 80(1) of the Constitution and there is nothing whatsoever in the Constitution requiring consultation with any State Government or the Ruler of any State".

²⁴⁰ Ibid. Hlm. 355-360. Ringkasan permohonan Kerajaan Kelantan adalah: "The Malaysia Act would abolish the 'Federation of Malaya' thereby violating the Federation of Malaya Agreement, 1957; that the proposed changes needed the consent of each of the constituent States, including Kelantan, and this had not been obtained; that the Ruler of Kelantan should have been a party to the Malaysia Agreement; that constitutional convention called for consultation with Rulers of individual States as to substantial changes to be made to the Constitution; and that the Federal Parliament had no power to legislate for Kelantan in respect of any matter regarding which that State had its own legislature".

²⁴¹ Mengikut K J Ratnam dan R S Milne, Tengku Abdul Rahman Putra telah, sewaktu mengumumkan tarikh pilihan raya umum ini di dalam siaran radio beliau pada 14 April 1964, menyatakan: "The election in actual fact should be held sometime in August or September this year, but because of the seriousness of the situation and the charge made by the other political parties to the effect that the Alliance Government has no mandate to pursue the course we are now pursuing, it has been decided to hold it earlier. The decision to hold an early election is to seek a mandate from the people and for them to decide as to whether we are doing the right thing in boldly facing Indonesia's confrontation" (K J Ratnam dan R S Milne (1969). The Malayan Parliamentary Election of 1964. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Hlm. 16-17).

²⁴² Ibid. Hlm. 110-116. Mengikut K J Ratnam dan R S Milne: "(The SF and the PMIP) were singled out as having direct connexions with Indonesia and were bluntly accused of carrying on fifth-column activities. Frequent reference was made to the fact that some of their leaders--particularly Dr Burhamuddin (PMIP) and Ishak Mohamad and Ahmad Boestamam (SF)--had, after the war, been the leaders of a movement which advocated union between Indonesia and Malaya... To indicate the extent to which the SF and the PMIP were actively involved in subversion and sabotage, the Alliance made full use of the fact that arms and ammunition had been discovered in a Party Rakyat branch in Johore and on a beach near Bachok, a PMIP stronghold in Kelantan".

terhadap negara ini bagi menggagalkan pembentukan Malaysia.²⁴³ Dengan Dr Burhanuddin al-Helmy kehilangan kelayakan untuk menyertainya²⁴⁴ setelah beliau disabitkan²⁴⁵ di dalam satu kes mahkamah,²⁴⁶ PAS kali ini²⁴⁷ hanya memenangi 9, iaitu 8

²⁴³ Dalam menghadapi dasar konfrontasi yang dilancarkan oleh Kerajaan Indonesia--yang menyebabkan satu perisytiharan darurat telah terpaksa dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 3 September 1964 (Federal Government Gazette, 3 September 1964, L.N. 271) dan yang ditamatkan dengan penandatanganan satu perjanjian (yang Fasal Ke-3-nya memperuntukkan bahawa "Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia bersetuju bahawa...perbuatan-perbuatan permusuhan di antara kedua buah negara hendaklah diberhentikan dari sekarang juga") di antara wakil-wakil Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia, iaitu Adam Malik dan Abdul Razak Hussein, di Jakarta pada 11 Ogos 1966 (Siaran Jabatan Penerangan Malaysia bertajuk "Perjanjian Memulihkan Perhubungan Di Antara Republik Indonesia Dengan Malaysia (tidak bertarikh). Hlm. 1-4)--ini, Dr Burhanuddin al-Helmy telah--sebagai mengikuti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 dan 16 Februari 1963 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 dan 16 Februari 1963. Hlm. 5)--sebenarnya mengemukakan satu usul yang berbunyi "bahawa bagi kepentingan kebijaksanaan politik dan ketenteraman hidup negara dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu, Dewan ini menetapkan bahawa Kerajaan dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu hendaklah menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang aman dan damai di dalam perhubungan-perhubungannya dengan negara tetangga, dan sekiranya ada ketegangan-ketegangan yang meruncing, hendaklah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengadukan hal itu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penyelesaian yang damai" di dalam Dewan Rakyat (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 37, Monday, 11 March 1963. Col. 3933-3941). Di sebalik sokongan lima orang Ahli Dewan Rakyat PAS yang lain, iaitu Mohd Asri Muda, Khadijah Mohd Sidek, Ahmad Abdullah, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani dan Hussain Rahimi Saman (Ibid. Vol. IV, No. 37, Monday, 11 March 1963. Col. 3974-3980 dan 3980-3986; Ibid. Vol. IV, No. 38, Tuesday, 12 March 1963. Col. 4117-4122 dan 4133-4136; dan Ibid. Vol. IV, No. 39, Wednesday, 13 March 1963. Col. 4213-4218 dan 4233-4235), usul ini akhirnya tetap juga dikalahkan (Ibid. Vol. IV, No. 39, Wednesday, 13 March 1963. Col. 4244).

²⁴⁴ Kerusi yang dimiliki oleh Dr Burhanuddin al-Helmy, iaitu Besut, walau bagaimanapun telah berjaya dipertahankan oleh Mohd Daud Abdul Samad, tetapi hanya dengan majoriti 136 undi sahaja, di dalam Pilihan Raya Umum 1964 ini (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 151).

²⁴⁵ Bentuk dan jumlah sabitan yang telah dikenakan ke atas Dr Burhanuddin al-Helmy ini walau bagaimanapun adalah agak kurang jelas kerana, sementara Saliha Haji Hasan menyatakan bahawa "*a Session Court in Kuala Lumpur found (Dr Burhamuddin al-Helmy), together with seven other Directors of the Malayan-German Shipping Company, guilty of company mismanagement and fined (him) RM2,200*" (Saliha Haji Hasan (1972). Dr Burhanuddin al-Helmy: A Political Biography. Universiti Malaya. Hlm. 50), K J Ratnam dan R S Milne serta Ramlah Adam pula masing-masingnya menyatakan bahawa "*(Dr Burhanuddin al-Helmy) (was) found guilty of a (somewhat technical) offence under the Companies Ordinance and (was) fined RM25,360*" (K J Ratnam dan R S Milne (1969). The Malayan Parliamentary Election of 1964. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Hlm. 17) dan bahawa "*(Dr Burhanuddin) telah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Syarikat (Malay-German Shipping Company, Terengganu) secara haram dan telah membeli saham syarikat sebanyak RM15,000 bagi membolehkan beliau menjadi pengurusinya. Beliau dikatakan melibatkan diri dalam perniagaan ini kerana ingin membantu orang Melayu yang miskin menuai haji secara murah. Beliau telah didenda sebanyak RM40 sehari sejak 24 Februari 1961 sehingga 19 November 1962. Beliau telah (secara keseluruhannya) didenda sebanyak RM25,000*" (Ramlah Adam (1996). Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 200; dan Ramlah Adam (2004). Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 453).

²⁴⁶ Mengikut Saliha Haji Hasan, "*in a letter (to Hasan Adli Arshad) dated 29 November 1963, Burhamuddin revealed the affair as a deliberate attempt by certain parties opposed to him to liquidate*

di Kelantan dan 1 di Terengganu, daripada 53 kerusi Dewan Rakyat, dan 25, iaitu 21 di Kelantan, 3 di Terengganu dan 1 di Perlis, daripada 158 kerusi Dewan-Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya.²⁴⁸ Lebih malang lagi, PAS juga telah kehilangan Zulkiflee Muhammad yang terbunuh di dalam satu kemalangan jalan raya pada 6 Mei 1964.²⁴⁹

him from the 1964 Elections" (Saliha Haji Hasan (1972). Dr Burhanuddin al-Helmy: A Political Biography. Universiti Malaya. Hlm. 50)--pendedahan yang kelihatan turut disokong oleh Ramlah Adam yang menyatakan bahawa "tindakan (undang-undang pihak kerajaan ke atas Dr Burhanuddin) ini boleh dilihat sebagai suatu tindakan politik bagi menghalang terus Dr Burhanuddin daripada bersuara menentang kerajaan di dalam dan di luar Dewan Rakyat" (Ramlah Adam (2004). Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 454).

²⁴⁷ Di peringkat pusat, PAS telah tidak--di sebalik dakwaan-dakwaan Chandrasekaran Pillay mengenai "*(the existence of) PAS election manifesto (in the) 1964 General Election*" (Chandrasekaran Pillay (1977). Some Dominant Concepts and Dissenting Ideas of Malay Rule and Malay Society From the Malacca Period to the Colonial and Merdeka Periods. University of Singapore. Hlm. 290 dan 295) dan mengenai "*(the reusing of) (PAS) election manifesto of 1959 in 1964*" (Chandrasekaran Pillay (1974). Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes. Universiti Sains Malaysia. Hlm. 209)--mengeluarkan sebarang manifesto untuk menghadapi Pilihan Raya Umum 1964 ini ekoran kegagalannya meletakkan calon-calon "yang mencukupi" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1964. Hlm. 2). Sebagai ganti kepada manifesto ini, PAS telah mengeluarkan satu siaran dalam mana Dr Burhanuddin al-Helmy telah menyeru rakyat supaya "janganlah terikut-ikut, terugah dan takut dalam melaksanakan tugas-tugas demokrasi negeri ini"; supaya "janganlah terkeliru, terkecewa dan tertipu dengan pancingan undi yang boleh mengakibatkan kecewa kepada cita-cita bangsa Melayu dan agama Islam"; dan supaya "mengundi calon-calon PAS" kerana tindakan ini dikatakan merupakan "satu-satunya peluang bagi menebus kembali dan membela hak bumiputera bangsa Melayu daripada kezaliman politik dan perampasan hak ketuanan Melayu yang menjadikan anak bumiputera melarat dan tertindas di tanah airnya sendiri itu" dan "(bagi) meneruskan perjuangan politik Islam, iaitu menyuruh berbuat baik dan menegah berbuat mungkar" (Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 21 Mac 1964 bertajuk "Amanat Dr Burhanuddin al-Helmy, Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS)". Hlm. 1).

²⁴⁸ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 14, 15 dan 31. Kemenangan besar UMNO (dan Perikatan) di dalam Pilihan Raya Umum 1964 ini pula, mengikut Cynthia Holden Enloe, juga mengikut kebanyakan pengkaji politik Malaysia lainnya, adalah disebabkan "*there is pressure, at least implicitly, on citizens to demonstrate their support to the government in its contest with the foreign adversary (Indonesia)*" (Cynthia Holden Enloe (1967). Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia. University of California, Berkeley. Hlm. 223-224)--pandangan yang telah disokong oleh satu penerbitan rasmi UMNO yang menyatakan: "Sebelum Pilihan Raya Umum 1964, Indonesia telah mengumumkan (dasar) konfrontasinya terhadap Malaysia (menyebabkan) pengundi-pengundi merasa perlu menyokong parti pemerintah (di dalam Pilihan Raya Umum 1964) untuk mengelakkan bahaya musuh" (Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia (1971). Persidangan Agung UMNO Kali Ke-22: UMNO Di Persimpangan Jalan. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia. Hlm. 23).

²⁴⁹ Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 10 Mei 1964. Hlm. 1; dan Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. First Session of the Second Parliament of Malaysia. Vol. I, No. 2, Wednesday, 20 May 1964. Col. 54. Ekoran kematian Zulkiflee Muhammad ini, Tengku Abdul Rahman Putra sendiri telah, tatkala mengemukakan satu usul yang berbunyi "bahawa Majlis ini berhajat merakamkan perasaan kehilangan besar dan dukacita yang amat sangat atas kematian Encik Zulkiflee bin Muhammad", menyatakan kesedihan beliau kerana "Dewan ini telah hilang seorang anggota yang telah memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan demokrasi berparlimen di Malaysia ini", khususnya kerana beliau--yang dikatakan "mempunyai kebolehan yang luar biasa"--"sentiasa berada dalam Dewan ini pada tiap-tiap kali persidangan" dan kerana beliau "sentiasa mengeluarkan fikiran-fikiran yang konstruktif ataupun membina di dalam Parlimen ini" (Ibid.

Prestasi hambar PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1964 ini telah menyebabkan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 di Bangunan Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur, pada 22 dan 23 Ogos 1964²⁵⁰ dipenuhi dengan luahan kekecewaan para pemimpin PAS, khususnya Dr Burhanuddin al-Helmy sendiri yang telah sejak di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 lagi menyatakan keazaman beliau untuk "bekerja lebih kuat dan lebih giat" bagi "menguasai seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini".²⁵¹ Kekecewaan para pemimpin PAS ini telah dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Oktober 1964 dalam mana Abu Bakar Hamzah telah menggesa supaya PAS bersikap lebih radikal di dalam perjuangannya untuk menarik perhatian orang-orang Melayu/Islam,²⁵² tetapi

Vol. I, No. 2, Wednesday, 20 May 1964. Col. 54-58). Turut berucap bagi menyatakan kesedihan mereka di atas kematian beliau ini ialah Tan Siew Sin, Dr Tan Chee Khoon, D R Seenivasagam, Mohd Asri Muda, V T Sambanthan, Lee Kuan Yew, Dr Megat Khas, Dr Lim Chong Eu, Wan Abdul Kadir Ismail dan Lim Huan Boon (Ibid. Vol. I, No. 2, Wednesday, 20 May 1964. Col. 58-66).

²⁵⁰ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 ini telah memilih Dr Burhanuddin al-Helmy, Mohd Asri Muda dan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Mohd Taha Kalu, Hasan Adli Arshad, Wan Mustapha Ali, Mohd Daud Abdul Samad, Abu Bakar Hamzah, Ahmad Abdullah, Yusoff Rawa dan Baharuddin Abdul Latif sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1964/1966 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964. Hlm. 21-24).

²⁵¹ Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961. Hlm. 15. Beliau malah, di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962, menyatakan: "Keyakinan kita ialah bahawa PAS akan dapat lagi menambah dan meluaskan lagi kuasanya ke beberapa buah negeri yang lain dalam Pilihan Raya (Umum) 1964 nanti. *Insya'Allah*, Kelantan akan terus kita miliki, Terengganu akan kembali ke pangkuhan kita, (Kedah) Darul Aman akan kita takluki, Melaka akan jatuh ke tangan kita dan di mana-mana sahaja Dewan Undangan Negeri akan muncullah wakil-wakil parti kita" (Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962 (tidak bertajuk). Hlm. 2). Luah Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964 ini: "Kemudiannya kita telah pun menempuh pilihan raya besar dalam bulan April baru-baru ini. Parti kita telah meletakkan sejumlah besar calon-calon untuk Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Negeri. Kita telah masuk bertanding dengan azam yang penuh dan semangat bekerja yang berkobar-kobar, kita telah memberitahu rakyat segenap persoalan politik dan akibat-akibatnya, kita telah berbuat apa yang diharuskan untuk kita berbuat, akan tetapi, sepertimana yang tuan-tuan tahu, parti kita telah mengalami kekecewaan. Kita hanya sekadar dapat mempertahankan kekuasaan parti kita di negeri Kelantan sahaja" (Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964 (tidak bertajuk). Hlm. 2).

²⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Oktober 1964. Hlm. 2-3. Cadangan Abu Bakar Hamzah supaya "PAS membuat suatu sikap dengan mencabar pihak kerajaan supaya

gesaan ini telah terkubur apabila ia ditolak oleh Mohd Asri Muda dan Dr Burhanuddin al-Helmy.²⁵³ Di sebalik penolakan ini, PAS telah kemudiannya dikejutkan dengan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani

membubarkan PAS kalau ia mendapati bahawa PAS ini tidak setia kepada negara" ini telah disokong oleh Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani yang menghendaki supaya "PAS mengeluarkan sesuatu sikap sebagai kenyataan perjuangan PAS yang berani dan mempunyai dasar yang kukuh" kerana "rakyat selalunya suka sesuatu yang bersikap menentang dan melawan"; oleh Ahmad Abdullah yang menyatakan persetujuan beliau supaya "PAS membuat sesuatu tindakan yang dapat menarik perhatian rakyat"; oleh Mohd Daud Abdul Samad yang menanyakan "apakah yang dapat kita jayakan dengan berjalan mengikut rancangan jangka panjang kita itu?"; oleh Baharuddin Abdul Latif yang menyatakan bahawa "untuk bertindak lebih keras dari sekarang memang baik, tetapi perhitungan tentang kesediaan dan kekuatan kita hendaklah diperincikan"; dan oleh Taha Suhaimi yang menyatakan keyakinan beliau bahawa kerajaan tidak akan mengharamkan PAS "kalau ia masih menghormati demokrasi".

²⁵³ Ibid. Hlm. 3 dan 4. Sementara Mohd Asri Muda menyeru Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk "berjalan dalam rancangan jangka panjang kita mengikut apa yang boleh kita buat dalam keadaan sekarang ini", Dr Burhanuddin al-Helmy pula telah, selain menyatakan bahawa "kerana PAS ini adalah sebuah pertubuhan yang halal, yang mempunyai perlombagaan, maka hendaklah kita perteguhkan perjalanan kita mengikut perlombagaan", menasihatkan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang mahu meradikalkan PAS ini untuk tidak "membunuh diri kita sendiri".

dan Dr Burhanuddin al-Helmy²⁵⁴ pada 26 dan 28 Januari 1965 di atas dakwaan mahu menubuhkan kerajaan buangan di luar negara bagi menggulingkan Kerajaan Malaysia.²⁵⁵

²⁵⁴ Asas-asas penahanan Dr Burhanuddin al-Helmy adalah: "*You have, over a long period, consistently acted in a manner which you know to be prejudicial to the security of this country*"; dan "*You have knowingly and willingly plotted with persons whose loyalties are known to be with Indonesia and collaborated with known Indonesian Intelligence Officers to overthrow the constitutionally-elected government of Malaysia by an armed revolution*" (Surat Penasihat Undang-Undang PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 3 April 1965 bertajuk "Dr Burhanuddin". Hlm. 2). Pertuduhan-pertuduhan yang telah dihadapkan kepada beliau pula adalah: "*Since June 1963, you have disseminated anti-Malaysia propaganda among the people of this country with a view to subverting their loyalty*"; "*In late 1964, you became involved in the activities of the 'Front National', an Indonesian-inspired secret organisation whose aim is to overthrow the constitutionally-elected government of Malaysia*"; dan "*You, as one of the leaders of the 'Front National', have made preparations, in accordance with direction which you received from Indonesian Intelligence Officers, to proceed to Karachi, Pakistan, with the object of discussing the formation of a government-in-exile*" (Ibid. Hlm. 2). Menjelaskan mengenai penahanan Dr Burhanuddin al-Helmy, Tengku Abdul Rahman Putra menyatakan: "*(Dr Burhamuddin al-Helmy) had been clever enough to hide (his activity connected with this movement) and had not come out quite so openly to profess his leanings, but as a result of the capture of the few people I have mentioned just now, his crime has come out into the open and he also has been taken in*" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. First Session of the Second House of Representatives. Vol. I, No. 47, Monday, 1 March 1965. Col. 6198-6207). Dr Burhanuddin al-Helmy walaupun bagaimanapun telah kemudiannya menulis: "Dan saya sedar juga bahawa tokmah yang dikenakan kepada saya itu pun tidak benar, tetapi ialah oleh pertentangan politik yang dalam keyakinan saya benar dan bersih seperti air yang jernih taat setia saya kepada negara, bangsa dan agama saya..." (Surat Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, kepada Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia bertarikh 31 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Mengikut Hasan Adli Arshad pula: "*(Dr Burhanuddin al-Helmy) telah banyak menanggung sakit dan duka selama hayatnya. Ada hal-hal yang sesungguhnya Allahyarham tak ada kena-mengena sangat, tetapi dialah yang menerima akibat berat!*" (Surat Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Ahmad Azam Napiyah bertarikh 20 November 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

²⁵⁵ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertarikh 4 Februari 1965 bertajuk "Statement on the Arrest of Two Prominent Leaders of the PMIP". Hlm. 1.